

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN NEGARA

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 23

Rabu

6 Disember 2006

K A N D U N G A N

MENGGANGKAT SUMPAH	(Halaman	1)
MENGALU-ALUKAN AHLI BARU	(Halaman	1)
MENGGANGKAT SUMPAH DI LUAR WAKTU PERSIDANGAN	(Halaman	2)
MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA	(Halaman	2)
PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT	(Halaman	3)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman	4)
CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN	(Halaman	4)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	4)
RANG UNDANG-UNDANG:		
-Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006	(Halaman	33)
-Rang Undang-undang Ordinan No. 7 (Kuasa ² Perlu) Darurat (Pindaan)2006	(Halaman	54)
-Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif (Pindaan) 2006	(Halaman	57)
-Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2006	(Halaman	59)
-Rang Undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan)2006	(Halaman	63)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 6 Disember 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah Mengangkat Sumpah:

- Y.B. Puan Heng Seai Kie
- Y.B. Tuan Maijul Mahap
- Y.B. Dato' Yip Kum Fook
- Y.B. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya turut mengucapkan tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie, Yang Berhormat Tuan Maijul Mahap, Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook dan juga Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak yang dipilih semula sebagai Ahli-Ahli Dewan Negara yang masing-masing merupakan pilihan Dewan-Dewan Undangan Negeri Perak, Negeri Sabah dan Negeri Selangor. Saya turut mengalu-alukan pelantikan mereka dan mengucapkan tahniah.

Seperti mana yang dilafazkan dalam sumpah tadi sebaik sumbangan yang boleh Yang Berhormat berikan kepada negara sudah tentu bersandarkan betapa Yang Berhormat berazam untuk menghayati, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan. Dewan Negara telah dapat saksikan betapa di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sedia ada, demokrasi di negara kita telah dapat melangkah selangkah lagi lebih mantap, lebih menyerlah dan dalam suasana keterbukaan ini Dewan Negara telah dapat memainkan peranan yang lebih bermakna kepada negara dan harapan saya adalah agar Yang Berhormat dapat memberi sumbangan yang nyata sama dengan Perdana Menteri sedia ada untuk terus memantapkan proses demokrasi di bumi tercinta ini. Saya mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Selamat mendukung tugas Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dengan ini maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini... [*Tepuk*].

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR WAKTU PERSIDANGAN DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah di luar waktu persidangan Dewan mengikut Jadual VI dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

- | | | |
|-------------------|---|---|
| -14 Oktober 2006 | - | Y.B. Tuan Osman bin Bungsu |
| | - | Y.B. Tuan Lee Sing Chooi |
| -14 November 2006 | - | Y.B. Dato' Azian bin Othman |
| -17 November 2006 | - | Y.B. Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib |

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Lembaga Lada Malaysia 2006;
2. Akta Pelindung 2006;
3. Akta Perdagangan Elektronik 2006;
4. Akta Kepentingan Antarabangsa Mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 2006;
5. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2006;
6. Akta Kilang dan Jentera (Pindaan) 2006;
7. Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006;
8. Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 2006;
9. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2006;
10. Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2006;
11. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006; dan
12. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“30 Ogos 2006

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- | | | |
|----|------------|---|
| 1. | DR.15/2006 | Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006 |
| 2. | DR.14/2006 | Rang Undang-undang Ordinan No.7 (Kuasa ² Perlu) Darurat (Pindaan) 2006 |
| 3. | DR.13/2006 | Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif (Pindaan) 2006 |
| 4. | DR.26/2006 | Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2006
Rang Undang-undang Penduduk dan |
| 5. | DR.22/2006 | Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006
Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak- |
| 6. | DR.24/2006 | kanak (Pindaan) 2006
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan |
| 7. | DR.29/2006 | (2006) 2006 |

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

PERMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI - KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat kepada Ahli Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar dari 6 Disember hingga 21 Disember 2006.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah yang telah dilaksanakan untuk menyokong pembangunan 'jenama' yang berpotensi tinggi. Apakah jenama nasional yang sudah mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan untuk menyokong pembangunan jenama yang berpotensi tinggi termasuk penyediaan geran sehingga RM2 juta untuk membantu syarikat *enterprise* kecil dan sederhana iaitu EKS, dan bukan EKS. Penyediaan insentif dalam bentuk potongan cukai dua kali bagi menggalakkan eksport barangan dan perkhidmatan, anugerah kecemerlangan jenama dan bantuan kepada syarikat tempatan melalui potongan sokongan eksport seperti berikut:

- Pameran perdagangan di luar negara - misi perdagangan;
- Pameran barangan Malaysia di pasaran baru;
- Kaunter promosi penerangan di luar negara;
- Promosi *in stor* di gedung perniagaan terkemuka di luar negara;
- Pusat pameran di Kuala Lumpur, Dubai dan Johannesburg; dan
- Seminar bengkel

Tuan Yang di-Pertua, antara jenama nasional yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa termasuk *Royal Selangor, Pensonic, Eakowood, L'Oreal, Bonia, LG Plus, Carotino, Kin Bramis* dan *Habib*. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apakah sebenarnya faktor yang menghalang jenama-jenama Malaysia ini untuk bersaing di peringkat antarabangsa dan apakah ciri-ciri nasional yang sudah ditentukan terhadap jenama Malaysia ini. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tidak ada halangan dari segi untuk kita mempromosi jenama kita supaya terkenal di peringkat antarabangsa. Kalau kita lihat dari aspek jenama ini, dari segi kitarannya adalah baru bagi negara kita dan pada peringkat ini masih lagi berbentuk, dengan izin, *government driven*, yang bermula lebih kurang dua tahun lalu apabila pihak kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM200 juta.

Apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan di bawah pelan induk perindustrian, kita akan memperkukuhkan usaha penjenamaan dengan mengadakan tiga struktur, iaitu:

- (i) usaha daripada kerajaan dengan kita menubuhkan *task force* untuk melihat keseluruhan dari segi strategi, pemantauan dan sebagainya;
- (ii) dari segi industri. Kita mahu industri memainkan peranan yang penting supaya *private driven* - sistem itu dapat dilaksanakan; dan
- (iii) di peringkat syarikat sendiri.

Berkenaan dengan ciri-ciri nasional pada peringkat ini kita tidak membuat satu dasar yang jenama mesti berteraskan kepada nama Malaysia kerana apa yang kita lakukan adalah untuk pemasaran di luar negara. Kita perlu mempunyai satu nama yang boleh dijual daripada kita terlampau berpolemik mengenai dengan nama Malaysia, mesti hendak diperkenalkan tetapi akhirnya tidak dapat diperkenalkan. Tetapi ada nama-nama Malaysia yang sekarang sudah berada di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bermakna kerajaan membantu secara nyata.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun Microsoft negara Amerika tidak bantu, Mercedes negara Jerman tidak bantu dan Gucci negara Itali tidak bantu...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

2. **Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah strategi kerajaan untuk memastikan pelan rancangan dan strategi pembangunan Malaysia di dalam RMK-9 akan terlaksana dan berupaya dicapai di dalam jangka waktu yang telah ditetapkan memandangkan iklim ekonomi dunia yang tidak menentu dan kos pembangunan yang semakin meningkat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memantau perkembangan ekonomi dunia dan juga kedudukan semasa ekonomi negara untuk memastikan pencapaian pembangunan sosioekonomi negara adalah sebagaimana disasarkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Bagi tahun 2006, kedudukan ekonomi dunia adalah lebih memberangsangkan disokong oleh pencapaian yang lebih baik beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, EU, Jepun dan juga negara China.

Dalam hubungan ini Tabung Kewangan Antarabangsa atau IMF, telah menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi dunia 2006 dan 2007 kepada 5.1% dan 4.9% berbanding unjuran terdahulu iaitu 4.8% dan 4.7%. Perdagangan dunia juga dijangka berkembang lebih baik iaitu sebanyak 8.9% pada 2006 dan 7.6% pada 2007. Harga minyak dunia juga telah menyederhanakan kepada di bawah paras USD60 setong.

Seiring dengan perkembangan ekonomi dunia yang memberangsangkan, ekonomi Malaysia juga telah berkembang sebanyak 6% bagi tiga suku pertama tahun 2006 iaitu lebih tinggi berbanding anggaran rasmi sebanyak 5.8%. Bagi tahun 2007, ekonomi dijangka berkembang sebanyak 6% iaitu selaras dengan sasaran Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan adalah komited untuk menggiatkan lagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan bagi memastikan matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan dapat dicapai dalam jangka waktu yang ditetapkan. Malah badan bertindak pelaksanaan negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ditubuhkan khusus untuk memastikan pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan disegerakan manakala Direktorat Pelaksanaan Nasional selaku urus setia Badan Bertindak Pelaksanaan Negara ditugaskan untuk memantau pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan terutamanya *high impact projects*, dengan izin.

Proses menender 880 projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan bernilai RM15 bilion sebagaimana diumumkan pada 18 Julai yang lalu sedang giat dilaksanakan. Kerajaan juga sedang dalam proses untuk memuktamadkan senarai kedua projek yang akan di tender. Seluruh jentera kerajaan juga dikehendaki memastikan projek pembangunan lain yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dapat dipercepatkan pelaksanaannya supaya rakyat mendapat manfaat seperti dihasratkan oleh kerajaan. Ini termasuklah usaha-usaha untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam ...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mahu kah Yang Berhormat beri peluang untuk pertanyaan tambahan?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Saya menjawab berdasarkan kepada soalan. Jadi saya kena habiskan, Tuan Yang di-Pertua.

Ini termasuklah usaha-usaha untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan mengamalkan prinsip penzahiran, ketelusan, akauntabiliti dan saling mempercayai. Usaha-usaha untuk menggiatkan pembangunan ekonomi wilayah juga sedang dilaksanakan. Ini termasuklah pelaksanaan Wilayah Pembangunan Iskandar, Zon Pembangunan Utara Semenanjung, Zon Pembangunan Pantai Timur serta di Sabah dan Sarawak bagi merangsang pertumbuhan ekonomi di kawasan berkenaan dan seterusnya menyumbang kepada pengagihan kemakmuran negara yang lebih adil dan seimbang.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat di atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, dalam Rancangan Malaysia Kelapan banyak projek yang terbengkalai. Dari segi pengalaman Yang Berhormat, apakah puncanya? Adakah kerana peningkatan kos yang tinggi ataupun kerana kerenah

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu - apakah puncanya. Kementerian Yang Berhormat akan jawablah.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya hendak sebutkan sikit, Tuan Yang di-Pertua. Adakah puncanya kerana peningkatan kos yang tinggi ataupun kerana kerenah birokrasi yang melambatkan pembayaran kepada kontraktor? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita sedar sebahagian kecil kelemahan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini khususnya diberi penekanan satu daripada perkara iaitu tentang sistem penyampaian atau *delivery system*, sistem pengesanan projek di mana kita di bawah program pelaksanaan projek 3P yang dirancang oleh pihak kerajaan pastikan bahawa semua projek yang dikenal pasti sekarang ini dikenal pasti dari peringkat perancangan lagi bagi memastikan supaya dalam perjalanan dari satu tahap ke satu tahap pelaksanaan projek ini nanti kita dapat kenal pasti daripada awal sama ada kesan kelemahan-kelemahannya dan di waktu itu jugalah kita akan membetulkannya.

Kelemahan-kelemahan kita kenal pasti pada masa yang lalu terdapat di pelbagai tempat termasuklah kelemahan dari segi perancangan sendiri dan begitu juga *delivery system*. Sebab itulah kerajaan mengemaskinikan sekarang supaya *delivery system* ini lebih berkesan lagi.

3. **Ir. Hiang A Li** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah kerajaan berhasrat untuk merombak semula sistem pentadbiran dan pelaburan Khazanah Nasional memandangkan pembangunan sektor tertentu ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan merombak semula sistem pentadbiran sebagai sebahagian daripada usaha Program Transformasi GLC. Program Transformasi GLC adalah untuk memantapkan pencapaian GLC yang telah

dilancarkan pada 29 Julai 2005 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui manual transformasi.

Manual transformasi ini akan memberi gambaran terperinci dan langkah-langkah pembaikan yang bertujuan untuk menggalakkan GLC melakukan perubahan dalaman, memperbaiki penawaran khidmat pelanggan dan meningkatkan daya saing boleh lebih berfokuskan aspek komersial. Inisiatif manual transformasi ini perlu dilaksanakan oleh pihak pengurusan GLC dengan serta-merta yang akan membantu syarikat GLC meningkatkan pencapaian mereka.

Selaras dengan program ini kerajaan telah melantik sekumpulan ahli, *professional corporate* yang mempunyai pengalaman serta terbukti dengan rekod prestasi yang baik bagi menerajui Khazanah. Kerajaan juga telah mengubah dasar dengan membenar dan menggalakkan Khazanah untuk melabur di luar negara jika pelaburan yang dikenal pasti didapati sesuai dan berpotensi serta memberi pulangan yang baik.

Selain itu Khazanah juga mempunyai polisi pelaburan dan kriteria pemilihan pelaburan yang tersendiri agar lebih relevan dengan perkembangan semasa di arena domestik dan antarabangsa. Segala keputusan utama seperti membuat pelaburan dan penjualan pelaburan adalah diputuskan oleh Lembaga Pengarah manakala pentadbiran dan pengurusan Khazanah adalah diuruskan oleh pengurusan profesional atau dengan izin, *management team* yang diketuai oleh Pengarah Urusan yang bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelia kegiatan harian Khazanah serta melaporkan perkara-perkara yang berkenaan kepada Lembaga Pengarah.

Sekian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ir. Hiang A Li dan selepas itu Dr. Hj. Mohd. Puad.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat atas jawapan yang baik. Soalan tambahan ialah apakah isi kandungan dalam Manual Transformasi yang telah direka bentuk. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Manual Transformasi ini mengandungi 10 inisiatif bagi Program Transformasi GLC. Di antara inisiatif ini adalah:

- (i) mempertingkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah;
- (ii) memperkukuhkan keupayaan pengarah;
- (iii) mempertingkatkan fungsi memantau dan mengurus anak-anak syarikat GLC;
- (iv) menambah baik persekitaran kawal selia;
- (v) memperjelaskan kewajipan sosial atau *corporate social responsibility* dengan izin;
- (vi) mengkaji dan menyusun semula perolehan;
- (vii) mengurus dan membangunkan pemimpin dan modal insan; dan

- (viii) mempergiatkan amalan pengurusan prestasi dan mempertingkatkan penambahbaikan operasi.

Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah oleh kerana Khazanah dilantik sebagai Sekretariat Jawatankuasa Putrajaya ke arah penambahbaikan pengurusan GLC, saya ingin tahu iaitu sebagai perancang utama kepada Pembangunan Wilayah Iskandar, kenapa sampai sekarang perincian itu tidak pernah dimaklumkan sedangkan Pembangunan Wilayah Iskandar sudah pun dilancarkan. Tetapi perinciannya sampai sekarang tidak ada siapa pun yang tahu. Kenapa lambat?

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab penekanan kepada *delivery system*, semua orang hendak tanya kenapa lambat, kenapa lambat?

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjalankan *delivery system*, memang kajian yang sedalamnya mesti dibuat dan maklumat akan dikeluarkan dengan secepat mungkin. *Just be patient*. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Agaknyalah Yang Berhormat, peranan GLC dalam ekonomi negara kita ini serupa juga dengan peranan GLC di negara Perancis. Struktur ekonomi dengan begitu dominannya GLC serupa dengan di Perancis tetapi tidak serupa dengan Amerika Syarikat. Terima kasih.

4. **Dato Sri Empiang Jabu** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan pendidikan dewasa, *adult-education*, di IPTA.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia atau IPTA, sememangnya telah lama membuka peluang kepada masyarakat bagi mengikuti pendidikan dewasa dengan menawarkan program-program akademik dan menawarkan program-program bukan akademi yang disasarkan kepada golongan yang telah bekerja dan mereka yang terlepas peluang untuk belajar selepas tamat pendidikan sekolah bagi mengikuti program di peringkat *tertiary*.

Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan pendidikan dewasa di IPTA adalah:

- (i) IPTA menawarkan program-program ijazah dan lepasan ijazah kepada golongan bekerja yang memenuhi syarat-syarat kemasukan yang ditentukan oleh universiti-universiti. Program-program ini dilaksanakan

secara penuh ataupun separuh masa dengan menggunakan kaedah pengajian seperti:

- pengajaran dan pembelajaran konvensional;
 - pengajaran dan pembelajaran jarak jauh; dan
 - kaedah e-pengajaran dan pembelajaran;
- (ii) IPTA menawarkan kursus serta bengkel jangka pendek dengan persijilan serta program eksekutif yang dibangunkan untuk kumpulan sasar yang tertentu seperti jabatan, agensi kerajaan dan swasta. Program-program ini tidak memerlukan peserta atau calon yang memiliki kelayakan minimum; dan
- (iii) IPTA melaksanakan dasar kemasukan yang lebih fleksibel ke atas golongan yang mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima tahun serta memenuhi syarat kelulusan minimum iaitu Sijil Pelajaran Malaysia untuk mengikuti program-program akademik sarjana muda dalam bidang yang bersesuaian.

Telah menjadi hasrat kementerian supaya IPTA dapat membuka lebih banyak peluang pengajian kepada pelajar matang dengan mengambil kira pengalaman bekerja ataupun kelayakan terdahulu, *Recognition of Prior Learning* atau RPL, dengan izin, yang bersesuaian selaras dengan dasar pendemokrasian pengajian tinggi.

Pada masa ini, sebanyak lapan buah IPTA telah mewujudkan pusat yang ditubuhkan khas bagi pelaksanaan program pendidikan sepanjang hayat. Ini jelas menunjukkan sokongan IPTA dalam mencapai hasrat tersebut. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Adakah selain daripada IPTA, IPTS juga menjalankan program-program bagi *adult-education* ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat enam buah IPTS yang sedang melaksanakan program pendidikan jarak jauh yang menyokong pembelajaran sepanjang hayat. Saya namakan Universiti Terbuka Malaysia, Universiti Tun Abdul Razak, Universiti Multimedia, Universiti Tunku Abdul Rahman, Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia dan Kolej Universiti Terbuka Wawasan.

Yang menjadi keistimewaan di sini ialah Lembaga Akreditasi Negara atau LAN, telah pun mengamalkan sistem kemasukan terbuka. Contoh seperti mengambil kursus pengajian sarjana muda, pelajar-pelajar ataupun peserta dikenakan syarat minimum PMR dan berumur tidak lebih daripada 21 tahun boleh memasuki program sarjana muda. Untuk program Sarjana atau *Master*, STPM, matrikulasi atau setara yang berumur tidak kurang daripada 35 tahun untuk kelayakan untuk ke peringkat sarjana. Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah dalam usaha menggalakkan pendidikan dewasa adakah kerajaan bercadang untuk merangka satu *syllabus* khusus untuk warga emas bagi meningkatkan kemahiran dan taraf hidup warga emas di IPTA? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai contoh kita mengakui bahawa warga emas kian bertambah minat untuk mengikuti pengajian di peringkat IPTA. Di USM contohnya, terdapat empat program ditawarkan kepada warga emas dan telah pun berjalan, di mana 21 warga emas telah pun memasuki program yang ditawarkan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian), Ijazah Sarjana Muda Sastera, Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan. Dengan itu, kelayakan yang dikenakan ialah lulus SPM, MCE, SPVM atau setara dengan kepujian Bahasa Malaysia.

Yang cantiknya di sini ialah mereka berumur 50 tahun ke atas telah memasuki, sebagai contoh. Kita tidak menggelar mereka 'mahasiswa' Tuan Yang di-Pertua, kita masih menggelar mereka mahasiswa dan mahasiswi. Ini dianggap sebagai peluang ketiga kepada mereka selepas mereka ada pengalaman bekerja di peringkat awam atau swasta. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Yang Berhormat-Yang Berhormat semua masih berpeluang mengejar ijazah Ph.D.

5. **Tuan Ismail Kasim** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah strategi kerajaan dan agensi untuk memperbanyakkan lagi peluang-peluang perniagaan terutama di kalangan usahawan bumiputera di negara China dan India memandangkan keduanya merupakan kuasa baru ekonomi dunia.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, China dan India sememangnya merupakan pasaran eksport yang berpotensi tinggi. Berbanding tahun 2004, eksport Malaysia ke China pada tahun 2005 meningkat sebanyak 9.6% kepada RM35.2 bilion. Manakala eksport ke India meningkat 31.2% kepada hampir RM15 bilion.

Bagi meningkatkan peluang-peluang eksport ke China dan India, MITI melalui MATRADE dan MIDA menganjurkan misi galakan perdagangan dan pelaburan yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri MITI dan disertai oleh sektor swasta. Semasa misi ini, pertemuan perniagaan diatur di antara syarikat-syarikat Malaysia dengan syarikat-syarikat tempatan di negara-negara berkenaan.

Pada tahun ini, misi galakan perdagangan dan pelaburan ke China telah diadakan pada 24 hingga 31 Mei 2006, sementara misi ke India telah diadakan pada 13 hingga 19 September 2006. Kedua-dua misi ini telah berjaya mempromosi eksport barangan dan sektor perkhidmatan Malaysia serta memaklumkan sektor swasta di China dan India mengenai kedudukan terkini ekonomi serta

peluang-peluang pelaburan dan perdagangan di Malaysia. Ia juga mengukuhkan jaringan perniagaan dan mewujudkan peluang-peluang kerjasama di antara sektor swasta Malaysia dengan sektor swasta China di India di mana sebanyak 276 pertemuan perniagaan telah diadakan di antara ahli-ahli misi ke India dengan ahli-ahli perniagaan di China dan Calcutta. Sebanyak 692 pertemuan perniagaan telah diadakan di antara ahli-ahli misi ke China dengan ahli-ahli perniagaan di Beijing, Shanghai dan Hong Kong.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada misi galakan perdagangan dan pelaburan, MITI menerusi MATRADE juga:

- menganjurkan misi pemasaran khusus bagi mempromosi sektor perkhidmatan seperti pendidikan, kesihatan, pembinaan serta teknologi maklumat dan komunikasi;
- memberikan tumpuan terhadap promosi produk halal dengan menggunakan kelebihan Malaysia sebagai pengeluar produk halal yang bukan sahaja boleh dipercayai malah berkualiti tinggi; dan
- mempertingkatkan penyertaan di pameran-pameran antarabangsa dan menganjurkan misi belian oleh pembeli-pembeli asing termasuk dari China dan India, terutama sekali ketika pameran antarabangsa.

Dari segi pelaburan di China dan India pula, Malaysia telah mengadakan mekanisme mengumpul dan menyebarkan maklumat mengenai bidang-bidang ekonomi terutama di India dan China kepada pengusaha Malaysia melalui kedutaan Malaysia, pejabat-pejabat perwakilan dan agensi kerajaan di China dan India serta MIDA yang membantu syarikat Malaysia dalam pelaburan seberang sempadan.

Bagi negara China dari tahun 1998 hingga 2005, pelabur Malaysia telah melabur RM2.6 bilion di China yang merupakan destinasi kesembilan terbesar bagi pelabur dari Malaysia. Malaysia merupakan sumber Pelaburan Asing Langsung atau FDI, keempat belas terbesar bagi China.

Bagi India pula dari tahun 1998 hingga 2005, pelabur Malaysia telah melabur sebanyak RM535 juta di India yang merupakan destinasi kedua puluh terbesar bagi pelaburan daripada Malaysia. Malaysia merupakan sumber FDI kesembilan belas terbesar bagi India.

Pengusaha Malaysia perlu mengambil peluang dari inisiatif Perjanjian Perdagangan Bebas atau FTA, di antara ASEAN dan China, di mana Malaysia melalui ASEAN sedang berunding FTA dengan China. Perjanjian rangka kerja bagi kerjasama ekonomi di antara ASEAN dan China telah ditandatangani pada November 2002 semasa Sidang Kemuncak ASEAN di Phnom Penh.

Buat masa ini, Program Tuaian Awal atau *Early Harvest Program*, telah mula dilaksanakan bermula 1 Januari 2004 dan tarif ke atas semua produk di dalam senarai EHP telah dilupuskan pada 1 Januari 2006. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2006, eksport Malaysia ke China di bawah *Early*

Harvest Program adalah sebanyak RM373.7 juta. Import daripada China pula berjumlah RM20.8 juta bagi tempoh yang sama. FTA dalam sektor barangan telah mula dilaksanakan pada 20 Julai 2005.

Rundingan dalam sektor perkhidmatan dan pelaburan sedang berjalan. Kerajaan akan terus memfasilitasi usahawan-usahawan Malaysia untuk merebut peluang-peluang perniagaan di kedua-dua buah negara. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan dan kemudian Yang Berhormat Puan Siw Chun. Saya boleh benarkan tiga sahaja.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, untuk mempergiatkan dan mempertingkatkan perniagaan Malaysia di negara China, India dan juga negara-negara lain, adakah strategi kementerian untuk mewujudkan atau membantu mewujudkan konsortium gabungan berbilang *ethnic* Malaysia untuk meneroka pasaran antarabangsa dan setakat ini sudah berapa syarikat atau konsortium sudah ditubuhkan?

Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, perniagaan berdasarkan kepada *organic growth* iaitu sistem natural proses semula jadi yang kita tidak boleh gabungkan antara 'A', 'B', 'C', mengikut kehendak kita. Walau bagaimanapun, kerajaan mempunyai dasar terutama bagi syarikat yang disenaraikan di dalam *Kuala Lumpur Stock Exchange* mesti mempunyai kuantum sekurang-kurangnya 30% dari segi penyertaan bumiputera. Selain daripada itu, konsortium akan dilaksanakan oleh pihak swasta.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, satu ketika dahulu ada syarikat korporat terbesar Malaysia yang melabur di China telah mengalami kerugian. Pelaburan mereka hancur berderai. Bolehkah Yang Berhormat namakan syarikat korporat tersebut dan jenis pelaburannya dan apakah sebab-sebab utama pelaburan tersebut mengalami kegagalan? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, ini isu spesifik. Saya perlu menyemak syarikat mana tetapi saya ingin menyatakan bahawa banyak syarikat dari seluruh dunia akan pergi ke China oleh kerana dari segi *competitive advantage*, China mempunyai pasaran yang besar. Tetapi banyak syarikat yang terbakar jarinya dan ini termasuklah syarikat Malaysia kerana pelbagai faktor iaitu faktor pasaran, faktor rakan kongsi dan pelbagai faktor lain yang terlibat.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah bilangan atau jumlah syarikat yang dimiliki oleh bumiputera ataupun bukan bumiputera dari Malaysia yang telah berjaya menceburi dalam bidang perniagaan di kedua-dua negara tersebut

setakat Jun 2006? Sila nyatakan sektor-sektor yang mereka ceburi dan bagaimanakah Kementerian membuat pemantauan susulan terhadap mereka? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, dari segi syarikat, saya akan bagi kemudian ya, pasal itu lebih spesifik. Dari segi bidang-bidang yang kita mempunyai *competitive advantage* dengan China, *electrical* dan *electronic*, kelapa sawit, *chemical* dan *chemical product*, *timbers products*, *machinery appliances* dan *components*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

6. **Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai, cadangan menyambung perkhidmatan feri bertambang murah antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timur. Adakah keadaan ini akan menambahkan bilangan pelancong dari Malaysia Barat ke Malaysia Timur dan sebaliknya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang ada membuat kajian mengenai cadangan mewujudkan semula perkhidmatan feri Malaysia sebagai pengangkutan alternatif untuk memberi peluang lebih ramai penduduk di Semenanjung Malaysia berkunjung ke Malaysia Timur dan begitu juga sebaliknya. Perkhidmatan yang dicadangkan ini boleh dijadikan sebagai salah satu mekanisme untuk mempertingkatkan serta memperkukuhkan lagi proses integrasi nasional di antara penduduk di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak ke arah pembentukan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Berasaskan kajian awam, perkhidmatan feri ini selain dari menawarkan tambang yang rendah, ia juga menyediakan beberapa kemudahan-kemudahan lain seperti perkhidmatan kargo, kenderaan penumpang serta kemudahan-kemudahan penumpang semasa dalam pelayaran. Sekiranya semua perkhidmatan ini dapat disediakan dengan baik, ia dijangka akan menarik lebih ramai penduduk-penduduk di kedua-dua wilayah menggunakannya. Terima kasih.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan saya ucapkan tahniah kerana membuka semula atau pun mencadangkan semula perkhidmatan feri dengan tambang murah ini. Saya ingin bertanya ialah bila ia akan dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi *delivery system* orang nak tanya mengapa lambat dan bila lagi, bila lagi.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, kita telah membuat kajian pada tahun 2004 sebaik sahaja Datuk Dr. Maximus dilantik sebagai Menteri memantau hendak mengadakan semula perkhidmatan feri ini. Semasa itu, bermacam-macam faktor yang telah timbul yang membuatkan kajian itu *out of date*, iaitu kenaikan kos keluli, kenaikan harga minyak dan sebagainya. Oleh yang demikian, sekarang kita telah membuat kajian yang kedua dan juga kita diberi nasihat dari kerajaan supaya kalaulah perkhidmatan feri ini dihidupkan semula ialah mesti dengan izin, *private sector driven*.

Tetapi *private sector* setakat ini hanya satu syarikat yang menunjuk minat dan mereka memerlukan subsidi yang begitu tinggi. Termasuklah subsidi atau pun geran pelancaran untuk membaik pulih bermacam-macam atau pun untuk menyesuaikan macam-macam infrastruktur yang diperlukan. Oleh yang demikian, itu lah sebabnya ada penanguhan sedikit tentang bila kita dapat nak menghidupkan balik perkhidmatan feri ini. Tetapi, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, dari segi pendapat Ahli Panel Perpaduan, mereka berfikir bahawa kos yang kemungkinan diperlukan untuk menghidupkan semula perkhidmatan feri ini barangkali tak *justified*.

Tak *justified* kesan dari mengadakan feri ini untuk memupuk integrasi dan sebagainya. Tapi kemungkinan disebabkan tambang kapal terbang sekarang begitu tinggi, kemungkinan perkhidmatan feri ini menjadi *viable* sekarang. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat jawab berhati-hati kerana prihatin bahawa mungkin Ahli-Ahli Yang Berhormat nak dengar sebab-sebab nyata, tak mahu dengar helah-helah. Terima kasih.

7. **Datuk Jins Shamsudin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, tidakkah kementerian bercadang mengkaji semula undang-undang yang sedia ada untuk membolehkan semua filem-filem yang ditayangkan di luar negeri mengenai Malaysia hendaklah melalui Lembaga Penapisan Filem terlebih dahulu, bagi mengelakkan gambaran negatif dan yang tidak tepat serta bertentangan dengan dasar kerajaan disebar luas di luar negara.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini kita bercadang mengkaji semula undang-undang yang sedia ada untuk membolehkan semua filem-filem yang ditayangkan di luar negara mengenai Malaysia hendaklah ditonton tapis terlebih dahulu..., mohon maaf, oleh Lembaga Penapisan Filem. Lembaga Penapis Filem hanya bertanggungjawab membuat penapisan dan keputusan bagi filem yang hendak diedarkan, dipamerkan, ditayangkan atau dijual di negara ini. Penayangan sesuatu filem di luar negara adalah tertakluk kepada undang-undang negara-negara berkenaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana tidak ada kajian dibuat berhubung dengan filem-filem yang ditayangkan di luar negara, adakah kerajaan berhasrat atau bercadang untuk mengambil tindakan atau menyenaraihitamkan mereka yang telah membuat filem-filem yang boleh *damaged* dengan izin, negara kita kerana ada di antara filem-filem yang memburuk-burukkan negara di luar negara ini. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan kepada mereka yang terlibat?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kita sebut sesuatu filem yang ditayangkan di negara kita hendaklah ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem. Tapi yang filem itu ditayangkan di luar negara, pihak tertentu hendaklah memenuhi atau mematuhi undang-undang negara berkenaan dan jika dapat kompelin atau aduan, memang kita boleh cadangkan supaya mengambil tindakan

terhadap mereka dengan mengenakan menyenaraihitamkan kepada syarikat itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya boleh beri sumbangan. Undang-undang sedia ada dikhususkan untuk mengawal tontonan dan tidak untuk mengawal karya. Karya orang lain untuk tontonan orang kita, kita ada kuasa di bawah undang-undang untuk kawal selia. Tetapi, kalau karya kita sekali pun untuk tontonan dunia, kita tidak bertujuan nak kawal apa yang dunia tonton. Tetapi kita tidak ada undang-undang untuk mengawal karya dan Yang Berhormat sebagai seorang seniman dan karyawan tentu sedar bahawa dalam soal karya ini, *the more freedom the better* untuk menghasilkan sesuatu karya yang bermutu. *An artistic work requires freedom of expression.*

Datuk Tan Chai Ho: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh mana kegunaan beta-agonists untuk penternakan di Malaysia dan jenis ternakan yang terlibat, apakah sistem kawalan yang diguna pakai dan sejak tahun 2000 berapa kes kegunaan beta-agonists dikesan bagi setiap tahun.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Beta-agonists digunakan dalam makanan ternakan untuk tujuan mempercepatkan tumbesaran bagi menghasilkan daging pejal dalam ternakan. Jenis-jenis beta-agonists yang biasa digunakan adalah *salmeterol*, *salbutamol* dan *ractopamine*. Penggunaan beta-agonists membabitkan ternakan ayam, lembu, kerbau dan babi. Sejak tahun 1992, kerajaan melalui Akta Racun telah mengharamkan penggunaan beta-agonists dalam makanan ternakan. Langkah kawalan yang telah diambil untuk mencegah penyalahgunaan beta-agonists adalah melalui pelaksanaan Skim Amalan Ladang Ternakan untuk tujuan mewujudkan perladangan yang bersih, bebas penyakit dan menghasilkan produk yang bermutu.

Kawalan juga dijalankan melalui pengurusan iaitu kawalan kemasukan ternakan tercemar ke dalam *abattoir* dan kadar ini mensyaratkan setiap pemilik ladang untuk menandatangani surat Aku Janji di mana ternakan mereka atau ternakan dibawa untuk dipotong di *abattoir* milik JPH bebas dari *drug* beta-agonists. Sejak tahun 2001, kementerian menjalankan pemantauan secara berterusan ke atas penggunaan beta-agonists melalui pengambilan sampel-sampel dari *abattoir* di seluruh negara dan juga sampel-sampel dari daging import luar negara.

Hasil pemantauan mendapati bahawa daripada 356 sampel ternakan ayam dan 321 sampel lembu dan kerbau yang diuji, didapati kedua-duanya adalah bebas dari penggunaan beta-agonists. Walau bagaimanapun, bagi ternakan babi didapati bahawa 188 sampel daripada 534 sampel yang diuji adalah positif dengan penggunaan beta-agonists. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi, kemudian Datuk Dr. Lee Choon Meng.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini terdapat 80%-90% daging khinzir atau babi itu mengandungi beta-agonists di setengah-setengah negeri. Dan

berapa kerap kah pegawai kementerian itu pergi memeriksa dan apakah laporan mereka dan status terkini dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk menangani kegagalan untuk mengawal kegunaan beta-agonists ini. Terima kasih.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kita tidak menafikan bahawa sampel positif adalah tinggi di beberapa bulan yang lalu di *abattoir* Melaka dan juga di *abattoir* di Rawang yang sampel positif adalah melebihi 70%. Oleh itu, kita telah ada mesyuarat dengan Persatuan Penternak dan kita telah memulakan operasi dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah mengeluarkan arahan kepada semua penternak khinzir supaya berhenti serta-merta menggunakan *drug beta-agonists* dan mereka diberi tempoh *grace period* selama tiga minggu dan jika didapati positif, mereka akan di kuarantin selama satu bulan.

Oleh itu, operasi seluruh negara telah bermula sejak dua minggu lalu dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada masa ini ada yang masih degil seperti di Melaka, di mana kita telah membuat uji di seluruh negeri Melaka. Masih terdapat 12 ladang yang masih positif dan kita akan mengambil tindakan dan sampel ini akan diluaskan di seluruh negara dan kita harap bahawa dengan tindakan yang ada ini, masalah beta-agonists akan dapat dikurangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Dr. Lee Choon Meng.

Datuk Dr. Lee Choon Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 9 November, kami ada satu mesyuarat di pengerusi oleh Kementerian Kesihatan. Kami telah putuskan bahawa selepas *grace period* ditamatkan, sesiapa memakai *beta-agonists*, ladangnya akan ditutup serta-merta. Jadi, ini untuk menjaga kesihatan orang ramai. Jadi, semalam Timbalan Menteri telah umumkan bahawa sampel 175 tapi ada 17 positif. Ini menunjukkan bahawa ada 10% ada positif. Jadi, penternak-penternak khinzir ini tidak hormat undang-undang kita.

Jadi saya hendak tanya kementerian, adakah tindakan yang keras diambil? Kalau tidak diambil jadi imej negara kita terjejas. Jadi saya haraplah...

Tuan Yang di-Pertua: Harapan itu tidak perlulah, sudah tanya.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Okay, tutuplah itu..., empat amaran. Lagi pun yang menjadi persoalan besar, kalau kita pergi ambil sampel di ladang janganlah umumkan sebelum pergi.

Tuan Yang di-Pertua: Itu kupasan, mula-mula pertanyaan saya benarkan, seruan saya kata tidak perlu. Kalau contoh dan gesaan masih lagi tidak perlulah.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Jadi saya harap sistem penguatkuasaan..

Tuan Yang di-Pertua: Harapan itu tidak perlu, pertanyaan perlu.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Kementerian Pertanian, JPS, perlulah memperkuatkan sistem penguatkuasaan untuk mengawal sistem yang baik dan memberi jaminan kepada orang ramai tentang kesihatan orang ramai. Okay, ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Memandangkan masih 10% yang jelas ingkar, apakah tindakan yang tegas? Itu pertanyaannya.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak membetulkan satu fakta di mana Yang Berhormat telah memberitahu bahawa pada mesyuarat 6 November itu, di mana Menteri Kesihatan, dia telah membuat pengumuman bahawa jika dapat, kita akan kuarantin satu bulan dan selepas itu masih kekal, kita akan tutup. So bukan tutup dengan serta-merta dan Ahli Yang Berhormat boleh *check* dengan Menteri Kesihatan. Walau bagaimanapun dalam dua bulan yang lalu, bila kita buat *sampel* di Selangor dan Melaka adalah 70%, sekarang, setakat ini adalah 10%.

Ini tidak bermakna bahawa kementerian adalah berpuas hati. Kita masih tidak berpuas hati dan oleh itu, tadi saya telah mengumumkan bahawa saya akan membuat *check* di semua ladang. Bukan *spot check* kerana kita hendak mengurangkan lagi 100% ini dan saya harap dengan kepakaran Ahli Yang Berhormat, dapat menyumbang supaya kita dapat bersama mengurangkan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

9. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kerajaan sudah bersedia untuk menubuhkan sebuah kementerian khas bagi hal ehwal maritim. Ini kerana Malaysia sebagai sebuah negara maritim perlu mempunyai sistem pengurusan zon yang menyeluruh dan berkesan. Kebergantungan kita kepada kepentingan laut amat penting untuk perdagangan dan sumber aslinya perlu diberikan penekanan serius.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:

Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar akan kepentingan maritim negara dan tidak akan berkompromi dalam apa jua aspek yang boleh mengganggu gugat keselamatan dan ekonomi negara. Untuk tujuan ini kerajaan telah menubuhkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia pada 1 Januari 2005 bagi melaksanakan fungsi-fungsi berikut:-

- (a) penguatkuasaan semua undang-undang persekutuan di laut;
- (b) mengawal, mencegah dan menghapuskan kegiatan jenayah;
- (c) mencari dan menyelamatkan;
- (d) pengawasan kawasan maritim; dan
- (e) memberi bantuan pengangkutan agensi-agensi yang memerlukan.

Pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan sebuah kementerian khas bagi hal ehwal maritim kerana Jabatan Perdana Menteri telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia melalui Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim yang telah ditubuhkan pada 1 Disember 2005. Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim akan berperanan dan bertanggungjawab untuk membantu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dalam pembentukan dasar, penguatkuasaan maritim negara dan melaksanakan urusan pembangunan serta perolehan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Puan Mumtaz kemudian Tuan Lee Chee Keong.

Puan Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan mempunyai satu perancangan dalam RMK-9 untuk menjelaskan tentang kepentingan dan polisi maritim Malaysia ini sebagai rakyat. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bila Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ditubuhkan, ianya lebih ditumpukan kepada penguatkuasaan dan memang kita sudah pun ada agensi-agensi lain yang bergerak selaras, sejajar dengan maritim Malaysia dan maritim Malaysia merupakan sebagai satu agensi penguatkuasaan bagi memastikan bahawa keseluruhan penguatkuasaan di sekitar laut Malaysia dapat kita ambil tindakan yang sewajarnya. Maka tidaklah menjadi satu keperluan untuk kita menerangkan secara rasmi kepada orang ramai tetapi memang ingin menjadi pengetahuan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Macam kata orang utara, semua hendak kena bagi tahu tetapi kena ambil tahu samalah. Semua hendak kena beritahu...

Seorang Ahli: Setuju Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi kadang-kadang orang kena ambil tahu juga.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dilaporkan baru-baru ini ada beberapa kelompok nelayan Malaysia diserang oleh ahli-ahli anggota tentera sebuah negara jiran kita. Saya ingin tahu apakah tindakan Kerajaan Malaysia secara diplomatik dan apakah bantuan yang dapat kita berikan kepada kumpulan nelayan yang berkenaan. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dari segi hubungan diplomatik salah satu sebab kita menubuhkan Agensi Penguatkuasaan Maritim ini khususnya bahagian yang berada di Jabatan Perdana Menteri itu bertujuan apabila timbul masalah-masalah sebegini rupa, maka kita sudah tentu ada perundingan, permuafakatan dari segi penguatkuasaan di laut. Tetapi pada masa ini di mana sebentar lagi saya akan bentangkan satu Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim, maka sebab itu ada kawasan-kawasan tertentu yang masih lagi kita kata dengan izin, *gray area*.

Walaupun dari segi perbincangan yang lepas kedua-dua negara telah bersetuju, tetapi masih ada kawasan-kawasan yang kedua-dua negara menganggap ini kawasan umpamanya kita menganggap kawasan kita, dan jiran kita menganggap kawasan dia. Sebab itu kadang-kadang ada nelayan ataupun pihak-pihak yang kita tidak kenali memasuki negara tersebut dan dia ditangkap oleh pihak yang berkenaan, dan ini sentiasa kita laksanakan secara perundingan supaya kedua-dua pihak dapat menyelesaikan masalah ini dengan sebaik mungkin.

10. **Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, berapakah jumlah usahawan di antara kaum-kaum seperti bumiputera, Cina dan India telah dapat diwujudkan di negara ini. Nyatakan di sektor manakah penglibatan mereka ini.

Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia melalui banci pertubuhan dan *enterprise* tahun 2005 menunjukkan bahawa 518,996 pertubuhan perniagaan atau 99.2% adalah merupakan Perusahaan Kecil dan Sederhana atau PKS. Daripada jumlah ini 193,355 pertubuhan perniagaan atau 37.3% terdiri daripada kaum bumiputera. Manakala bakinya iaitu 325,641 pertubuhan perniagaan atau 62.7% merupakan kaum bukan bumiputera.

Bagi kaum bumiputera sebanyak 159,207 pertubuhan perniagaan atau 82.4% terlibat dalam sektor perkhidmatan yang meliputi subsektor seperti pemborongan, peruncitan, restoran, pengangkutan dan komunikasi. Sebanyak 24,602 pertubuhan perniagaan atau 12.7% daripada jumlah keseluruhan PKS bumiputera pula terlibat dalam sektor pertanian. Dalam sektor pembuatan hanya 9,514 pertubuhan bumiputera atau 4.9% dicatatkan terlibat dalam Industri Kecil dan sederhana, IKS. Tuan Yang di-Pertua, sementara itu sebanyak 289,797 pertubuhan perniagaan bukan bumiputera atau 89% terlibat dalam sektor perkhidmatan.

Sektor pembuatan pula mencatatkan 28,320 pertubuhan perniagaan atau 8.7% daripada jumlah keseluruhan PKS bukan bumiputera. Selain itu hanya 7,524 pertubuhan perniagaan bukan bumiputera atau 2.3% sahaja terlibat dalam sektor pertanian. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Puan Wan Ubaidah kemudian Tuan M. Munusamy.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, adakah.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib bangun tidak tadi? Tidak ada ya. Saya takut kalau-kalau Yang Berhormat bangun, saya tidak benarkan pula.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Soalan tambahan saya, adakah kerajaan pernah mengadakan satu program yang berbetuk *coaching* ataupun mentor-menti di antara usahawan pelbagai kaum bagi meningkatkan lagi keusahawanan di kalangan rakyat Malaysia, terutamanya dalam sektor-sektor yang kekurangan dipelopori oleh kaum bumiputera seperti sektor pembuatan yang disebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, memang Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ada program mentor-menti ini yang merupakan penggalakan kepada usahawan-usahawan kecil kepada usahawan yang besar, syarikat-syarikat yang besar. Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada perangkaan yang dimaksudkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan M. Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya, dari statistik-statistik yang diberi tadi kita cuma dapat angka-angka bumiputera dan bukan bumiputera dan memandangkan kerajaan berhasrat untuk meningkatkan ekonomi atau ekuiti kaum India sehingga 33% dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, bolehkah kita dapat statistik bagi kaum India dan Cina supaya kita boleh memantau dan boleh mengikut perkembangan, peningkatan *participation*, dengan izin, bagi kaum-kaum lain. Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat. Bagi menjawab soalan tersebut memang, memang kita ada statistik-statistik jumlah bilangan usahawan ataupun syarikat-syarikat daripada kalangan bukan bumiputera secara *detail*, iaitu masyarakat Cina dan juga India. Walau bagaimanapun untuk pada hari ini, oleh sebab soalan itu agak *detail* maka saya boleh membekalkan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Secara umumnya dari segi dasar kementerian dari segi membolehkan masyarakat bukan bumiputera menyertai dalam apa-apa juga program kementerian ini kita ada menetapkan kuota sebanyak 10% sekurang-kurangnya diberikan kepada masyarakat bumiputera termasuklah masyarakat India. Walau bagaimanapun, seperti yang saya nyatakan tadi, saya akan menyerahkan maklumat ataupun statistik yang dimaksudkan kepada Yang Berhormat.

Terima kasih.

11. **Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap penghantaran SMS (Sistem Pesanan Ringkas) yang berbaur fitnah dan berunsur lucah yang menggunakan nombor telefon individu yang tidak langsung mengetahui berkenaan SMS tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad pada 7 Disember, Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu dan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid pada 11 Disember 2006 memandangkan ianya berkisar mengenai perkara yang sama iaitu penyalahgunaan perkhidmatan Sistem Pesanan Ringkas atau SMS.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan dan saya minta Urus Setia ambil maklum supaya tidak timbul lagi soalan ini.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Izinkan saya ambil sedikit masa kerana melibatkan tiga.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi janganlah banyak sangat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap individu adalah bertanggungjawab ke atas penggunaan kemudahan telefon yang dimilikinya. Keadaan di

mana sesuatu individu yang tidak tahu langsung mengenai SMS yang dihantar dengan menggunakan nombor beliau boleh berlaku dalam keadaan di mana telefon yang dicuri atau hilang dan keadaan di mana kad SIM diklon. Berkenaan pengklonan kad SIM, kes sebegini amat terpercil sekali memandangkan sistem telefon *cellular* semasa adalah berasaskan digital dan tidak boleh diklon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara kemungkinan mengapa masih ramai pengguna masih menyalah guna perkhidmatan SMS ini, adalah kerana mereka tidak sedar bahawa tindakan di bawah seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, boleh diambil terhadap mereka yang menyalahgunakan mana-mana kemudahan atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi dengan menghantar apa-apa komunikasi berbentuk fitnah, lucah, palsu, sumbang atau mengancam dengan tujuan untuk menyakiti hati, menganinya, menggugat atau mengganggu orang lain.

Jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh didenda hingga RM50,000 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak lebih dari satu tahun atau kedua-duanya sekali. Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bertanggungjawab memantau dan menguatkuasakan peruntukan berkenaan. Kesalahan di atas juga boleh didakwa di bawah Akta Fitnah 1957 dan Kanun Keseksaan, seksyen 292 dan seksyen 293.

Oleh itu mana-mana pengguna yang hilang alat telefon atau alat telefonnya dicuri hendaklah melaporkan kehilangan atau kecurian itu kepada polis dan pemberi perkhidmatan berkaitan dengan segera. Masa yang sama pihak kementerian bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah mengambil beberapa langkah pendekatan dan langkah bagi menyekat penyalahgunaan alat-alat telekomunikasi multi media dan penyebaran SMS yang tidak berasas dan berunsur negatif. Antaranya mendapatkan kerjasama dari pihak syarikat pemberi perkhidmatan dan pihak berkuasa apabila diperlukan untuk siasatan kes yang melibatkan:

- (i) SMS;
- (ii) menubuhkan pusat aduan;
- (iii) menganjurkan program-program kesedaran dan pendidikan;
- (iv) membuat pemeriksaan rambang ke atas perkhidmatan-perkhidmatan kandungan melalui SMS; dan
- (v) mendaftar pengguna-pengguna telefon bimbit yang menggunakan kad pra bayar.

Mengenai pendaftaran pengguna perkhidmatan telefon prabayar, ia akan dapat membantu agensi penguat kuasa undang-undang di dalam siasatan ke atas kes-kes penyalahgunaan telefon selular serta mengesan identiti pemilik nombor telefon yang telah disalahgunakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Hajah Dayang Mahani.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berapakah jumlah telefon prabayar yang belum lagi berdaftar dan apakah tindakan yang boleh diambil supaya pendaftaran dapat dibuat dengan segera?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, untuk pengetahuan bagi menjawab berapakah jumlah yang belum dibayar saya tidak boleh beritahu, sebab yang tidak mendaftar tetapi untuk memberitahu berapa yang telah mendaftar, saya boleh maklumkan. Yang berdaftar setakat ini....

Tuan Yang di-Pertua: Yang 512,000 itu yang belum berdaftar kah?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Satu ketika dahulu ada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mengatakan dianggarkan 19 juta telefon prabayar di negara ini. Tetapi setakat semalam yang berdaftar adalah 14,662,264 maknanya lebih kurang 4 juta lebih yang tidak berdaftar lagi. Tetapi itu adalah anggaran pengguna-pengguna telefon prabayar mungkin ada di kalangan mereka ini yang sudah tidak menggunakan telefon itu lagi. Jadi inilah yang saya katakan tadi maklumat yang boleh saya bagi setakat semalam 14,662,264 telah berdaftar dan berbagai cara dilakukan untuk membolehkan orang ramai terus mendaftar telefonnya termasuklah menggunakan *internet banking* kerana hari ini banyak bank bagi kemudahan mereka boleh mendaftarkan telefon mereka apabila menggunakan kemudahan *internet banking*.

Kita juga memberi tarikh yang cukup panjang yang mana tamat tempohnya adalah pada 15 Disember ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang mana kalau tidak daftar selepas 15 kita bagi 14 hari untuk mereka teruskan pendaftaran dan dalam masa 14 hari selepas 15 Disember itu mereka hanya boleh terima panggilan dan buat panggilan *emergency call*. Panggilan biasa tidak boleh buat dan selepas 14 hari pada 15 Disember maka telefon mereka *automatically* akan diputuskan daripada sambungan ke syarikat-syarikat telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah mengenai salah guna SMS. Manusia dengan salah guna ini..., apa sahaja dia salah guna. SMS - kadang-kadang perkahwinan pun dia salah guna. Puan Wan Ubaidah binti Omar.

12. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, badan khas yang mengawal mutu air paip di seluruh negeri dan adakah maklumat kebersihan atau kekotoran mutu air ini dimaklumkan kepada pengguna supaya mereka dapat mengambil langkah menjaga kesihatan keluarga masing-masing.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang saya menjawab sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengawal dan memastikan mutu air paip adalah berada di tahap selamat dan bersih untuk di minum dan digunakan, operator-operator pengeluar air di seluruh negara perlu mematuhi garis panduan Piawai Kualiti Air Minuman Kebangsaan Semakan Tahun 2000 yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai langkah untuk memastikan

semua operator pengeluar air mematuhi semua garis panduan tersebut. Satu program pemantauan kualiti air sentiasa di laksanakan oleh pihak berkuasa air negeri bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kimia Malaysia.

Mengikut amalan wajib operasi, pihak berkuasa air negeri hendaklah sentiasa memantau kualiti air dengan mengambil sampel air mentah dan air terawat di loji-loji rawatan air dan pelbagai lokasi sistem agihan secara berterusan. Kementerian Kesihatan pula dengan kerjasama Jabatan Kimia akan membuat ujian ke atas sampel-sampel air tersebut secara berjadual dan mengemukakan hasil ujian dan analisis kepada pihak berkuasa air negeri. Susulan daripada itu, pihak berkuasa air negeri dan operator-operator pengeluar air akan bertindak segera dan mengambil langkah-langkah yang perlu atas nasihat Jabatan Kimia dan Jabatan Kesihatan negeri sekiranya terdapat pelanggaran ke atas parameter tertentu yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut.

Sekiranya pelanggaran tersebut berkemungkinan mengancam kesihatan pengguna seperti terjadinya wabak penyakit bawaan air, pihak berkuasa air negeri dan operator-operator pengeluar air akan mengambil langkah segera untuk membendung kesan ke atas pengguna dan juga menghebahkan melalui media masa berhubung dengan langkah-langkah yang perlu diambil oleh orang ramai untuk mengelak terkena jangkitan wabak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pengguna-pengguna telah sekian lama mendapat bekalan air minum terawat dan kualiti air yang terjamin, pembekalan air yang berterusan dan selamat. Walau bagaimanapun, pengguna air juga bertanggungjawab memastikan keadaan tangki-tangki simpanan air dalam bangunan mereka dan saluran-saluran paip perhubungan ke premis-premis masing-masing diselenggarakan dengan baik bagi mengekalkan kualiti air terawat yang dibekalkan. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya masih berkaitan dengan kawalan kualiti air juga. Kita difahamkan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau SPAN, akan dilaksanakan tahun depan jadi apakah strategi perancangan kerajaan secara *holistic* untuk melaksanakan penswastan air ke seluruh negara dalam jangka waktu berapa lama? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Sebagaimana yang Ahli-Ahli Yang Berhormat ketahui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara akan ditubuhkan pada bulan Januari tahun depan, insya-Allah.

Dalam masa yang sama juga ingin saya jelaskan kepada Yang Berhormat sebenarnya pada hari ini kerajaan belum berhasrat untuk menswastakan mana-mana bekalan air di mana-mana negeri sebaliknya pada peringkat hari ini kita lebih berusaha untuk mengkorporatkan perkhidmatan bekalan air yang ada di negeri-negeri di seluruh negara ini dan kita juga mengharapkan apabila tertubuhnya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini, satu badan, *regulatory* yang menjaga bekalan air ini akan memberi satu standard piawai yang seragam bagi seluruh kemudahan air atau

kualiti air yang ada di negara ini tidak kira dari Perlis sampai Johor dan juga masa yang sama selama ini paip air yang menghubungkan antara paip *reticulation* dan paip yang menghubungkan ke rumah yang mana selama ini merupakan tanggungjawab individu atau pemunya-pemunya rumah akan diambil alih di mana selalunya, pada hari ini, bila ada kerosakan paip ataupun bocor atau paip yang berkarat ini merupakan tanggungjawab individu. Tetapi apabila Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini ditubuhkan maka tanggungjawab untuk membaik pulih paip individu yang menghubungkan paip retikulasi sampai ke meter paip itu akan diletakkan tanggungjawabnya kepada operator-operator yang mengusahakan industri air ini di masa akan datang.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira masalah air di negara kita bukan sahaja...

Tuan Yang di-Pertua: Jangan kira. Tanya.!

Tuan Lee Chee Keong: ...Meliputi kualiti air dan mengikut laporan, masalah *non revenue water*, dengan izin, sehingga 55% contohnya di negeri Sabah, Jadi saya ingin tahu apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Sebagaimana Yang Berhormat ketahui *non revenue water* merupakan air yang telah dikeluarkan tetapi tidak mendapat pulangan dari segi kewangan. Berhubung dengan perkara ini antara sebab utama berlaku *non revenue water* ini adalah kerana usia paip-paip yang ada di negara kita yang telah melebihi usia hayat. Kalau hendak mengikut asbestos simen paip yang usia hayatnya antara 20 hingga 25 tahun tetapi terdapat asbestos paip yang berada di negara ini yang telah menjangkau hayat sampai 30 tahun. Maka sudah pastinya perbelanjaan yang begitu besar diperlukan untuk menukarkan paip-paip ini dan kalau kita lihat nanti bila Yang Berhormat membincangkan dari segi belanjawan pada tahun ini kita lihat peruntukkan yang begitu besar telah diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat untuk menukar paip-paip lama ini dan kita juga menyasarkan apabila tamatnya Rancangan Malaysia Kesembilan pada tahun 2010, insya-Allah *non revenue water* yang ada pada hari ini akan kita turunkan daripada 48% hingga 38%. Itulah sasaran yang kita ada di kementerian ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

13. Datuk Dr. Lee Chong Meng minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan penyelewengan dalam pengagihan minyak diesel subsidi RM1 seliter yang dimaksudkan untuk beribu-ribu nelayan di negara kita daripada diraih keuntungan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengelakkan perbuatan menyeleweng diesel bersubsidi adalah seperti berikut:

- (a) mewajibkan semua nelayan menggunakan kad pintar e-diesel yang dikeluarkan oleh LKIM untuk mendapatkan bekalan diesel bersubsidi dari pusat jualan diesel bersubsidi yang ditetapkan;
- (b) menetapkan had kuota bersubsidi berdasarkan kepada jenis perkakasan, kelas, muatan dan zon tangkapan;
- (c) membangunkan sistem e-diesel nelayan *management* bagi membuat pemantauan rekod pembelian diesel bersubsidi setiap pemilik diesel;
- (d) menyenaraihitamkan pemilik diesel yang disyaki atau didapati melakukan penyelewengan diesel bersubsidi daripada mendapat kemudahan diesel bersubsidi;
- (e) menjalankan kerja pemantauan yang berterusan; dan
- (f) membangun dan melaksanakan sistem e-endaratan di mana semua pemilik vessel adalah diwajibkan untuk mengisytiharkan hasil tangkapan ikan kepada LKIM untuk memastikan diesel bersubsidi benar-benar digunakan untuk operasi menangkap ikan.

Terima kasih.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan bahawa harga petrol asli di pasaran antarabangsa telah turun USD20 dan untuk menyelesaikan masalah yang disebutkan oleh Timbalan Menteri adakah kementerian bercadang untuk membatalkan subsidi dan menurunkan semua harga petrol dan diesel di pasaran domestik untuk menolong ekonomi negara kita? Sekian terima kasih.

Datuk Mah Siew Keong: Dari segi subsidi ini akan menurunkan sedikit perbelanjaan kerajaan tetapi kita telah membuat kajian bahawa subsidi ini telah memberi banyak manfaat kepada nelayan-nelayan pada masa ini tidak ada hasrat untuk memberhentikan skim subsidi ini.

Tuan Gooi Hoe Hin: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa kementerian tidak bercadang untuk memberhentikan skim subsidi itu dan saya difahamkan juga akan memperkenalkan nano teknologi adakah itu menjadi lebih berkesan?

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Nano teknologi adalah antara langkah-langkah yang masih di bawah peringkat kajian yang akan dimulakan pada bulan depan adalah skim *e-landing* dan saya hendak menegaskan bahawa kita tidak menafikan masih ada penyelewengan dan kita akan memperketat operasi kita tetapi saya hendak memberitahu bahawa sejak skim diesel dan skim petrol telah diperkenalkan berdasarkan maklumat aktiviti penangkapan ikan telah naik. So ini adalah satu yang bagus dan subsidi ini telah memberi banyak manfaat kepada semua nelayan terutamanya yang berpendapatan rendah dan kita tidak boleh oleh sebab segelintir kecil atau *black sheep*, dengan izin, mereka yang merosakkan imej majoriti nelayan lain yang telah bertungkus-lumus menangkap ikan dalam pencarian sumber harian.

Oleh itu *black sheep* itu adalah minoriti yang kecil. Walau bagaimanapun, kita akan meningkatkan tindakan terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Khusus untuk makluman dan perhatian barisan kerajaan, saya akan maklumkan bahawa saya akan lanjutkan masa pertanyaan ke 11.48 pagi kerana kita telah mengambil masa 18 minit untuk upacara angkat sumpah tadi. Maka saya harap barisan kerajaan akan bersedia untuk menjawab sehingga ke pukul 11.48 pagi.

Berikut saya menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani.

14. Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap pihak media yang membuat kenyataan palsu atau fitnah di media cetak terhadap seseorang individu atau pihak-pihak tertentu sehingga boleh menjejaskan nama baik dan ekonomi negara dan sejauh manakah keberkesanan tindakan tersebut.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sentiasa menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan industri media khususnya media cetak dan telekomunikasi melalui penyaluran berita dan maklumat secara dinamik, telus dan bertanggungjawab sejajar dengan prinsip-prinsip demokrasi dan bersesuaian dengan struktur masyarakat Malaysia yang majmuk.

Di samping dasar globalisasi ini kerajaan mempunyai tanggungjawab memastikan supaya media cetak tidak diperalatkan dan dimanipulasikan bagi tujuan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat.

Pendekatan mengawal selia aktiviti penerbitan dan percetakan adalah melalui pelaksanaan mekanisme-mekanisme dan penguatkuasaan undang-undang yang relevan, efektif serta mampu menjana perkembangan dan pembangunan industri penerbitan dan percetakan di negara ini. Kementerian sentiasa memantau akhbar-akhbar agar tidak menyiarkan bahan-bahan penerbitan yang memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan negara dan kepentingan negara sejajar dengan garis panduan dan syarat-syarat permit penerbitan kementerian seperti mana yang telah diperuntukkan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pertelingkahan di antara mana-mana individu atau organisasi yang wujud akibat daripada penyiaran dan kenyataan palsu atau fitnah yang dibangkitkan oleh media cetak khususnya akhbar, kementerian berpendapat pertelingkahan berkenaan sewajarnya diselesaikan melalui saluran mahkamah oleh pihak-pihak berkenaan sesuai dengan peruntukan undang-undang negara. Kementerian lazimnya akan mengambil tindakan memberi nasihat, teguran dan amaran kepada penerbit yang melakukan kesalahan termasuk yang memuatkan bahan-bahan penerbitan seperti kenyataan palsu dan fitnah yang boleh menjejaskan nama baik dan ekonomi negara.

Di samping itu kementerian sentiasa mengadakan hubungan kerjasama dengan penerbit-penerbit akhbar dan menasihati mereka supaya sentiasa mematuhi garis panduan penerbitan kementerian. Tetapi jika kesalahan tersebut masih berulang, kementerian akan mengeluarkan surat tunjuk sebab dan disusuli dengan tindakan menggantung atau membatalkan permit penerbitan berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Soalan tambahan saya, memandangkan akhir-akhir ini terdapat akhbar-akhbar tempatan yang berani mengeluarkan kenyataan isu-isu yang keterlaluan. Adakah kerajaan bercadang untuk mengawal media masa, mencetak dan mengeluarkan kenyataan melampau kepada umum terhadap seseorang sedangkan kes itu belum atau dalam siasatan dan belum lagi didakwa di mahkamah? Terutama kepada orang ternama yang boleh merosakkan imej dan kredibilitinya, selepas itu mereka tidak didakwa. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, seperti tadi saya telah nyatakan dalam jawapan saya bahawa akhbar tempatan dinasihati supaya membuat pemberitaan yang berasas dan tidak mengeluarkan mana-mana kenyataan atau pemberitaan yang akan menjejaskan mana-mana pihak. Tetapi kalau mana-mana pihak individu menganggap bahawa namanya telah terjejas atas pemberitaan yang palsu, maka adalah hak pihak tertentu mengambil tindakan mahkamah kepada pihak akhbar tempatan.

Kita sentiasa memberi nasihat supaya semua akhbar tempatan dalam membuat pemberitaan mereka, mereka perlu mendapatkan perkara yang berasas dan juga seboleh mungkin memberi pemberitaan yang *balance* iaitu supaya kedua-dua pihak akan memberikan kenyataan mereka. Dengan cara itu ia akan memberi gambaran yang lebih seimbang.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, apakah benar sesetengah media masa di negara ini lebih berkuasa lagi daripada kerajaan? Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Saya tidak bersetuju dengan anggapan tersebut, kalau kita lihat kepada tindakan yang telah diambil sepanjang tahun ini. Saya ingin memaklumkan bahawa pada tahun ini, kita telah mengeluarkan sebanyak 115 pelbagai jenis tindakan seperti nasihat, teguran, amaran, tunjuk sebab, gantung permit dan batal permit.

Jadi saya hendak mengingatkan kepada mana-mana penerbit dan akhbar tempatan jangan fikir mereka boleh lebih berkuasa daripada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Kementerian tidak teragak-agak akan mengambil tindakan terhadap mereka, jika mereka telah melampaui segala syarat dan permit-permit penerbitan.

[Soalan No. 15 – *Y.B.Tuan Tan Bon You tidak hadir*]

16. **Tuan M. Munusamy** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:-

- (a) statistik pelajar-pelajar luar negeri yang mengikuti kursus di Institusi pengajian tinggi awam dan swasta; dan
- (b) adakah Kementerian memantau aktiviti mereka di luar kampus supaya mereka tidak melibatkan diri dalam aktiviti selain daripada bidang pelajaran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan:

- (a) Sehingga 30 September 2006, jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa di IPTA adalah sebanyak 10,978 orang. Peningkatan sebanyak 2.13% daripada 31 Disember 2005 iaitu berjumlah 10,748 orang. Jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa di IPTS pula adalah seramai 43,512 orang. Peningkatan sebanyak 25% pada 31 Disember 2005 iaitu seramai 34,606 orang. Maka jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa di IPTA dan IPTS sehingga 30 September 2006 adalah seramai 54,490 orang.
Pecahan pelajar daripada jumlah besar sehingga 30 September 2006 ialah 10 negara teramai, iaitu Indonesia, China, Bangladesh, Pakistan, Iran, Yaman, India, Nigeria, Thailand dan Sudan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi:

- (b) Kementerian juga telah melaksanakan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan pengurusan hal ehwal pelajar antarabangsa secara berterusan. Di antaranya ialah Kementerian telah menjalankan kerjasama yang sangat rapat dengan agensi-agensi termasuk Jabatan Imigresen Malaysia yang telah memantapkan proses kemasukan pelajar antarabangsa ke IPTA dan IPTS.
Pemantauan aktiviti pelajar antarabangsa di IPTS dan IPTA merupakan tanggung jawab IPTA dan IPTS. Walau bagaimanapun, berdasarkan syarat-syarat kelulusan merekrut pelajar antarabangsa, IPTS bertanggung jawab melaporkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi ke sektor IPTS. Bagi kes-kes pelajar yang memulakan pengajian dan menamatkan pengajian sama ada atas sebab-sebab gagal kursus, berhenti kursus atau bercadang bertukar ke IPTS. IPTS juga dikehendaki melaporkan kepada Jabatan Imigresen

Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi mengenai kes-kes di mana pelajar-pelajar yang tidak menghadiri kuliah dalam masa 3 hari berturut-turut tanpa sebarang sebab.

Sekiranya IPTS didapati tidak melaksanakan tanggung jawab yang ditetapkan, kementerian boleh mengemukakan syor kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya menarik balik kelulusan merekrut pelajar antarabangsa. Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan tentang kebajikan dan pengurusan pelajar asing di IPTA dan IPTS dari semasa ke semasa bagi memastikan mereka berpuas hati dengan keadaan dan suasana pelajar di Malaysia.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan M. Munusamy dan selepas itu Tuan Lee Chee Keong.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, baru-baru ini kita telah nampak atau kita telah baca dalam surat-surat khabar bahawa ada juga kes pelajar-pelajar dari luar negeri yang telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti antisosial dan juga telah bekerja di negara ini. Seperti yang dijawab oleh Setiausaha Parlimen tadi, memang IPTS dan IPTA perlu untuk melaporkan kepada kementerian. Adakah kes-kes seperti ini dilaporkan dan adakah statistik untuk memberi berapa banyak kes yang telah dilaporkan? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak nafikan bahawa pengawalan pelajar-pelajar antarabangsa dalam negara adalah di bawah kawalan IPTS dan IPTA sendiri. Walau bagaimanapun, kementerian melalui Jabatan Pendidikan Swasta telah berusaha sekerap mungkin untuk memastikan bahawa dalam kita menjalankan tanggung jawab memeriksa dan memantau IPTS, kita meminta IPTS-IPTS ini supaya sentiasa mengemukakan aduan-aduan ataupun salah laku pelajar-pelajar. Sekiranya mereka tidak mengatasi masalah tersebut, maka kementerian akan terus menjalankan siasatan terhadap aduan sama ada aduan terus ke kementerian ataupun aduan melalui Jabatan Imigresen Malaysia.

Antara contoh, kita telah membenarkan pelajar-pelajar asing untuk bekerja tetapi dalam sektor-sektor tertentu, iaitu di sektor restoran-restoran, *petrol station*, *mini market* dan hotel-hotel. Di hotel, tidak termasuk sektor-sektor seperti yang melibatkan kewangan dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan di hotel.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelajar boleh memohon bekerja dan untuk rekod 2005, kita hanya ada 43 orang yang telah memohon dan bekerja. Untuk tahun 2006, 21 orang memohon dan bekerja secara sah. Yang lain-lain atau bekerja adalah tidak memohon dengan mana-mana pihak dan ini telah pun menyebabkan pihak-pihak tertentu sama ada menyalah gunakan pas atau menyalah gunakan keistimewaan dan kementerian sentiasa akan bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu dalam tahun ini berapakah IPTS yang didapati bersalah atau salah atau menyeleweng menggunakan kuasa merekrut pelajar-pelajar asing dan berapakah yang telah dijatuhkan hukuman oleh Kementerian Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kita ada data di sini untuk tindakan yang telah diambil pada tahun 2006 dan tahun 2005. Kita telah pun mengambil tindakan-tindakan pada 2005 hingga 2006 dengan mengarahkan menutup operasi bagi IPTS iaitu sebanyak 9 buah kerana beroperasi tanpa kelulusan penubuhan dan pengendalian kursus-kursus pengajian. Untuk tindakan sekarang, kita ada 3 buah IPTS lagi yang sedang dalam tindakan terhadap kesalahan-kesalahan yang melanggar Akta IPTS 1996, Akta 55. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

17. **Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk menyambung pembinaan LRT dari Sentul Utara ke Kepong dan Sri Damansara, memandangkan kadar kemalangan yang paling tinggi di Wilayah Persekutuan adalah di Jalan Kepong.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid yang telah mengemukakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pengangkutan masih belum menerima cadangan daripada Syarikat Prasarana Sdn. Bhd. untuk menyambung pembinaan LRT dari Sentul Utara ke Kepong dan Sri Damansara.

Walau bagaimanapun melalui projek integrasi dan penyusunan semula sistem pengangkutan awam Lembah Klang, kerajaan sedang dalam tindakan untuk menyambung LRT PUTRA yang sedia ada dari stesen Kelana Jaya ke Subang dan USJ. Iaitu penambahan laluan sejauh 10 kilometer. Bagi LRT STAR pula, penambahan laluan akan dibina dari stesen Sri Petaling ke Bandar Sunway dan Puchong., iaitu penambahan laluan sejauh 10 kilometer. Penambahan laluan baru ini dijangka akan siap pada suku akhir tahun keempat 2009.

Selain daripada itu, satu laluan rel baru akan dibina bagi menghubungkan di antara Kota Damansara ke Cheras dengan anggaran jarak sejauh 30 kilometer. Laluan baru ini dijangka akan siap pada suku tahun pertama tahun 2011. Walau bagaimanapun, kementerian akan mengambil maklum dan mengkaji cadangan Yang Berhormat untuk menyambung pembinaan LRT dari Sentul Utara ke Kepong dan Sri Damansara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Rizuan

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah keputusan siasatan ke gelinciran LRT di Sentul Utara baru-baru ini, mengapakah di hujung landasan LRT ini tidak dibina tembok yang tinggi, hanya pagar besi? Apakah ini ternyata kecuaihan pihak kementerian atau DBKL yang meluluskan pembinaan dengan mengabaikan aspek keselamatan?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Insiden ke gelinciran itu masih lagi dalam siasatan kerana ini mengaitkan pelbagai perkara teknikal dan juga dari segi teknologi yang diguna. Jadi saya tidak dapat menjawab soalan Yang Berhormat pada hari ini. Insya-Allah, di masa depan dapat saya perelaskan, apakah sebenarnya punca berlakunya ke gelinciran itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Ikhwan Salim

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan susulan saya, di Lembah Subang ada satu pangkalan LRT dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah pun memohon agar dibenarkan penduduk yang berjumlah hampir 20, 30 ribu orang di sana untuk dapat menggunakan pangkalan untuk menaiki LRT dan terpaksa membina sebuah, mungkin stesen sementara. Tetapi ini telah pun hampir 4, 5 tahun kerana jalan keluar itu melalui terowong bawah NKVE ini agak kecil dan terpaksa mereka keluar melalui jalan Subang *airport* lama.

Jadi boleh atau tidak, kerajaan memikirkan untuk membina sebuah stesen sementara, agar 20, 30 ribu orang yang duduk di Lembah Subang dapat menggunakannya secepat mungkin. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Pihak kementerian memang mengetahui masalah yang dihadapi oleh penduduk yang begitu ramai di kawasan Subang. Kita juga telah memikirkan dalam segi untuk mengintegrasikan sistem monorel bagi keseluruhan Klang Valley dan kita juga dalam usaha memikirkan, apakah cara untuk kita mengintegrasikan seluruh sistem monorel di Klang Valley dan kita harap dapat kita lanjutkan lagi iaitu sampai, kalau boleh sampai ke Shah Alam dan kemungkinan juga sampai ke Port Klang.

Ini dalam pandangan serius oleh kementerian kerana menengokkan begitu ramai penduduk yang duduk di Kuala Lumpur, di Petaling Jaya, Subang Jaya dan sampai ke Shah Alam. Ini adalah satu cadangan yang saya rasa boleh memudahkan seluruh penduduk di kawasan itu untuk menggunakan *public transport*, dengan izin, dan ini insya-Allah, saya rasa akan dapat kita buat satu kajian dengan begitu terperinci untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang berlaku di jalan raya, yang berkaitan dengan kawasan-kawasan ini.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup.

Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG GARIS PANGKAL ZON MARITIM 2006****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.31 pagi****Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukkan bagi mengisytiharkan koordinat geografi titik pangkal bagi maksud menentukan garis pangkal Malaysia dan bagi perkara-perkara lain berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, rang undang-undang perlu dapat sokongan dahulu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang di-Pertua, bagi menjaga kepentingan maritim negara, Malaysia telah menunjukkan kawasan perairan laut, wilayah dan pelantar benua Malaysia melalui pengisytiharan peta baru Malaysia pada 21 Disember 1979. Tindakan ini dibuat berdasarkan kepada Ordinan No. 7, (Kuasa² Perlu) Darurat 1969. Melalui pengisytiharan ini, Malaysia telah membuat tuntutan secara unilateral had pelantar benua dan perairan laut wilayahnya.

Tuntutan ini dibuat berdasarkan kepada prinsip-prinsip *Geneva Convention on Territorial Sea on Contiguous Zone Convention 1958* dan *Geneva Convention on Continental Shelf 1958*. Prinsip dan peraturan undang-undang adat, *Customary Law* serta perjanjian perbatasan maritim sedia ada dengan negara jiran.

Peta baru Malaysia 1979 ini diterbitkan dalam dua *sheet* iaitu *sheet* pertama, Semenanjung Malaysia dan *sheet* kedua, Sabah dan Sarawak. Malaysia adalah negara parti kepada kedua-dua konvensyen tersebut.

Semasa Malaysia mengisytiharkan peta baru 1979, titik dan garis pangkal hanya dibayangkan daripada peta tersebut. Titik dan garis pangkal merupakan asas dalam menentukan zon-zon maritim sesebuah negara berpantai.

Sebuah pasukan petugas khas telah ditubuhkan pada Mac 1984 bagi meneliti dan mengkaji semula soal penentuan titik dan garis pangkal. Ianya dianggotai oleh Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Pada tahun 1987, pasukan petugas khas ini telah dipengerusikan oleh Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Pasukan petugas khas ini telah mengadakan beberapa siri perbincangan bagi menentukan titik dan garis pangkal Malaysia.

Berdasarkan kepada Konvensyen Undang-Undang Laut, KUUL Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982, terdapat tiga jenis garis pangkal iaitu garis pangkal biasa - *normal base lines*, garis pangkal lurus - *straight base lines* dan garis pangkal kepulauan - *archipelagic base lines*, yang boleh digunakan oleh negara berpantai atau *coastal state*.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah meratifikasi KUUL 1682, atau nama panjangnya Konvensyen Undang-undang Laut 1982, pada 14 Oktober 1996 dan mula berkuat kuasa pada 14 Oktober 1996. Dalam hal ini, Malaysia mempunyai hak obligasi dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

KUUL 1982 juga menetapkan beberapa zon maritim yang wujud di bawah Konvensyen Geneva 1958 iaitu perairan pendalaman, *internal waters*, dengan izin, perairan laut wilayah, zon berdampingan, *contiguous zone* dan pelantar benua, sehingga 200 batu nautika dan titik pangkal selatan dari itu.

KUUL 1982 turut memperkenalkan Zon Ekonomi Eksklusif atau ZEE dan pelantar benua sehingga 350 batu nautika sekiranya memenuhi kriteria tertentu di bawah KUUL 1982. Zon-zon maritim tersebut diukur dari titik dan garis pangkal iaitu garis pangkal yang merupakan garisan yang menyambung antara titik-titik pangkal. Berasaskan kepada hasil kajian yang dilaksanakan oleh pasukan petugas khas kerajaan pada 14 Januari 1998, telah memutuskan untuk menggunakan garis pangkal lurus dan mengisytiharkan garis pangkal tersebut secara berperingkat di mana kawasan garis pangkal yang tidak mempunyai tuntutan wilayah diisytiharkan terlebih dahulu. Garis pangkal bagi kawasan Pulau Batu Putih, Pulau Sipadan dan Ligitan dan Sektor Teluk Brunei yang mempunyai masalah tuntutan wilayah diisytiharkan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan keputusan tersebut, Bahagian Keselamatan Negara telah mewujudkan Jawatankuasa Tindakan Susulan Garis Pangkal dengan keahlian terdiri dari Kementerian Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pertahanan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan Jabatan Perikanan.

Bagi maksud pengisytiharan garis dan titik pangkal ini, Jabatan Peguam Negara pada tahun 2001 telah menyediakan draf Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim. Jawatankuasa ini telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi membincang dan meneliti rang undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu Jabatan Ukur dan Pemetaan Negara telah mula melaksana ukuran ke atas titik-titik pangkal Malaysia secara berperingkat dari tahun 1998 hingga 2005. Pengukuran ini melibatkan ukuran geodetik menggunakan sistem penentududukan sejagat atau GPS dan ukuran fotogrametrik yang dilaksanakan dari April 1998 hingga 2003.. Manakala

sebahagian titik-titik pangkal yang telah dikenal pasti, perlu dilaksanakan ukuran hidrografi bagi mendapatkan data *bathymetric* terkini.

Kerja-kerja ini telah dilaksanakan oleh Cawangan Hidrografi, Tentera Laut Diraja Malaysia, bermula Julai 2002 hingga Ogos 2005 bagi titik pangkal di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Semua pengukuran yang dilaksanakan mematuhi peruntukkan seksyen 2, para 2.5, *technical aspect of the United Nations on the law of the sea* atau TALOS iaitu *Technical Aspects of Law of Sea*. Keseluruhan titik pangkal yang dikenal pasti adalah sebanyak 160. Iaitu Semenanjung 96, Sabah 47 dan Sarawak 17.

Dengan selesai sepenuhnya kerja-kerja pengukuran titik-titik pangkal di Semenanjung Sabah dan Sarawak, serta mengambil kira keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada 17 Disember 2002 yang memutuskan Malaysia mempunyai hak milik dan kedaulatan ke atas Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan, Malaysia kini boleh mengisytiharkan kesemua titik-titik pangkal melalui perintah di bawah Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006.

Tuan Yang di-Pertua, di kalangan negara-negara Asian yang telah menandatangani dan meratifikasi Konvensyen Undang-undang Laut 1982, hanya Malaysia, Brunei dan Singapura yang belum mengisytiharkan senarai titik dan garis pangkal secara rasmi. Indonesia telah mengisytiharkan garis pangkalnya pada tahun 1960 dan 2002, Filipina pada tahun 1961 dan 1968, Myanmar pada tahun 1977 dan Vietnam pada tahun 1982. Manakala Thailand yang belum meratifikasi Konvensyen Undang-undang Laut 1982, telah juga mengisytiharkan garis pangkal pada tahun 1993.

Mengenalpastian dan pengukuran titik pangkal di lapangan adalah penting dan kritikal sebelum sesebuah negara mengisytiharkan secara rasmi titik dan garis pangkalnya. Ini bagi mengelakkan penggunaan titik pangkal tersebut dipertikaikan oleh negara jiran khususnya dan negara lain amnya.

Tuan Yang di-Pertua, penetapan garis pangkal merupakan asas terpenting dan kritikal dalam penentuan zon maritim, iaitu laut wilayah, zon berdampingan, pelantar benua dan zon ekonomi eksklusif atau ZEE. Dengan pengisytiharan titik dan garis pangkal melalui Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim, pengawasan dan penguatkuasaan undang-undang negara akan lebih kemas dan jelas, serta mengelakkan sebarang keraguan yang berbangkit. Ketiadaan titik pangkal yang diisytiharkan secara perundangan turut menjejaskan dan melemahkan pendirian negara dalam perundingan persempadanan maritim dengan negara-negara jiran bagi kawasan yang belum di muktamadkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara parti kepada Konvensyen Undang-undang Laut 1982, Malaysia turut mempunyai tanggungjawab untuk memenuhi peruntukkan konvensyen khususnya yang menyentuh mengenai garis pangkal seperti berikut.

- 1) Artikel 15 Konvensyen Undang-undang Laut 1982, memperuntukkan persempadanan laut wilayah antara negara berhadapan atau berdampingan tidak melebihi garis median dari titik sama jarak yang diukur dari titik pangkal negara-negara tersebut;
- (ii) Artikel 16(2), Komisen Undang-undang Laut 1982 memperuntukkan bahawa negara-negara berpantai perlu mengemukakan carta atau koordinat geografi titik pangkal kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu; dan
- (iii) Artikel 76(4), Komisen Undang-undang Laut 1982, negara parti yang berhak mengemukakan tuntutan had pelantar benua melebihi 200 batu nautika sehingga 350 batu nautika dari garis pangkal dengan mengemukakan data saintifik dan teknikal kepada *Commission on the Limits of the Continental Shelf* atau CLCS iaitu sebuah badan yang ditubuhkan di bawah Konvensyen Undang-undang Laut 1982. Malaysia sedang menyediakan *submission*, dengan izin, untuk dikemukakan kepada CLCS sebelum 13 Mei 2009 yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian, pengisytiharan koordinat geografi titik pangkal Malaysia menjadi *prerequisite* bagi *submission* kepada CLCS berhubung dengan tuntutan had pelantar benua melebihi 200 batu nautika mengikut Artikel 76(4), Komisen Undang-undang Laut 1982. Justeru itu, kerajaan pada 3 Mei yang lalu memutuskan supaya Malaysia mengisytiharkan garis dan titik pangkal zon maritim melalui Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006 dan pindaan kepada Ordinan No. 7, (Kuasa² Perlu) Darurat 1969 dan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengisytiharkan garis dan titik pangkal zon maritim Malaysia, maka Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006 ini dikemukakan pada persidangan Dewan yang mulia ini. Rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukkan bagi mengisytiharkan koordinat geografi titik pangkal bagi maksud menentukan garis pangkal Malaysia dan bagi perkara-perkara lain berkaitan dengannya. Huraian Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (ii) Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk membenarkan Menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan;
- (iii) Fasal 2 mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan;
- (iv) Fasal 3 menyatakan bahawa sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukkan Akta yang dicadangkan

dengan mana-mana undang-undang bertulis lain Akta yang dicadangkan hendaklah dipakai;

- (v) Fasal 4 bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa atas syor Menteri untuk mengisytiharkan koordinat geografi titik pangkal yang daripadanya garis pangkal Malaysia boleh ditentukan;
- (vi) Fasal 5 mengadakan peruntukkan bagi penentuan garis pangkal bagi zon maritim Malaysia;
- (vii) Fasal 6 bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa atas syor menteri melalui perintah mengisytiharkan garis batasan luar dan garis persempadanan untuk menentukan had zon maritim Malaysia;
- (viii) Fasal 7 bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa atas syor menteri untuk menyebabkan, disediakan dan dikeluarkan apa-apa peta dan carta yang difikirkannya patut yang menunjukkan apa-apa perkara yang berhubungan dengan koordinat geografi titik pangkal, garis pangkal, garis batasan luar dan garis persempadanan zon maritim Malaysia;
- (ix) Fasal 8 memperuntukkan bahawa dalam mana-mana prosiding undang-undang atau prosiding lain perakuan yang dikeluarkan oleh atau di bawah kebenaran Menteri yang mengandungi pernyataan bahawa mana-mana lokasi geografi yang dinyatakan dalam perakuan itu adalah pada bila-bila masa yang material dalam prosiding itu terletak di dalam mana-mana zon maritim Malaysia hendaklah menjadi bukti muktamad mengenai kandungan pernyataan itu tanpa bukti formal tentang tandatangan atau jawatan rasmi orang yang dikatakan telah mengeluarkan perakuan itu;
- (x) Fasal 9 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu bagi maksud melaksanakan Akta yang dicadangkan; dan
- (xi) Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah bagi mengisytiharkan garis pangkal melalui Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim adalah penting kepada keselamatan dan kedaulatan negara. Ini memandangkan garis pangkal merupakan asas terpenting dalam menentukan zon maritim negara. Pengawasan dan penguatkuasaan undang-undang maritim negara dengan lebih sahih, asas perundangan persempadanan maritim dengan negara jiran dan memenuhi tanggungjawab sebagai

negara parti kepada Konvensyen Undang-undang Laut (KUUL) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sepatutnya tadi sokongan perlu dibuat selepas daripada huraian dibuat. Saya mohon maaf. Sekarang saya minta sokongan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengisytiharan koordinat geografi titik pangkal bagi maksud menentukan garis pangkal Malaysia dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

12.06 tgh.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Pangkal Zon Maritim 2006 ini. Saya amat mengalu-alukan rang undang-undang ini kerana ia sememangnya begitu penting kerana dengan adanya akta ini nanti maka kita akan memiliki peta yang lebih lengkap sebenarnya yang sudah ada titik dan juga garis pangkal yang dapat menentukan zon-zon maritim sesebuah negara yang berpantai seperti negara kita ataupun dalam menentukan zon ekonomi eksklusif dan juga zon laut wilayah dan sebagainya.

Sebab itulah kita amat mengalu-alukan akta ini sebenarnya. Walaupun kita dikatakan agak lambat sebenarnya dalam melakukan titik dan garis pangkal ini tetapi ia terlalu penting kerana sebagai sebuah negara yang berdaulat, kita memerlukan pemetaan yang lebih lengkap kerana ini memudahkan kita untuk mempunyai sistem pengurusan maritim yang lebih lengkap dan juga sebenarnya seperti mana yang kita maklum bahawa laut kita ini juga sebenarnya boleh memberikan sumber yang penting untuk ekonomi negara kita, maka sudah tentulah dengan adanya akta ini maka ianya lebih memudahkan kita membangunkan negara kita terutama seperti mana yang kita dengar tadi bahawa ini juga dapat membantu kita mengawal keselamatan negara kita.

Cuma yang ingin saya bangkitkan di sini ialah sebagai sebuah negara yang berpantai, kenapakah kita menggunakan kaedah garis pangkal lurus ini di dalam menentukan titik dan garis pangkal kita. Dengan kata lain, apakah ini menjamin bahawa ketepatan dari segi pemetaan ini akan berlaku dengan menggunakan kaedah garis pangkal lurus ini sebagai sebuah negara yang berpantai ataupun *coastal state*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin tahu iaitu mengapa kita tidak menggunakan apa yang disebut sebagai kaedah garis pangkal kepulauan ini sebagai kaedah untuk kita melakukan pemetaan ini. Dengan kata lain, apabila kita menggunakan garis pangkal lurus dan kalau negara jiran menggunakan garis pangkal

kepulauan, apakah tidak akan berlaku pertindihan dari segi ketepatan pemetaan ini. Ini yang ingin saya bangkitkan dalam membahaskan rang undang-undang mengenai dengan pangkal zon maritim 2006 ini.

Kerana seperti yang kita tahu bahawa memang berlaku pertindihan dari segi wilayah-wilayah yang dituntut antara kita dengan beberapa negara jiran kita terutamanya seperti mana yang kita tahu Pulau Batu Putih adalah sebagai contohnya. Satu lagi ialah, kenapakah kita mengecualikan titik dan garis pangkal bagi kawasan-kawasan yang berlaku pertikaian ini seperti yang saya sebut iaitu Pulau Batu Putih yang memang ada masalah tuntutan wilayah yang bertindih dengan negara-negara jiran.

Apakah kita tidak perlu melakukan pemetaan lebih awal ataupun melakukan titik dan garis pangkal lebih awal terhadap kawasan ini walaupun berlaku pertikaian sebab ini menunjukkan keseriusan dan kesungguhan kita dalam menuntut bahawa Pulau Batu Putih ini sebagai contohnya adalah memang milik kita. Kalau kita ambil contoh seperti Pulau Batu Putih ini, kita lihat walaupun ia menjadi tuntutan, kita melihat sebagai contohnya, polis marin daripada Singapura, seolah-olah mereka yang berkuasa di situ dan mereka sudah menyatakan bahawa itu adalah milik mereka dengan mendirikan apa yang disebut sebagai rumah api, kemudian mereka membina bangunan dan apa yang kita dapati sekarang ini seolah-olah Pulau Batu Putih ini seperti ditambak, semakin membesar dan ini harus menjadi perhatian sebenarnya.

Kita bimbang dengan keupayaan mereka yang suka menambak kawasan-kawasan mereka. Kita bimbang tanpa mereka mengetahui, tanpa kita boleh masuk ke kawasan tersebut sebab kita tahu bila kita hendak mendekati kawasan itu polis marin kita ini akan dihalau. Jadi sebab itulah perkara-perkara ini menjadi persoalan kepada kita iaitu kenapakah kita tidak melakukan titik dan garis pangkal terhadap kawasan-kawasan yang menjadi rebutan ataupun menjadi pertindihan dari segi tuntutan ini. Sebab apa yang kita dengar iaitu bahawa dan ini dibuktikan apabila pernah berlaku satu ketika polis marin kita apabila mendekati kawasan tersebut memang dihalang oleh polis marin mereka yang meletakkan kapal yang lebih canggih dan berkeupayaan tinggi sebenarnya untuk mengawal kawasan tersebut.

Dengan adanya akta ini, yang mengikut Konvensyen PBB, maka ini akan menyebabkan kedaulatan negara kita lebih terjamin dan kita mudah mengawal keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang maritim akan dapat dilaksanakan dengan lebih tegas lagi. Saya berharap bahawa dengan adanya nanti, dengan lulusnya akta ini, maka kerajaan akan lebih tegas dari segi penguatkuasaan. Jadi ini yang menjadi isu sebenarnya iaitu apabila kita sudah ada peta yang lengkap kita sudah tahu titik dan garis pangkal kita dan kita sudah tahu di mana wilayah kita, kedaulatan kita, maka sudah tentulah yang lebih penting selepas daripada ini ialah soal penguatkuasaan.

Sebab itulah saya amat berharap iaitu dengan adanya perkara seperti ini, maka kita juga perlu ada satu dasar penguatkuasaan maritim negara yang lebih jelas sebenarnya iaitu tidak ada gunanya kita sudah menentukan titik dan garis pangkal kita tetapi kita tidak mempunyai satu dasar yang jelas dari segi penguatkuasaan. Terutamanya kita tahu bahawa laut dan kawasan kita juga sering di ceroboh, sebagai contohnya barangkali nelayan-nelayan asing sering di ceroboh oleh lanun dan sebagainya.

Jadi sebab itulah saya mengharapkan bahawa dari segi penguatkuasaan ini kita akan mempunyai ketegasan sebenarnya dan sebab itulah barangkali apabila adanya dasar penguatkuasaan yang lebih jelas, maka kita perlukan juga kelengkapan-kelengkapan yang lebih canggih terutamanya untuk kegunaan polis-polis marin kita sebab kita tahu bahawa seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa laut kita ini sememangnya memberikan sumber yang besar dan barangkali banyak lagi usaha-usaha cari gali yang boleh kita lakukan untuk mendapatkan hasil minyak dan baru-baru ini disebut di Johor sudah ditemui satu kawasan yang dikatakan kita boleh menghasilkan minyak di kawasan tersebut.

Jadi sebab itulah jangan nanti berlaku pula pertikaian kita dengan Singapura dalam soal ini sebab memang perkara ini kadang-kadang kita tidak boleh elakkan. Sebab itulah saya amat menyokong penuh akta ini kerana ini penting untuk kita sebenarnya.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, mohon laluan. Terima kasih. Tadi Yang Berhormat telah mengatakan bahawa kita sedikit kelewatan untuk membentangkan rang undang-undang ini. Adakah kerana kelewatan kita membentangkan rang undang-undang ini, maka jiran kita mengambil kesempatan untuk menceroboh kawasan kita dan mengambil pelbagai tindakan yang menyusahkan negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya yakin bahawa kelewatan ini sebenarnya banyak merugikan kita sebab kita tahu bahawa negara-negara jiran kita khususnya Indonesia dan Filipina, kalau tidak salah saya Filipina tahun 1961 sudah melakukan titik dan garis pangkal ini. Memang mereka meletakkan wilayah tuntutan seperti Sabah itu sebagai milik mereka dan hingga ke hari ini pun kalau ikut peta mereka itu, Sabah masih milik mereka. Jadi, sebab itulah apabila kita tidak ada pemetaan ini, titik dan garis pangkal ini maka sebenarnya memang banyak merugikan kita dari segi ekonomi.

Kenapa faktor kelewatan itu? Maka inilah yang juga menjadi pertanyaan dan tanda soal kepada kita. Apakah kerana selama ini kita memang mempunyai sikap yang tidak tegas ataupun kerana kita masih belum mempunyai pakar-pakar yang berkeupayaan di dalam menentukan titik dan garis pangkal kita. Maka perkara ini, saya rasa perlu juga diperjelaskan dan mungkin maksudnya kerugian yang kita hadapi sepanjang kita tidak melakukan titik dan garis pangkal ini adalah cukup besar. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini maksudnya setelah kita ada titik dan garis pangkal ataupun peta baru ini, saya menekankan soal iaitu dari segi penguatkuasaan.

Saya menyatakan di sini bahawa sebenarnya kadang-kadang kita tahu dan sering berlaku pun pencerobohan-pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing yang mempunyai kelengkapan-kelengkapan nelayan yang lebih canggih daripada nelayan-nelayan kita. Sebab itulah barangkali maksudnya industri laut dalam kita tidak sebegitu hebat berbanding dengan negara-negara jiran. Mungkin satu daripada faktornya mereka takut, tidak tahu dan sebagainya. Sebab itulah tadi pun dibangkitkan bahawa apabila sudah ada dasar-dasar seperti ini, maka perlulah juga diberi penjelasan atau makluman kepada orang ramai tentang perkara ini. Dipermudahkan pula kepada kita untuk membeli peta baru ini dan sebagainya supaya memudahkan industri kita ini khususnya dalam soal-soal mencari gali dan sebagainya dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah saya berharap seperti mana yang saya katakan tadi iaitu selepas daripada ini, maka dipermudahkan kepada kita sebenarnya untuk mendapatkan peta ini. Jangan maksudnya setelah perkara ini diluluskan, maka lambat untuk kita mendapatkan peta ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

12.18 tgh.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Saya juga bersetuju bahawa rang undang-undang ini adalah agak lewat sedikit kerana jiran-jiran kita telah membuat pemetaan mereka pada tahun 60an. Maka kita dalam tahun 2006, baru hendak bawa rang undang-undang ini ke Dewan yang mulia ini. Saya harap kerajaan berhati-hati dengan perkara-perkara yang penting seperti ini supaya tidak ada perkara yang penting itu ditinggalkan atau dilewat-lewatkan supaya kepentingan negara dapat dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa soal jawab tadi, kita juga dengar jawapan bahawa ada kawasan-kawasan yang *grey area*, dengan izin. Saya hendak tahu pada masa kini ada berapa kawasan yang bertindih tuntutan? Di manakah tempat-tempat itu dan juga dengan negara manakah pertikaian sempadan itu berlaku? Saya juga hendak tahu berapa kes pertikaian atau pertindihan ini sudah bawa ke mahkamah? Berapa kes sedang dikaji, siasat dan juga mendapatkan maklumat-maklumat yang penting supaya tuntutan kita itu dapat dicapai?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak tahu berkenaan dengan sempadan dan juga garis pangkal selama 10 tahun, 20 tahun atau 30 tahun yang lalu, adakah sempadan-sempadan dan juga garis pangkal itu berubah kerana hakisan atau lain-lain. Saya hendak tahu yang mana *significant* perubahan itu dan apakah tindakan-tindakan kerajaan untuk menangani masalah ini? Kalau kerana hakisan-hakisan atau yang lain, apakah tindakan-tindakan boleh dibuat oleh kerajaan? Inilah soalan-soalan saya berkenaan dengan rang undang-undang ini. Dengan ini saya menyokong terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

12.22 tgh.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Turut sama berbahas dalam Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006 ini sukacitalah saya menyebut dua tiga perkara. Mungkin barangkali sebahagian daripada apa yang akan saya sebut ini telah pun secara langsung atau tidak langsung disentuh oleh pembicara-pembicara yang terdahulu seperti Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan yang telah dapat membawa rang undang-undang ini iaitu membuat ketetapan, ketentuan garis pangkal zon maritim kita. Ini satu perkara yang sangat baik.

Mungkin apa yang disebut oleh sahabat-sahabat kita tadi yang kita terlambat. Ada hikmahNya barangkali kerana kelambatan itu kita lebih berhati-hati. Tempat-tempat yang selama ini kita fikirkan ini kita fikirkan bukan wilayah kita, tetapi telah dapat dengan ketelitian itu kita masukkan menjadi wilayah kita. Tentulah apabila rang undang-undang ini telah diluluskan, pemetaan dibuat dan disebarikan bukan Sabah untuk penelitian rakyat negara kita, tetapi juga negara-negara luar. Mungkin timbul salah faham tuntutan dan sebagainya yang disebabkan oleh garis pangkal yang kita isytiharkan ini.

Tetapi walau bagaimanapun kita sangat-sangat berharap kepada kebijaksanaan kerajaan kita, kepada pegawai-pegawai dan pakar-pakar dari negara kita yang selama ini alhamdulillah, berikan khidmatnya yang sangat baik seperti yang terbukti dalam perjuangan kita untuk menuntut kedaulatan ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan. Mungkin barangkali kepada sesetengah orang mengatakan bahawa kita menang kerana kita dapat membuktikan dari segi fakta sejarahnya bahawa ini adalah milik kita. Mungkin di tempat-tempat yang tertentu, fakta-fakta sejarah tidak dapat menolong kita, tetapi zon maritim ini insya-Allah pada masa-masa yang akan datang akan dapat menolong kita. Seperti yang pernah berlaku di mana-mana, dalam laut yang luas ini ada tempat-tempat yang selama ini tidak pernah diketahui orang adanya pulau.

Tetapi apabila berlakunya *tsunami* dan sebagainya, keadaan bawah laut itu berubah, tempat yang tidak ada pulau telah timbul pulau, tempat yang pernah ada pulau ditenggelami pula. Mungkin dalam hari ini, sedikit sebanyak zon kita ini dapat memberikan ketentuan apabila kita menentukan kedaulatan atas kawasan-kawasan yang baru muncul ini. Tetapi walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara yang ekonominya banyak bergantung kepada laut, maka persempadanan di laut atau kawasan zon maritim ini sangatlah mustahak. Misalnya kita ambil contoh seperti yang disebut oleh sahabat-sahabat saya tadi iaitu cari gali minyak.

Kita yakin selain daripada telaga-telaga yang telah dapat ditemui, dicari gali dan pengeluaran ini berjalan, masih terdapat lagi kawasan-kawasan baru yang barangkali telah kita

kenal pasti, tetapi kita merasakan bahawa belum sampai masanya untuk kita eksploitasi telaga-telaga itu. Kita simpan dahulu untuk kegunaan-kegunaan pada masa akan datang. Termasuklah kawasan-kawasan apa yang disebut dengan izin, *disputed area* misalnya, antara Malaysia dengan Thailand, mungkin antara Malaysia dengan Vietnam, mungkin antara Malaysia dengan Filipina, antara Malaysia dengan Indonesia atau dengan Brunei dan sebagainya.

Kita sedia maklum bahawa perkara-perkara yang seumpama ini boleh diselesaikan dengan baik terutama sekali berdasarkan kepada prinsip-prinsip persaudaraan dan persefahaman negara-negara di dalam ASEAN ini. Itulah kita harapkan bahawa konsep *continental shelf* ataupun pelantaran benua ini dapat menolong kita dalam masalah cari gali minyak di sekitar kawasan maritim ini. Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ekonomi ini ialah penangkapan laut dalam. Kita mengakui bahawa nelayan-nelayan kita tidaklah secepat dan tidaklah sehebat nelayan-nelayan Jepun, nelayan-nelayan Thai dan nelayan-nelayan Taiwan dalam usaha-usaha mereka menjalankan kerja-kerja penangkapan laut dalam sekarang.

Tetapi keadaan pada masa-masa akan datang mungkin berubah dengan galakan-galakan, dengan bantuan-bantuan kewangan dan sebagainya yang disediakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Keberanian dan kesungguhan nelayan-nelayan kita untuk ikut sama meneroka laut dalam ini insya-Allah akan menjadi kenyataan pada satu masa nanti. Di sinilah sekali lagi kita memerlukan bantuan daripada penguatkuasaan maritim kita. Satu perkara yang patut disebut di sini oleh kerana kita juga mempunyai laut yang luas, dikelilingi laut Semenanjung, Sabah dan Sarawak juga dikelilingi laut, maka pencerobohan yang berlaku boleh dikatakan terlalu banyak. Apatah lagi kalau kita hubungkan pencerobohan ini dengan PATI iaitu pendatang asing tanpa izin, yang saya rasa masuk ke negara kita Malaysia ini lebih banyak melalui pantai daripada melalui pintu-pintu masuk biasa. Jadi kita tidak hairan kerana sebenarnya yang pertama, pelaksanaan penguatkuasaan maritim kita baru.

Yang kedua, saya yakin dan saya mendakwalah di dalam Dewan ini bahawa penguatkuasaan kita tidak seperti sepatutnya.

Jadi dalam hal ini untuk mengatasi masalah pencerobohan yang dilakukan oleh nelayan-nelayan asing juga oleh PATI iaitu pendatang asing tanpa izin ini, saya rasa mustahaklah penguatkuasaan kita dipertingkatkan. Mungkin barangkali seperti yang dijawab oleh kerajaan pada pagi ini belum sampai masanya penguatkuasaan ini atau hal-hal pengurusan maritim ini diletakkan di bawah satu kementerian yang baru. Mungkin buat masa ini belum sampai masanya. Cukup barangkali boleh dilaksanakan dengan kementerian yang ada.

Tapi apa yang perlu kita tekankan di sini walau apa sekalipun, di mana letak sekalipun maritim ini penguatkuasaan itu perlulah dipertingkatkan untuk mengurangkan masalah pencerobohan PATI, untuk mengurangkan pencerobohan nelayan-nelayan asing. Walaupun nelayan-nelayan asing ini merupakan perkara lama ertinya sudah menjadi satu masalah biasa tapi

kita berharap ada dua keuntungannya di sini Tuan Yang di-Pertua, bila kita tingkatkan penguasaan maritim.

Yang pertama, kita kurangkan kemasukan atau pencerobohan nelayan-nelayan asing. Yang kedua, kita memberi semacam perlindungan atau bantuan kepada nelayan-nelayan kita untuk bergerak di laut yang lebih jauh dari pantai kita di mana harta mereka, bot mereka, pukut mereka dan sebagainya tidak dikhianati, tidak dimusnahkan oleh nelayan-nelayan asing ini.

Saya rasa hal-hal lain yang ada hubungannya dengan pencarian dan pengeluaran minyak ini dapat diuruskan oleh Petronas dengan baik dan dapat kita kendalikan melalui Kementerian Luar Negeri kita yang selama ini kita faham menggunakan sepenuhnya kebijaksanaan untuk menyelesaikan perkara-perkara ini. Jadi atas perkara-perkara yang seumpama ini sekali lagi kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan saya mohon menyokong undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain.

12.32 tgh.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Secara ringkasnya saya juga ingin mempersoalkan kenapa kita agak lewat untuk mengadakan rang undang-undang ini walaupun negara lain telah lama berbuat demikian.

Persoalan saya ialah ketika negara lain mengadakan rang undang-undang ini tidakkah ketika itu mereka juga merujuk kepada kita dan adakah kelewatan kita mengadakan rang undang-undang ini adalah disebabkan oleh tidak adanya pegawai ataupun kepakaran dipihak kita ataupun kerana ianya menjadi satu dasar kerajaan yang tidak memberi *priority* kepada perkara ini.

Perkara yang lebih penting yang hendak kemukakan di sini ialah setelah kita mengadakan rang undang-undang ini, persoalan yang saya hendak kemukakan di sini ialah sejauh manakah kekuatan kita untuk mengawal ataupun sejauh manakah persiapan kita dalam menentukan untuk kita menjaga kedaulatan zon di bawah maritim yang telah kita putuskan ini. Maksud saya dari segi mengawal perairan zon maritim ini bukanlah satu perkara yang mudah kerana negara kita Malaysia adalah juga negara yang luas dan mempunyai berpuluh-puluh pulau di tengah-tengah lautan yang termasuk dalam kawasan zon kita.

Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk bertanya sehingga ini, berapakah pulau-pulau yang berpuluh-puluh yang berada di kawasan maritim kita ini yang sudah pun disediakan kemudahan *helipad* untuk kegunaan keselamatan dan pengawalan sama ada daripada pihak lanun ataupun daripada penceroboh-penceroboh dari negara luar ataupun pihak-pihak yang boleh mengancam keselamatan kita.

Jadi atas perkara-perkara yang saya bangkitkan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

12.35 tgh.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja ucapan saya. Kita lihat hari ini, bahagian maritim ini bagaimana kita hendak menguatkuasakan. Kita lihat banyak kementerian-kementerian yang bertindih. Saya ingin ambil contoh seperti bahagian maritim di bawah Kementerian Pengangkutan. Jabatan Laut di bawah Kementerian Pengangkutan juga. Jabatan Perikanan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri. Seksyen Taman Laut dan Perikanan Rekreasi sekarang di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia atau NAHRIM, di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Bahagian Hal Ehwal Maritim di bawah Kementerian Luar Negeri. Jadi nampaknya semua ini bertindih. Jadi siapa yang hendak menguatkuasakan. Kalau rang undang-undang ini diluluskan pada hari ini kementerian mana yang bertanggungjawab.

Jadi saya bercadang supaya semua ini diletakkan di bawah satu kementerian dan kalau tak ada kementerian kita tubuh kementerian baru. Kita ada orang yang berpengalaman, Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib boleh jadi Menteri. Terima kasih. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawawi.

12.36 tgh.

Puan Mumtaz binti Md Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon maritim. Tapi mungkin daripada sudut yang agak berbeza iaitu tentang unsur patriotik yang sebenarnya yang kita sedang bahaskan ini bila kita membincangkan tentang Garis Pangkal Zon Maritim 2006 ini ertinya kita sedang membahaskan tentang sempadan negara kita yang tak nampak mungkin dari bentuk zahir. Jadi perkara ini sebenarnya perlu kepada kepekaan keseluruhan rakyat tentang bahawa sempadan itu bukan nampak dari segi zahir. Banyak sempadan yang kita tak nampak dari segi zahir tapi sebenarnya penting untuk dari segi kedaulatan sebuah negara dan juga rasa kasih sayang kita kepada negara.

Jadi bila mana kerajaan telah pun membuatkan Rang Undang-undang sebegini kita akan mungkin lebih tepat dari segi pengiraan zonnya tetapi perkara yang sama juga saya minta yang saya cadangkan tadi tentang keadaan supaya perkara ini difahami oleh seluruh terutamanya remaja tentang di mana sebenarnya kedudukan negara kita apa yang perlu dia buat untuk dia jaga tentang maritim Malaysia. Sebab perkara ini kalau kita tak tekankan kepada seluruh rakyat kemungkinan bila sebut tentang maritim semua akan rasa ini berkaitan dengan nelayan, berkaitan dengan laut. Dia

tak rasa perkara ini ada kaitan dengan maruah negaranya, sensitiviti yang dia perlu ada, bagaimana negara dia mungkin di ceroboh atau mungkin dia telah pun keluar daripada zon yang lain.

Saya juga ingin menekankan di sini tentang bila kita membahaskan tentang Garis Pangkal Zon Maritim ini perkara ini secara tak langsung sebenarnya memerlukan kepakaran yang lebih khusus kepada semua orang yang akan bertanggungjawab untuk menjalankan Rang Undang-undang ini. Sepengetahuan saya juga, yang khusus yang telah pun dibuat di universiti yang saya tahu KUSTEM di Terengganu memang fokus untuk maritim. Tetapi di universiti-universiti lain saya mencadangkan agar pihak kerajaan dapat memperbanyakkan lagi kursus-kursus yang akan membicarakan tentang maritim, supaya perkara ini bila kita laksanakan kita akan dapat pakar daripada dalam negara. Sebab perkara ini bukan boleh kita ambil atau kita kumpul atau jadikan pakar dalam masa yang singkat.

Jadi pendedahan awal dan segera daripada kerajaan untuk memasukkan kursus-kursus sebegini dalam universiti-universiti adalah penting bagi menjaga ruang maritim kita yang telah pun insya-Allah akan kita luluskan hari ini. Saya dengan demikian menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin.

12.39 tgh.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bersama-sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak kerajaan yang peka, yang tersedar untuk membentangkan Rang Undang-undang ini di Dewan Negara pada hari yang mulia ini.

Sekurang-kurangnya kerajaan berani walaupun terlewat menzahirkan dan kita memberi sekalung tahniah kepada pihak kerajaan. Sebenarnya dari segi kedaulatan kalau kita mengikut pengertian negara, ada tiga perkara besar yang harus kita fikirkan untuk mengatakan wujud sebuah negara. Pertama Tuan Yang di-Pertua ialah penduduknya. Yang kedua ialah kawasannya. Yang ketiga ialah perhubungan antarabangsa. Ini memperlengkapkan wujudnya sebuah negara. Ini bermakna dengan adanya Garis Pangkal Zon Maritim 2006 lebih memperlengkapkan lagi di kaca mata dunia antarabangsa bahawa kedaulatan kita bertambah, kesetiaan kita kepada negara bertambah, perpaduan bertambah dan banyak perkara Tuan Yang di-Pertua dapat kita selesaikan.

Pertama, kita dapat meningkatkan kerjasama dalam pengumpulan maklumat risikan, peringkat strategi khasnya di sekitar laut selat Melaka.

Yang kedua, kita dapat meningkatkan penguatkuasaan terhadap kemasukan pendatang haram dari Indonesia, dari Filipina khasnya Sabah. Yang ketiga dengan izin, *a pre-feasibility study for a land breach concept in the northern Peninsular Malaysia* yang saya bangkitkan dalam perbahasan Dewan Negara yang lepas, pada bulan Mei. Ini adalah satu unsur *growth*, dengan izin

untuk Malaysia dan jika sekiranya perkara ini jadi kenyataan atau realiti, insya-Allah negeri di utara akan lebih makmur termasuklah negeri Kelantan, Terengganu yang akan mendapat manfaat daripada apa yang disebut *the Malaysian land breach*, dengan izin.

Keempat, kita dapat satu pembaharuan aset pertahanan dengan mempergiatkan pembelian senjata moden kerana kita sudah tahu luasnya jajahan takluk khasnya di lautan. Maka kita boleh bersedia. Saya hendak seru Kementerian Pertahanan siapkan kapal-kapal selam banyak kerana sudah luas. Sekarang ada berapa? Kalau tak cukup, tambah, masuk dalam bajet tambahan dan saya ingat ada kita akan bahas tambahan. Kemudiannya, kita masukkan kapal-kapal selam yang canggih, alat-alat torpedo yang canggih dan saya tidak peka tentang ketenteraan tetapi awal-awal lagi kalau benarlah jajahan takluk kita sudah spesifik, tetap, sah maka kita jalankan. Sebab kita nampak musuh-musuh kita macam kawan, tetapi tidak berapa hendak jadi kawan. Banyak sangat perkara-perkara yang dibangkitkan, khasnya mentor kita di sebelah Selatan. Ini kerana bagi kita, Malaysia kita cukup jaga tentang kedaulatan, persahabatan tetapi jiran kita yang kurang sensitif dalam perkara ini, mencetus masalah demi masalah.

Yang kelima, saya dapati bahawa keputusan syarikat insurans, perkapalan, Persatuan Pemasaran Lloyd's atau LMA, yang telah menarik balik penarafan Selat Melaka sebagai zon risiko Tuan Yang di-Pertua, zon risiko perang, ini sah, sah terbukti dengan jelas, sudah terang lagi bersuluh iaitu kejayaan negara ini mengawal kawasan tersebut daripada sebarang ancaman. Bermakna cukup selesa. Saya ingat Rancangan Malaysia Kesembilan ini, 'boom' terus tidak ada masalah. Sekuriti menjamin pembangunan, pembangunan menjamin sekuriti, *complementary*, insya-Allah di bawah Perdana Menteri, 'Pak Lah', kita akan berjaya, insya-Allah dan serangan lanun kurang. Ini bermakna tepat sekali, masa, ketika, kita bentangkan rang undang-undang ini.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang ingin berbahas? Kalau tidak ada, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

12.47 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah berucap membincangkan rang undang-undang yang telah saya bentangkan sebentar tadi.

Seramai tujuh orang Yang Berhormat telah bercakap ataupun kalau dapat saya katakan, apa yang telah mereka beri, ada yang memberi pandangan, ada yang membuat pertanyaan-pertanyaan dan ada juga memberi galakan supaya kerajaan terus mempertingkatkan undang-undang ini untuk memastikan kedaulatan negara kita.

Saya akan memberi jawapan beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat, dan sekiranya saya tidak dapat memberi jawapan yang sejelas-jelasnya Yang Berhormat bolehlah menghubungi saya selepas ini lagi untuk menjelaskan keadaan sebenar.

Pertama Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad telah bertanya dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain juga telah menimbulkan, pertama sekali mengapa rang undang-undang ini lambat ataupun lewat dikemukakan kepada Dewan ataupun dibawa ke dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1961 Malaysia belum lagi wujud, Malaysia wujud pada tahun 1963, kemudian kita tidak dapat membuat pemetaan pada masa itu disebabkan juga kerana kita telah pun berlaku perpisahan di antara Malaysia dengan Singapura pada tahun 1965. Jadi oleh kerana negara kita pada ketika itu belum lagi dapat menetapkan, iaitu negara kita berkembang daripada Malaya kemudian 1963 tambah kepada Sabah dan Sarawak dan Singapura. Kemudian Singapura berpisah balik, jadi inilah suasana yang tidak menentu terutamanya mengapa kita tidak mengadakan pemetaan lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya ialah kita hendak memastikan apabila kita membuat sesuatu pemetaan ia mestilah muktamad. Jadi apabila muktamad kita mesti berhati-hati, ini bermakna apabila kita mengisytiharkan menerusi rang undang-undang yang kita bentangkan pada hari ini, selepas ini apabila kita isytiharkan kawasan maritim kita, kita tidak boleh membuat tuntutan lebih daripada apa yang kita isytiharkan. Jadi sebab itu dalam hal seperti ini, kerajaan mesti berhati-hati supaya jangan lagi ada kawasan yang tidak dituntut oleh kita, oleh sebab ia adalah merupakan tindakan kita yang akhir ataupun muktamad. Jadi mesti kita pastikan kerja yang kita buat betul dan di tempat yang betul, dan semuanya mestilah apabila selesai seperti mana yang kita buat pada hari ini, maka kita hanya akan memastikan kedaulatan negara kita hanya dalam kawasan kita dan kita kalau di luar lagi kita tidak boleh hendak menuntut.

Kita ada pengalaman umpamanya negara jiran kita, seperti Sabah, negara jiran kita Filipina memasukkan Sabah dalam peta dia, tetapi sebenarnya Sabah adalah di dalam Malaysia. Kemudian kita tahu juga, umpamanya kalau dahulu kita sudah buat Ligitan dan Pulau Sipadan, kalau kita sudah buat mungkin pada waktu itu kita tidak masuk Ligitan dan Sipadan, maka kita tidak ada kesempatan untuk membuat tuntutan. Alhamdulillah oleh kerana ini ada sebenarnya sebab-sebab yang kita buat.

Kemudian Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad juga menimbulkan soal mengapa kita guna garis pantai lurus dan tidak garis kepulauan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia seperti mana kita semua maklum adalah bukan merupakan negara *archipelago* ataupun berpulau. Kerajaan pada 14 Januari 1998, telah memutuskan untuk menggunakan garis pangkal lurus dan mengisytiharkan garis pangkal lurus secara berperingkat, di mana kawasan garis pangkal yang tidak mempunyai tuntutan wilayah diisytiharkan dahulu. Ketetapan ini dibuat untuk memaksimumkan tuntutan negara dan perundingan perbatasan maritim di masa hadapan. Jadi yang mana kita

sudah tahu sah, maka kita masukkan pada masa itu dan yang belumlah kita tidak masuk dan oleh kerana negara kita bukan sebuah negara ataupun kita masuk dalam negara *archipelago*, maka kita gunakan garis ini. Kerana saya sendiri telah melihat dan mendapat taklimat daripada pihak pegawai-pegawai kita, untuk maklumat Yang Berhormat berdasarkan kepada keadaan seperti ini, ia adalah lebih sebenarnya menguntungkan kita. Jadi itulah sebab kita gunakan garis ini.

Walaupun begitu kita juga masih menghadapi beberapa masalah bertindih, umpamanya dengan penggunaan garis pangkal ini juga kita masih menghadapi masalah negara jiran kita. Saya ingat biarlah saya sebutkan iaitu umpamanya dengan Brunei kita menghadapi masalah sebab di kawasan itu ada hasil minyak. Jadi sebab itu mereka turut menggunakan cara yang sama dan ini menjadi pertikaian lagi.

Begitu juga di Singapura umpamanya Batu Puteh dan dalam hal ini saya hendak sebutkan apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu tentang aktiviti yang dilakukan oleh pihak Singapura. Sebagai maklumat perkara ini sebenarnya kita bawa kes ini dari segi tuntutan kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh, South Ledge dan juga Middle Rocks ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Jadi ada tiga semua yang saya sebutkan tadi dalam *International Court of Justice*. Dalam hal ini ia menjadi kes mahkamah dan mahkamah akan memutuskan soal tuntutan kedaulatan ini. Jadi seperti mana kita maklum, persetujuannya bahawa walau apa pun aktiviti kerana dari segi pengurusan lampu di kawasan tersebut, lampu perkapalan dan sebagainya selepas tahun 1980 sebarang aktiviti sama ada Singapura ada di situ, siapa ada di situ, tidak boleh memperkukuhkan asas bahawa itu adalah pulau ataupun kawasan mereka.

Dan begitu juga kalau kita ada aktiviti di situ tidak boleh memperkukuhkan asas apa-apa sahaja yang berlaku selepas 1980. Jadi dengan keadaan demikian, dan persetujuan yang dibuat pada waktu itu oleh kerana Singapura yang menguruskan tempat tersebut, maka Singapura dia beri peranan dan tanggungjawab untuk meneruskan tetapi setelah diputuskan oleh mahkamah antarabangsa mengenai hal ini, ia terpulang kalau ia diputuskan kepunyaan Malaysia maka semuanya akan dipulangkan balik kepada Malaysia dan begitu juga sebaliknya. Jadi itulah sebagai maklumat yang dapat saya maklumkan kepada Yang Berhormat.

Kemudian Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid timbulkan tentang penguatkuasaan dan terima kasih kerana Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid menyebut tentang ada baik dia terlambat, memanglah lambat pun baik kalau tidak dibuat langsung, tidak baik. Jadi sekarang sekurang-kurangnya kita telah dapat melaksanakan tanggungjawab kita dan *alhamdulillah*, peringkat yang kedua ialah peringkat pelaksanaan dan penguatkuasaan. Jadi Dato' Haji Abdul Rashid juga telah mengatakan perkara ini.

Untuk maklumat kita semua bahawa rang undang-undang ini dibawa bagi memastikan bahawa kita telah dapat menetapkan kawasan kita sebenarnya, kawasan EEZ kita, kawasan pelantar benua kita, kawasan pangkal kita dan sebagainya. Jadi mengikut yang telah kita

tetapkan ini dan selepas ini bukan sahaja APMM ataupun kita kata Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang hendak menguatkuasakan. Jadi semua agensi yang terlibat seperti yang disebutkan tadi umpamanya Pasukan Polis Laut, Angkatan Tentera Laut, Jabatan Perikanan, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen, ada 13 agensi sebenarnya yang akan memainkan peranan untuk menguatkuasakan dalam kawasan ini. Termasuklah kawasan-kawasan di bawah kuat kuasa mereka masing-masing.

Saya ingin menjelaskan bahawa Agensi Penguatkuasaan Maritim ditubuhkan kerana memandangkan pada masa yang lalu, seperti yang saya telah jawab, saya terlupa mungkin di dalam Dewan ini iaitu untuk menyelaraskan semua agensi di bawah penguatkuasaan undang-undang di laut ini, yang selama ini kalau umpamanya berlaku kes jenayah di laut. Ditangkap oleh Kastam Diraja. Jadi ia kena bagi pula kepada pihak polis, jadi dia ada di situ rintangan-rintangan yang menyebabkan masalah-masalah itu, dan sebab itu agensi maritim ini menjadi penyelarasan dan ada kuasa yang luas. Boleh menangkap sama ada jenayah, sama ada pendatang tanpa izin, sama ada pelari cukai..., apa kita panggil? Orang yang melarikan cukai dan sebagainya ataupun kesalahan-kesalahan Jabatan Perikanan pun. Jadi boleh diambil tindakan dan terus dihadapkan ke mahkamah tetapi di peringkat permulaan ini, agensi maritim ini membuat tangkapan-tangkapan tetapi ada perkara-perkara tertentu yang kita serahkan juga kepada pihak polis oleh kerana kekurangan kepakaran kita dan kekurangan pegawai-pegawai penguat kuasa kita.

Jadi *insya-Allah* apabila rang undang-undang ini diluluskan sudah pasti dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, di mana kaki tangan APMM akan dipastikan 4,000 lebih kaki tangannya, yang mana kita juga dalam waktu yang sama mengambil kepakaran dari KDRM, daripada imigresen dan sebagainya untuk menyelaraskan kerja-kerja kita dan juga di samping kerjasama kita dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, dan *insya-Allah* laut kita akan berada lebih selamat lagi walaupun sekarang ini pun sudah selamat akan lebih selamat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi kah jawapan Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Pendek, pendek. Beberapa minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Kerana masa sudah cukup...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Masa sudah cukup ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh sambung lagi pada petang ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung menjawab dan menggulung perbahasan.

2.32 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Musa Haji Sheikh Fadzir ada mencadangkan supaya ditubuhkan satu kementerian hal ehwal maritim memandangkan banyak jabatan atau agensi dari pelbagai kementerian yang terlibat dalam hal ehwal maritim.

Suka saya maklumkan, memang benar seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator iaitu pada ketika ini, hal ehwal maritim dikendalikan oleh pelbagai kementerian atau jabatan kerajaan. Sebagai contoh bagi hal ehwal diplomasi, dikendalikan oleh Kementerian Luar Negeri. Dari segi pengawalan dan pemuliharaan marin oleh Jabatan Alam Sekitar dan dari segi hal ehwal keselamatan pelayaran dan pelabuhan oleh Kementerian Pengangkutan dan sebagainya.

Dalam hal cadangan Yang Berhormat ini, memanglah kita mengalu-alukan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah ia memerlukan satu kajian dan penelitian yang lebih mendalam lagi memandangkan bukan sahaja aspek pentadbiran tetapi pelbagai aspek yang melibatkan undang-undang di tiap-tiap agensi kerajaan itu terpaksa diambil kira. Sebab itu kerajaan mestilah memikirkan dengan semasaknya dan apabila berpuas hati, maka perkara ini akan dipertimbangkan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain membangkitkan iaitu sejauh manakah persiapan dalam pengawalan dan penguatkuasaan zon maritim. Dan juga Yang Berhormat timbulkan iaitu supaya diadakan *helipad* di pulau-pulau tertentu untuk mengawal zon maritim Malaysia.

Sebagai makluman Dewan, pembentukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia adalah salah satu cara untuk menyelaras aspek penguatkuasaan perundangan maritim negara yang sebelum ini dilakukan secara sektoral sahaja. Dalam hal ini, dengan adanya rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini, agensi penguatkuasaan terbabit akan lebih jelas dalam melakukan pendakwaan dan penguatkuasaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, mengenai keperluan untuk kita mengadakan *helipad* di pulau-pulau tertentu, memang kerajaan sudah pun mengambil tindakan bagi beberapa pulau tertentu, pulau yang besar yang ada keperluan, kita telah pun membangunkan, mengadakan *helipad*. Umpamanya seperti di Pulau Perak iaitu di Selat Melaka, sudah pun perkara ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah ada menimbulkan, adakah garis pangkal yang telah ditentukan boleh berubah umpamanya kerana hakisan dan sebagainya. Pengisytiharan garis dan titik pangkal tidak akan menjejaskan sempadan

maritim yang sedia ada berdasarkan perjanjian yang telah dipersetujui dan ditandatangani secara bersama antara Malaysia dengan negara-negara jiran, umpamanya kita dengan Indonesia, Singapura, Filipina dan juga Brunei. Ini adalah berdasarkan kepada Konvensyen Vienna mengenai Undang-undang Treaty 1969. Iaitu Artikel 26 di mana setiap *treaty* adalah mengikat dan perlu dilaksanakan secara kita kata, *good faith* ataupun dengan keikhlasan.

Jadi mengikat kedua-dua negara yang menandatangani. Dalam hal ini kedudukan sesuatu titik pangkal mungkin akan berubah berdasarkan faktor perubahan geografi dan perubahan semula jadi bentuk muka bumi seperti terjadinya kejadian *tsunami* dan sebagainya.

Akhir sekali, Yang Berhormat Mumtaz binti Md Nawi dan juga Yang Berhormat Ahmad bin Husin ada menimbulkan. Bagi Yang Berhormat Mumtaz ada memberi pandangan supaya kesedaran kepada rakyat diberikan maklumat-maklumat ini terutama dari pengetahuan mengenai maritim Malaysia. Memang kita berhasrat kalau boleh semua rakyat di dalam negara ini samalah juga seperti undang-undang lain mengetahui undang-undang yang tersebut. Namun begitu kita yakin bahawa perkara ini adalah penting, maka kita berharap saranan supaya perkara ini dapat diatur, program-program yang diatur khususnya mengenai maritim ini di pusat-pusat pengajian tinggi. Dan kita harap bahawa perkara ini akan diambil perhatian oleh kementerian yang berkenaan. Di samping itu, sudah pasti kita juga berharap supaya NGO dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain akan terus memberi pendedahan kepada perkara ini kerana ini adalah satu perkara yang penting.

Yang Berhormat Senator Ahmad bin Husin ada menimbulkan tentang bahawa Selat Melaka sekarang sudah pun selamat dan ini akan membantu pembangunan ekonomi negara kita. Dan sebab itulah di antara salah satu sebabnya kita mengadakan rang undang-undang ini untuk meningkatkan lagi penguatkuasaan dan kawalan kita di Selat Melaka. Dan insya-Allah, daripada perkembangan yang berlaku akhir-akhir ini di mana kita dapati terdapatnya kekurangan lanun dan sebagainya di Selat Melaka. Maka Selat Melaka sudah menjadi selamat dan insya-Allah dari keselamatannya kita jamin untuk dilalui khususnya oleh kapal-kapal dagang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya dan perkara-perkara yang

Tuan Lee Sing Chooi: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya nak tanya berkenaan dengan soalan yang saya tanya semasa saya bahas dahulu. Dah berapa kawasan yang bertindih tuntutan sekarang ini? Berapa kawasan dan juga di manakah kawasan-kawasan ini di mana ada pertikaian sempadan dengan jiran? Dan berapa kes sudah dibawa ke Mahkamah Antarabangsa? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya cuba hendak ingatkan pertanyaannya ialah beberapa tempat yang ada pertindihan, dan keduanya, berapakah pertikaian? Mungkin jawapan kepada perenggan pertama itu sebahagian daripadanya mungkin rahsia negara. Sementara kalau berlakunya pertikaian di mana-mana, itu sudah pengetahuan umum. Tapi mungkin ada tempat-

tempat yang berlakunya pertindihan tapi belum timbul pertikaian yang mungkin merupakan rahsia negara. Saya cuma hendak mengingatkan Yang Berhormat menjawab soalan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat yang bertanya, pertama sekali ialah Batu Putih dan dua lagi kawasan yang di sekitarnya sekarang ini kita bawa kepada Mahkamah Antarabangsa. Dan ini masih belum dapat diselesaikan dan insya-Allah awal tahun hadapan saya rasa perkara ini akan dibincangkan dibicarakan di Mahkamah Antarabangsa.

Dan ada satu, dua kawasan lagi selalunya walaupun ada pertindihan tetapi kita akan berbincang secara dua hala di antara negara yang berkenaan dan insya-Allah dalam perbincangan kita itu, kalau kita tidak ada penyelesaian maka ia akan terus kita bincangkan dari satu masa ke satu masa agar lebih baik selesai secara diplomasi daripada kita selesaikan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna bukan tiap-tiap pertindihan itu merupakan pertikaian? Tidak semestinya tiap-tiap pertindihan ...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya Tuan Yang di-Pertua tetapi ada satu lagi aspek yang ingin saya nyatakan yang tidak, seperti kata Tuan Yang di-Pertua, kita tidak harus sebutkan di sini. Tetapi ini pada awalnya telah dipersetujui secara bersama tetapi oleh kerana cara atau kaedah kita membuat sukatan yang berdasarkan kepada garis kita kata tadi titik-titik di mana kita membuat kaedah hidrografi dan sebagainya, ini ada pertikaian sedikit. Tetapi ia akan selesai apabila kita wartakan semua kawasan yang telah kita sebut untuk pemetaan dalam negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan yang telah menyokong usul ini. Dan mana-mana yang saya tidak dapat jawab secara terperinci, insya-Allah saya akan balik bincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan, untuk mendapat maklumat yang lebih terperinci.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 9 -

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

2.44 ptg.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana membenarkan saya membahaskan dalam Jawatankuasa. Saya hendak tanya Fasal 3 di mana berkenaan dengan undang-undang yang dipakai.

Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan ataupun ketidakselarasan antara peruntukan akta ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, peruntukan akta ini hendaklah dipakai dan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang bercanggah dan tidak selaras itu hendaklah setakat pencegahan dan atau ketidakselarasan itu disifatkan, dihentikan.

Tuan Pengerusi, saya hendak tahu semasa rang undang-undang ini dikaji dan dibentuk apa kawalan kualiti *build* ini bahawa melainkan dua undang-undang iaitu Akta Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat dan juga Akta Zon Ekonomi Eksklusif, apakah akta-akta lain mungkin bercanggah atau tidak selaras? Adakah kajian dibuat dan berapa peratusan keyakinan tidak ada akta-akta lain yang terlibat dengan rang undang-undang ini.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Pengerusi, perkara 3 ini adalah untuk memastikan iaitu hendak menjelaskan kepada kita bahawa sekiranya ada perkara-perkara yang bercanggah, maka ia mestilah akta ini ataupun undang-undang inilah yang mengatasi undang-undang lain. Jadi sebab itu kita letakkan klausa ini untuk memastikan bahawa undang-undang ini adalah sah dan selamat dari segi pemakaian juga ataupun penguatkuasaannya kelak. Dan sebab itu kita

Tuan Pengerusi: Apa yang baik Yang Berhormat, selamat dari segi pemakaiannya?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya. Dan seterusnya selepas ini saya akan bantangkan dua lagi undang-undang yang mana untuk, yang inilah kita rasakan yang perlu, sangat perlu kita bantang di sini sebagai undang-undang yang akan terlibat secara langsung.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat.

Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN NO. 7
(KUASA² PERLU) DARURAT (PINDAAN) 2006**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.47 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon...

Tuan Yang di-Pertua: ...Yang Berhormat ditugaskan bentang rang undang-undang yang penting-penting belaka.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada 3 Mei 2006, memutuskan supaya Malaysia mengisytiharkan garis dan titik pangkal zon Maritim melalui Rang undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006, Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat 1969 yang turut menyentuh mengenai garis dan titik pangkal juga perlu dipinda sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat (Pindaan) 2006, dikemukakan pada persidangan Dewan yang mulia ini. Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat 1969 PU dalam kandungan (a) 307A/69. Huraian dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut:-

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong seksyen 5 PU dalam kandungan (a), 307/69 berbangkit daripada pembuatan Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006.

Untuk makluman Dewan, seksyen 5(1) berbunyi dengan seberapa segera yang boleh selepas ini atau kemudiannya kelak dari semasa ke semasa, sebagaimana didapatinya perlu Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengarahkan supaya disiarkan suatu peta skil besar menunjukkan tikas-tikas air surut, garis-garis asas, sempadan-sempadan luar dan kawasan-kawasan perairan wilayah Malaysia; seksyen 5(2) pula, satu salinan peta itu hendaklah disiarkan dalam warta untuk pemakluman umum.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 6, PU (a) 307/69 berbangkit daripada pembuatan Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Seksyen 6 berbunyi menurut apa-apa perjanjian yang dibuat antara Malaysia dengan satu negara lain yang berpantai Yang di-Pertuan Agong hendaklah dengan perintah mengubahsuaikan kawasan perairan Malaysia dan apa-apa pengubahsuaian yang dibuat itu hendaklah disiarkan dalam warta untuk pemakluman umum.

Fasal 4 bertujuan untuk memotong seksyen 7, PU (a) 307A/69 berbangkit daripada pembuatan Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Dan seksyen 7 berbunyi, dalam apa-apa percakapan di hadapan mana-mana mahkamah dalam Malaysia, jika soal timbul tentang sama ada sesuatu perbuatan atau ketinggalan telah berlaku di dalam atau di luar perairan wilayah Malaysia, maka satu perakuan menyatakan yang demikian berupa ditandatangani oleh atau bagi pihak Menteri yang bertanggungjawab atas hal ehwal luar negeri hendaklah diterima sebagai keterangan dan hendaklah menjadi bukti *prima facie*, mengenai kenyataan-kenyataan yang tersebut di dalamnya.

Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayaratnam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Ordinan No. 7, (Kuasa² Perlu) Darurat 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Tuan Lee Sing Chooi.

2.54 ptg.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih untuk membenarkan saya membahaskan satu akta untuk meminda Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat 1969.

Tuan Yang di-Pertua, Berkenaan dengan pindaan ini ada pindaan *consequences* kepada rang undang-undang yang telah diluluskan tadi iaitu Rang undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Berkenaan dengan pindaan ini yang diminta, saya hendak tahu berkenaan dengan kes Pulau Sipadan dan Ligitan di mana kita telah bawa ke mahkamah antarabangsa dan saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dengan persediaan dan dokumen-dokumen yang sediakan itu telah memenangi kes ini. Tahniah kepada kerajaan.

Saya hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, dengan kemenangan kes ini di mana Pulau Sipadan dan Ligitan itu adalah di bawah tanah air Malaysia. Dengan ini, pemetaan itu masih belum dibuat. Kita sudah menang tetapi kita tidak ada buat pemetaan dan bilakah kita hendak buat pemetaan itu? Bilakah itu boleh disiapkan? Saya hendak tahu apakah implikasi kelewatan itu dalam konteks Ordinan No. 7 (Kuasa² Perlu) Darurat?

Terima kasih. Dengan ini saya menyokong.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua mengenai Pulau Sipadan dan Ligitan ini, kita sebenarnya telah pun menyiapkan sukatanannya dan kaedah-kaedah yang kita pakai dan untuk makluman Dewan ini, apabila kita buat maknanya peta itu ialah untuk pemakaian kita. Jadi terpulang kepada orang lain sama ada hendak pertikai ataupun tidak, tetapi untuk makluman kita telah pun menyiapkan kawasan yang telah kita menangi di dalam mahkamah antarabangsa itu.

Kita pakai kaedah yang cukup baik, di mana kita pakai ketiga-tiga kaedah yang digunakan dalam menentukan kawasan milik kita. Jadi Insya-Allah selepas undang-undang ini esok apabila kita wartakan seperti mana yang dihasratkan oleh undang-undang yang saya bantah lebih awal, maka perkara ini juga akan turut bersama di dalam pemetaannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ZON EKONOMI EKSKLUSIF (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.01 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada 3 Mei 2006 memutuskan supaya Malaysia mengisytiharkan garis dan titik pangkal zon maritim melalui Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Garis dan titik pangkal ini turut disentuh dalam Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984. Justeru itu beberapa Seksyen akta ini juga perlu dipinda sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif (Pindaan) 2006 dikemukakan pada persidangan Dewan Yang Mulia ini. Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 (Akta 311). Huraian Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong subseksyen 3(3) Akta 311 yang berbangkit daripada pembuatan Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Seksyen 3(3) berbunyi "Yang di-Pertuan Agong boleh menyebabkan had-had zon ekonomi eksklusif disiarkan dalam peta atau carta dari semasa ke semasa.

Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

3.04 ptg.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih lagi satu kali untuk membenarkan saya berbahas.

Tuan Yang di-Pertua: Kadang-kadang saya terfikir bertuah betul kita. Tahun hadapan negara berusia 50 tahun. Proses memperundangkan sesuatu berjalan begini selamba. Kasihan kepada orang Iraq, hendak buat macam ini pun tidak boleh. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju di mana kita hidup dalam keadaan aman dan damai. Kita boleh berbahas di dalam Dewan tentang apa-apa yang penting untuk kemanfaatan rakyat dan juga negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga satu lagi pindaan yang *consequential* lagi kerana rang undang-undang yang diluluskan tadi dan juga dengan pindaan-pindaan yang dibuat itu berkenaan dengan Zon Ekonomi Eksklusif dengan pindaan yang walaupun sedikit ini, saya hendak tahu daripada kementerian dan juga kerajaan dengan pindaan ini apakah impaknya kepada Zon Ekonomi Eksklusif kita Malaysia.

Adakah ada impak yang positif yang mungkin kita dapat dengan pindaan berkenaan dengan Zon Ekonomi Eksklusif ini dan adakah impak yang lain yang agak negatif juga dapat kita kesan...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah terdapat dalam pengetahuan Yang Berhormat, ini saya yang ingin hendak tahu, konsep Zon Ekonomi Eksklusif ini apakah sejarahnya sehinggakan pada tahun 1984 kita telah memperundangkan suatu akta yang bernama Akta Zon Ekonomi Eksklusif untuk memberi makna kepada konsep Zon Ekonomi Eksklusif tersebut. Adakah terdapat dalam pengetahuan Yang Berhormat? Bagaimanakah sejarah dan perkembangan konsep ini sehingga akhirnya kita jadikan satu undang-undang khas untuk menyatakan atau memberi pengertian kepada konsep Zon Ekonomi Eksklusif ini.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Zon Ekonomi Eksklusif ini saya hendak beri peluang kepada kementerian untuk menjawab. Selepas adanya akta itu, apakah perkembangan yang telah dibuat dan dicapai selama ini dan apakah manfaat yang kita dapat dengan adanya akta semenjak tahun 1984. Juga dengan adanya pindaan ini apakah impaknya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi? Tidak ada Yang Berhormat

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Zon Ekonomi Eksklusif ini seperti mana kita semua maklum bahawa dalam lingkungan ZEE ini kita mempunyai hak untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi yang di bawah maknanya bila Zon Ekonomi Eksklusif ini di bawah kawalan kita.

Maknanya kita boleh menguatkuasakan undang-undang kita, peraturan kita seperti mana yang dipersetujui apa yang kita panggil kalau kita lihat Artikel 76(4) Konvensyen Undang-undang Laut 1982 yang memperuntukkan bahawa kita sebagai negara parti berhak mengemukakan tuntutan khususnya kalau kita katakan Zon Ekonomi Eksklusif ini 200 batu, kalau mengikut konvensyen ini kita boleh menjangkau sehingga 350 batu nautikal.

Ini menggambarkan kepada kita bahawa dalam lingkungan ZEE 200 batu nautikal ini kita mempunyai hak untuk menjalankan atau melaksanakan aktiviti ekonomi sama di dalam laut ataupun di dasar iaitu di pelantar benua untuk makluman Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minat saya adalah tertumpu kepada kedaulatan atau *sovereignty* yang sebelum diperkenalkan konsep Zon Ekonomi Eksklusif pengertian *sovereignty* ataupun kedaulatan negara adalah berlainan sedikit. Apabila dengan diperkenalkan ini maka negara-negara bersetuju mengubah sikap, *mind set*, tanggapan mengenai soal kedaulatan negara atau *sovereignty* ini. Ini minat bagaimana negara-negara boleh kira bicara melalui perundingan dan tidak semata-mata melalui peperangan menjadi sejarah manusia selama ini. Terima kasih.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.14 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang bernama Rang Undang-undang Untuk Meminda Akta Kastam (Pindaan) 2006. Rang Undang-undang ini adalah bertujuan

meminda Akta Kastam 1967 sebagai susulan kepada peruntukan langkah-langkah pelindung di dalam Akta Undang-undang Pelindung 2006.

Rang Undang-undang Pelindung 2006 yang sedang dibahaskan oleh Dewan Yang Mulia ini adalah merupakan langkah yang boleh diambil oleh Malaysia lanjutan daripada pendirian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) membenarkan ahli-ahlinya mengambil tindakan untuk menyekat kemasukan sesuatu produk import apabila berlaku peningkatan import secara mendadak.

Tindakan ini adalah sebagai langkah pelindung ataupun *save guard measure* yang boleh dilaksanakan apabila berlakunya kemudaratan atau ancaman kemudaratan yang serius kepada industri tempatan sesebuah negara akibat dari peningkatan import yang mendadak.

Perundangan pelindung melibatkan kutipan hasil duti pelindung. Oleh yang demikian pindaan ke atas Akta Kastam 1967 perlu dibuat bagi menguatkuasakan kutipan duti pelindung. Definisi duti di dalam seksyen 2, Akta Kastam 1967 akan dipinda supaya duti pelindung diambil kira sebagai salah satu duti yang boleh dikutip oleh Jabatan Kastam Diraja bagi pihak kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang Undang-undang ini mempunyai tiga fasal seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminta subseksyen 2(1) Akta 235 untuk memasukkan duti pelindung di dalam takrif duti kastam dan

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 122(C) Akta 235 supaya apabila perlu untuk membuktikan amaun duti pelindung pengeluaran sesuatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah menyatakan amaun duti pelindung adalah mencukupi bagi mahkamah untuk membuat penghakiman bagi amaun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarantnam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi

Tanpa adanya kerjasama yang erat antara dua pihak iaitu antara Kementerian Kewangan dan MITI, maka sudah tentulah Kastam tidak dapat menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan terutamanya dalam soal untuk mengutip cukai ini. Sebab itulah kita berharap bahawa dalam persoalan ini, kerjasama antara dua pihak ini juga perlu diberikan perhatian.

Soalnya ialah kalau dua itu sahaja dibenarkan iaitu untuk mengenakan cukai dan mengurangkan kuota masuk, apakah akta ini tidak membenarkan sebenarnya iaitu menghalang kemasukan barang-barang tersebut - di halang terus.

Satu lagi persoalan yang timbul di sini ialah bagaimana jika berlakunya penyeludupan? Apakah yang boleh dilakukan bagi barang-barang yang sudah ditentukan oleh MITI, yang perlu dikurangkan peningkatan kemasukannya ini untuk menjaga industri tempatan kita ini jika dibawa masuk secara menyeludup terutamanya daripada Thailand dan juga Singapura? Kita tahu bahawa banyak barang daripada Thailand ini, barang-barang yang kadang-kadang kita lihat adalah barang-barang tiruan yang dibawa masuk secara mudah. Bagaimana kita hendak memantau perkara ini daripada berlaku jika sekiranya berlaku rampasan terhadap barang-barang yang sudah ditentukan oleh MITI ini supaya dikurangkan kuota kemasukannya? Kalau berlaku penyeludupan dan berjaya dirampas oleh Kastam, saya ingin tahu apa yang dibuat terhadap barang-barang ini? Apakah ia akan dilelong ataupun dimusnahkan? Kalau ia dilelong, dijualkan kepada siapa? Adakah dijual kepada pegawai Kastam sahaja?

Dalam soal ini saya fikir, dalam melaksanakan akta ini, maka Kastam seperti mana yang kita tahu bahawa akhir-akhir ini imej Kastam dilihat adalah tidak begitu baik sebenarnya. Walau bagaimanapun kita tetap mengucapkan setinggi tahniah kepada Kastam kerana berjaya mengutip cukai yang banyak, berlaku pertambahan terhadap jumlah cukai yang dikutip. Cuma bila berlaku sedikit daripada isu yang membabitkan imej kepada Kastam. Maka saya fikir dalam melaksanakan untuk menguatkuasakan akta ini apabila ia diluluskan nanti, maka sudah tentulah Kastam memerlukan pegawai-pegawai yang lebih cekap dan alat-alat yang lebih canggih sebenarnya.

Sebab ini persoalan yang cukup penting iaitu bagaimana kita hendak mengurangkan kemasukan barang-barang import yang boleh berlambak di tempat kita dengan dua cara tadi iaitu kita mengenakan cukai dan mengurangkan kuota tetapi yang berbangkit juga ialah soal penyeludupan dan bagaimana penyeludupan ini dapat diatasi nanti.

Satu lagi ialah soal mengutip cukai ini juga memerlukan pegawai-pegawai Kastam yang cekap. Jadi apakah dengan akta ini nanti maksudnya kita diberikan satu kuasa lagi tetapi tidak dapat melaksanakannya dan akhirnya hujah yang kita dengar ialah tidak cukup pegawai, pegawai tidak terlatih dan sebagainya. Maka ini saya harap perlu diberikan perhatian.

Saya juga ingin tahu, setakat ini pengalaman yang berlaku, apakah sebenarnya barang-barang yang dikatakan sebagai barang import ini yang jumlah kemasukannya meningkat dengan secara mendadak ini. Saya ingin tahu apakah jenis barang yang dikatakan sebagai barang yang masuk secara banyak ini, yang meningkat kemasukannya ke dalam negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itu sahaja yang ingin saya tanya tentang duti pelindung ini. Dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat bolehlah jawab dan gulung.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zakarshi di atas perbahasan tadi. Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa perkara yang

telah pun saya catat sendiri berkenaan dengan cara menguatkuasakan undang-undang pelindung dan mengutip cukai pelindung ini.

Ia ada prosedurnya, Tuan Yang di-Pertua iaitu pihak syarikat yang terlibat, maknanya, katakan dia seorang pengeluar satu barang, kemudian didapati ada barang yang sama ataupun diimport dalam jumlah yang banyak yang boleh memberi kesan kepada perniagaan ataupun *production* beliau ataupun pihak kerajaan sendiri kalau didapati ada kes-kes sesuatu barang yang terlalu banyak masuk yang boleh memberi kesan yang buruk kepada industri tempatan, maka boleh buat laporan kepada MITI. Kemudian MITI bersama dengan Kastam akan membuat siasatan dan kalau didapati memang benar-benar meningkat secara mendadak ataupun mengancam industri tempatan, maka ada kes dan pihak MITI dan juga pihak Kastam boleh membuat perakuan atau *recommendation*, kepada Menteri Kewangan dan menteri boleh mengeluarkan arahan sama ada untuk mengenakan duti pelindungan maknanya duti tambahan. Duti yang asal memang ada dan ditambahkan lagi duti pelindung. Amaunnya akan ditetapkan oleh menteri sendiri ataupun menteri boleh bagi arahan supaya menetapkan kuota yang diimport ataupun kedua-duanya sekali. Maknanya duti pelindung boleh dikenakan ataupun ditetapkan kuota, ataupun kedua-duanya sekali.

Duti yang dikenakan ke atas barang yang diimport itu berbeza sedikit dengan *Anti Dumping Law*, Tuan Yang di-Pertua. *Anti Dumping Law* dikenakan kepada syarikat. *Anti Dumping Law* maksudnya adalah duti yang dikenakan ke atas barang yang dijual mahal di negeri asalnya tetapi di jual murah di negeri yang dieksport. Contohnya, di negeri China barang itu mahal tetapi bila dieksport ke Malaysia ia murah, itu di bawah kategori *Anti Dumping Law*. Ia dikenakan ke atas barang yang spesifik dan syarikat yang spesifik tetapi duti pelindung ia menyeluruh kesemuanya sekali. Prosedurnya begitu.

Jadi, untuk melaksanakan duti ini iaitu untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini, maka perlulah ada kerjasama antara MITI dengan Kastam dan pihak Kastam sebenarnya telah pun menambahkan lagi pegawai-pegawai mereka. Kalau mengikut perjawatan yang ada di Kastam lebih kurang 11,500 perjawatan tetapi yang kosong hampir 2,000 dan pada tahun ini telah pun diisi sebanyak 600. Maknanya akan ditambahkan lagi untuk mengisi jawatan yang kosong. Maka bila ada anggotanya pihak Kastam akan menjadi lebih efisien lagi.

Tuan Yang di-Pertua, tentang barang rampasan. Biasanya apabila berlaku rampasan barang Kastam akan melelong secara terbuka dan akan dibuat sama ada di peringkat pusat ataupun negeri. Seperti biasa notis akan dikeluarkan. Ini amalan yang dijalankan dan tidaklah timbul masalah melelong kepada pegawai Kastam sahaja. Ia memang dibuat secara terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyeludupan ini adalah urusan yang berterusan oleh pihak Kastam. Pihak Kastam meneruskan usaha-usaha mereka dengan menambahkan lagi ahli anggota dan juga peralatan. Saya rasa itu sahaja yang hendak saya jawab.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.29 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah ditubuhkan di bawah Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966, Akta 352 dan mula beroperasi pada tahun 1966. Pada peringkat awal penubuhannya fungsi dan tugas LPPKN lebih tertumpu pada aktiviti dan pelaksanaan program perancangan keluarga di negara ini.

Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 pada asalnya dikenali sebagai Akta Perancang Keluarga 1966 telah melalui beberapa proses pindaan dan semakan sejak penyertaannya pada tahun 1966. Pindaan pertama dibuat pada tahun 1976 dan menyaksikan beberapa pindaan kecil bersangkutan dengan istilah-istilah tertentu. Ini disusuli dengan pindaan kedua iaitu pada tahun 1984 yang telah membawa kepada pertukaran nama Akta daripada Akta Perancang Keluarga kepada Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga. Selaras dengan pindaan tersebut, nama lembaga yang dahulunya dikenali sebagai Lembaga Perancang Keluarga Negara telah ditukar kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Pada tahun 1988, semakan telah dibuat ke atas Akta ini bertujuan untuk penyeragaman, penyesuaian, penjelasan dan meringkaskan mana-mana peruntukkan dan mengemas kini istilah yang digunakan dalam Akta 352.

Tuan Yang di-Pertua, peranan dan tanggungjawab LPPKN untuk mewujudkan keluarga yang kukuh ke arah melahirkan masyarakat penyayang, penduduk berkualiti dan bangsa Malaysia yang progresif cukup mencabar dan memerlukan komitmen yang jitu daripada semua pihak. LPPKN melalui pelbagai inisiatif sentiasa berusaha untuk mencapai hasrat tersebut dengan memperkenalkan kaedah dan pendekatan yang relevan dan efektif dari semasa ke semasa. Pada 13 Jun 2001, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan hala tuju dan pendekatan baru LPPKN selaku agensi utama dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia.

Bagi mencapai matlamat tersebut, LPPKN turut memberi fokus kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta latihan dalam ketiga-tiga bidang teras tersebut. Selaras dengan hala tuju, pendekatan, peranan dan tanggungjawab baru LPPKN, maka Akta LPPKN perlu dipinda. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan fungsi, kuasa dan tugas LPPKN yang sedia ada diperjelas dan diperkukuhkan. Di samping itu, beberapa peruntukan baru perlu dimasukkan supaya ianya mencakupi skop dan menepati tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada LPPKN untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, antara pindaan yang dicadangkan ialah dalam Fasal 2 iaitu bertujuan untuk meminda seksyen 2 - Akta 352 untuk memansuhkan, dengan izin, tarf *Board, Chairman, Deputy Chairman* dan *Fund*.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 352 untuk menyatakan dengan khusus bahawa Lembaga boleh berkenaan dengan harta alih dan harta tidak alih dan kepentingan dalam harta alih dan tak alih bagi tiap-tiap perihal memperoleh, membeli dan mengambil harta dan kepentingan bagi maksud awam atau sosial dan memegang, menikmati, memindahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai janji, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahmilikkan atau selainnya melupuskan atau membuat urusan dengan, harta atau kepentingan itu yang terletak hak pada Lembaga. Fasal ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 3(2) Akta 352 dengan memasukkan perkataan "*first*" sebelum perkataan "*schedule*" dalam subseksyen tersebut.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 3A, 3B dan 3C ke dalam Akta 352 untuk mengadakan peruntukan yang lebih spesifik tentang fungsi dan kuasa Lembaga.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 4 - Akta 352 iaitu untuk memasukkan Timbalan Pengerusi dan Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi penduduk dan pembangunan keluarga atau wakilnya sebagai anggota Lembaga dan untuk memperuntukkan mengenai pelantikan oleh Menteri. Tidak lebih daripada sembilan orang anggota daripada kalangan

anggota awam dan organisasi bukan kerajaan yang mempunyai kepakaran dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A, 4B, 4C, 4D, 4E, 4F dan 4G ke dalam Akta 352. Seksyen baru 4A bertujuan untuk memperuntukkan mengenai tempoh jawatan anggota lembaga yang dilantik di bawah perenggan 4(a) dan 4(e). Seksyen 4B yang dicadangkan bertujuan antara lain untuk memberi Menteri kuasa berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 4(d) dan (e). Untuk melantik seorang anggota silih ganti untuk menghadiri sebagai ganti anggota itu, Mesyuarat Lembaga yang anggota itu, atas apa-apa sebab tidak dapat menghadirinya.

Seksyen 4C yang dicadangkan memperuntukkan mengenai keanggotaan Jawatankuasa Eksekutif Lembaga. Seksyen 4D yang dicadangkan memperuntukkan mengenai perjalanan sementara fungsi Pengerusi oleh Timbalan Pengerusi jika Pengerusi atas apa-apa sebab tidak dapat melaksanakan fungsi Pengerusi atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi. Seksyen 4E yang dicadangkan memberi Menteri kuasa untuk membatalkan pelantikan mana-mana anggota pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa sebab dan juga memperuntukkan bahawa seseorang anggota Lembaga boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri.

Seksyen 4F yang dicadangkan menyenaraikan keadaan di mana jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong. Seksyen 4G yang dicadangkan bertujuan untuk memberi perlindungan kepada mana-mana anggota Lembaga daripada menanggung liabiliti sendiri bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang disebabkan oleh sesuatu perbuatan dalam mentadbirkan hal ehwal Lembaga, melainkan jika kehilangan atau kerugian itu disebabkan oleh suatu perbuatan salah yang diniatkan olehnya.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 6 - Akta 352 untuk memberikan kuasa kepada Lembaga untuk mewakili mana-mana kuasanya di bawah perenggan 3B(2)(a), (c) dan (d) dan perenggan 7A(1)(b), Akta 352 kepada Jawatankuasa Eksekutif Lembaga. Ia juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Lembaga boleh mewakili kepada Ketua Pengarah kuasa untuk memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan perkhidmatan Lembaga dan kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada kumpulan wang atau mana-mana wang lain yang terletak hak pada atau di bawah kawalan Lembaga sehingga apa-apa hak yang dinyatakan oleh Lembaga.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 7 - Akta 352 untuk memberikan Menteri kuasa untuk melantik seorang yang layak dan sesuai dengan pengalaman dan kepakaran yang berkaitan sebagai Ketua Pengarah Lembaga atas terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri. Ia juga menyatakan kewajipan Ketua Pengarah iaitu untuk melaksanakan dasar kerajaan yang berkaitan dengan penduduk, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia, dan apa-apa

dasar lain yang difikirkan sesuai oleh Lembaga. Ia juga bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Lembaga untuk mengarahkan Timbalan Ketua Pengarah untuk melaksanakan kewajipan Ketua Pengarah, jika Ketua Pengarah tidak ada di Malaysia buat sementara waktu atau tidak berupaya buat sementara waktu oleh sebab sakit atau atas apa-apa sebab lain untuk melaksanakan kewajibannya atau jika jawatan Ketua Pengarah kosong buat sementara waktu itu.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 7A ke dalam Akta 352 untuk memberikan kuasa kepada Lembaga dengan kelulusan Menteri untuk melantik apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah, pegawai dan perkhidmatan Lembaga. Ia juga bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Lembaga, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan perkhidmatannya.

Pindaan kepada seksyen 8 Akta 352 sebagaimana yang dicadangkan dalam Fasal 13 adalah untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan satu kumpulan wang dan untuk menyenaraikan kandungan Kumpulan Wang tersebut.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 8A ke dalam Akta 352 untuk menetapkan perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang.

Fasal 15, bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 9A, 9B dan 9C ke dalam Akta 352 untuk memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] adalah terpakai bagi Lembaga dan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta 352. Ia juga bertujuan untuk membawa peruntukan tentang anggaran tahunan dan laporan tahunan ke Bahagian III, Akta 352.

Fasal 16 bertujuan untuk menggantikan Bahagian IV Akta 352 dengan peruntukan yang memperkatakan tentang kuasa dan fungsi lain Lembaga seperti kuasa untuk meminjam, kuasa untuk melabur, kuasa untuk memberi bantuan daripada peruntukan Parlimen bagi maksud yang berhubungan dengan fungsi Lembaga dan juga kuasa untuk mengambil kerja dan membayar ejen dan sebagainya.

Fasal 17 bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru V ke dalam Akta 352. Antara lain, ia bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peraturan-peraturan yang Menteri diberi kuasa untuk membuat di bawah Akta 352. Ia juga memperuntukkan pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] bagi apa-apa tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota pegawai perkhidmatan atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu. Seksyen 18 yang dicadangkan memberi Menteri kuasa untuk meminda, menambah, atau menggubal jadual kepada Akta 352 melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan Jadual baru Kedua ke dalam Akta 352 yang memperkatakan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta 352.

Fasal 20 bertujuan untuk memastikan penerusan pelantikan anggota Lembaga dan Ketua Pengarah yang sedia ada dan penerusan perkhidmatan pegawai dan perkhidmatan Lembaga dari tarikh akta yang dicadangkan ini mula berkuat kuasa.

Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam sesi pembentangan ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan serta tambahan peruntukan baru seperti yang dicadangkan bertujuan memberi lebih kuasa, fungsi dan tugas kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam menentu dan melaksanakan dasar yang berkaitan dengan bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia. Pindaan yang dibuat juga akan membolehkan LPPKN menjalankan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih cekap, telus dan sistematik serta dapat meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian, perkhidmatan kepada kumpulan sasar.

Rang Undang-undang ini juga akan menjadikan LPPKN sebuah organisasi yang lebih mantap dengan peranan yang lebih luas serta mampu memenuhi kehendak semasa kerajaan kita dan wawasan negara untuk mewujudkan masyarakat berbudaya, penyayang dan berperibadi mulia.

Selain daripada itu, ia juga akan dapat mengukuhkan lagi usaha LPPKN dalam melahirkan penduduk Malaysia yang berkualiti. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar pembentangan Rang Undang-undang ini, di Dewan yang mulai pada hari ini akan dapat merealisasikan aspirasi LPPKN untuk menjadi agensi utama dalam pengukuhan institusi keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang menyokong. Mungkin ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lebih muda daripada rang undang-undang ini, tahun 1966. Yang Berhormat lebih muda daripada rang undang-undang ini?...

Tuan Tay Puay Chuan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sebentar Yang Berhormat. Jadi, akta ini berusia 40 tahun genap dan dalam masa 40 tahun, wawasan kita bersama wawasan negara telah berubah sebegitu rupa sehingga diperlukan pindaan yang berhadapan dengan kita ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Silakan Yang Berhormat bagi Tuan Tay Puay Chuan.

3.46 ptg.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas saya ucapkan kerana membentangkan rang undang-undang ini kerana dengan tertubuhnya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat belum menjawab lagi. Yang Berhormat lebih muda daripada...

Tuan Tay Puay Chuan: Tidak. Saya berumur 43 tahun. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna apabila akta ini diperkenalkan, Yang Berhormat baru tiga tahun umurnya?

Tuan Tay Puay Chuan: Benar Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih. Syabas kerana pembentangan rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Dengan tertubuhnya Lembaga Pengarah bererti tugas-tugas menteri dapat diringankan dan dipikul bersama oleh Lembaga. Cuma saya ingin sentuh tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah maksud Dewan mempertimbangkan rang undang-undang ini untuk meringankan tugas menteri?

Tuan Tay Puay Chuan: Tidak sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Tay Puay Chuan: Saya ingin sentuh satu seksyen iaitu berkenaan seksyen 4E (1) mengenai *revocation and resignation* dengan izin, di mana kalau kita memerhatikan bahawa 4E (1) memberikan menteri kuasa mutlak untuk memberhentikan atau menamatkan pelantikan seseorang Ahli Lembaga tanpa memberi apa-apa sebab. Saya rasa ini adalah satu kuasa yang terlalu besar yang diberikan kepada menteri menyebabkan ataupun timbul satu kekhawatiran kemungkinan seseorang Ahli Lembaga tidak dapat menjalankan fungsinya ataupun tugasnya dengan *independent*, dengan izin.

Dengan tidak atau tanpa bimbang bahawa pelantikannya akan ditamatkan semasa beliau menjalankan tanggungjawabnya. Ini kerana menteri boleh memberhentikan atau menamatkan pelantikannya bila-bila masa dengan tidak memberi sebarang sebab. Oleh itu, saya merayu agar menteri semasa menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini hendaklah berlaku adil dan dengan cara profesional kelak. Saya juga ingin menyentuh tentang seksyen 4F(1)(f) iaitu *vacation of office*.

Dengan izin, *the office of a member of the Board shall be vacated, (f) - if his resignation is accepted by the minister*. Dengan adanya subseksyen ini, memberi satu gambaran kepada kita seolah-olah peletakan jawatan seseorang Ahli Lembaga adalah tertakluk kepada keizinan menteri. Sebab kalau kita perhatikan seksyen 4E(2), dengan izin, *a member may at anytime resign his office by a written notice addressed to the minister*. Jadi, dengan adanya subseksyen ini dengan subseksyen F yang saya sebut tadi, seolah-olah ada berlaku percanggahan ataupun *inconsistency* dengan izin.

Jadi, saya rasa mungkin subseksyen 4F ini adalah *redundant* dengan izin ataupun tidak perlu dimasukkan sama sekali. Saya pohon penjelasan.

Dengan itu saya pohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Yang Berhormat ingin dapat diyakinkan tidak ada timbul kelemahan dalam *drafting* ya? Dalam *drafting* rang undang-undang ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan atau untuk meminda Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966. Saya cuma ingin membangkitkan soal pelantikan Ahli-ahli Lembaga kepada LPPKN ini. Iaitu bagaimanakah pelantikan ini dibuat sebenarnya, iaitu panel yang melantik mereka ini siapa? Sebab kita tahu isu pembangunan keluarga ini adalah isu yang penting dengan melihat pelbagai masalah yang berbangkit sekarang ini dalam soal pembangunan keluarga.

Jadi sudah tentulah orang yang duduk di dalam Lembaga ini mestilah orang-orang yang ada kredibiliti, yang punya latar belakang yang dihormati, yang mantap. Jangan pula nanti dia pun jenis Pat Pong juga. Akhirnya sebab itu kita lihat kadang-kadang modul yang digunakan oleh Lembaga ini dalam soal pembangunan keluarga tidak mendatangkan kesan dalam usaha kita untuk mewujudkan satu masyarakat yang harmoni dan yang kukuh pembangunan keluarganya.

Kita tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam melaksanakan RMK-9 ini, terutamanya ialah soal pembangunan manusia. Maka sudah tentulah peranan yang perlu dimainkan oleh LPPKN ini adalah cukup besar sebenarnya. Sebab itu kenapa saya mengatakan bahawa soal melantik mereka yang duduk di dalam Lembaga ini mestilah orang-orang yang mesti ada kredibiliti, yang terpilih, yang mempunyai latar belakang yang baik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tertarik kerana Yang Berhormat sebut Pat Pong tadi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Pat Pong. Kebetulan apabila akta ini mula diperkenalkan, pemikiran dan takutnya dunia kepada soal *over population*. Sebab itu undang-undang ini ialah di antara lain untuk menghadkan jumlah anak. Pada ketika yang sama, disebut sebagai perancangan keluarga. Negara China perkenalkan dasar *One-Child Policy* yang cukup ketat pada ketika itu dan di Thailand, sebab soal perancang keluarga, timbul seorang hero *family planning* ketika itu namanya Mechai yang mengedarkan kondom di Pat Pong supaya masyarakat tidak ada prejudis dalam penggunaan kondom dalam soal merancang keluarga.

Sama seperti diperbuat sekarang tetapi dalam soal-soal memerangi AIDS. Jadi sebab itulah yang saya tertarik. Tapi Yang Berhormat telah sebutkan mereka yang layak. Dulu memang mereka yang pakar dalam soal-soal perancangan keluarga. Tapi hari ini wawasan kita telah berubah dan penekanan akta berkenaan pun sudah berubah serta pakar-pakar yang diperlukan bukan sahaja

pakar-pakar dalam soal perancangan keluarga, tetapi pakar-pakar dalam soal pembangunan masyarakat. Jadi bila Yang Berhormat sebutkan bukan ala Pat Pong itu, saya pun tergamam juga apa yang dimaksudkan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, ialah dua kali limalah maksudnya. Serupa kita suruh lanun menjadi imam ataupun imam itu sebenarnya adalah lanun.

Jadi, sebab itulah saya kata bahawa jika sekiranya mereka yang menjadi Ahli Lembaga Pengarah ini adalah orang yang dua kali lima, maka dia tidak menyelesaikan masalah Tuan Yang di-Pertua. Betul bahawa dulu LPPKN ini keutamaannya dalam soal merancang keluarga. Tetapi dalam perkembangan ekonomi negara kita dan pembangunan negara, sekarang ini sebenarnya kita perlukan jumlah penduduk yang lebih ramai sebab ini sebenarnya baik dari segi barang-barang kita yang kita pasarkan di dalaman.

Maka kita mempunyai pengguna dan pembeli yang lebih ramai daripada *local* sebenarnya dengan izin, berbanding kita bergantung di luar. Sebab itulah saya dahulu memang bersetuju dengan pandangan bekas Perdana Menteri kita yang mengatakan bahawa matlamat negara ialah untuk memiliki jumlah penduduk yang sampai 70 juta. Sekarang pun baru dalam 25-26 juta, masih jauh sebenarnya. Sebab itulah kita sekarang ini hendak jual kereta kita pun susah sebab pembeli tak ramai. Jadi kalau ada 70 juta, nanti mungkin menyelesaikan banyak masalah. Jadi sebab itu, tetapi bila soal merancang keluarga ini, maka timbul persoalan pembangunan keluarga.

Sebab itulah bila kerajaan mengubah namanya kepada LPPKN iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, maka ini menunjukkan bahawa kerajaan menyedari betapa pentingnya sebenarnya aspek pembangunan keluarga ini dengan melihat perkembangan semasa. Sebab jika sekiranya pembangunan negara ini tidak seimbang dengan pembangunan keluarga, maka ia akan mendatangkan kesan yang negatif yang akhirnya meruntuhkan pembangunan negara itu sendiri.

Sebab itu kita sedih bila mendengar cerita-cerita bahawa ada ibu bapa yang berhutang banyak kerana dikejar *Ah Long*, maka dia sanggup suruh anak dia minum air sabun dan sebagainya. Ini amat menyedihkan kerana barangkali dia tidak tahu ruang ataupun tempat bagi dia untuk menerima kaunseling, pendidikan ataupun tunjuk ajar untuk memberikan dia motivasi bagaimana hendak menyelesaikan masalah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana kita boleh kaitkan soal pembangunan keluarga dengan hakikat wanita semakin tangguh pernikahan sekarang?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: ...*[Ketawa]* Minta izin Tuan Yang di-Pertua. Saya kurang mendengar tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Kita baca di sana sini bahawa statistik membuktikan golongan wanita Malaysia semakin tangguhkan pernikahan mereka dan ini fenomena yang nyata di hadapan kita. Bagaimana pula aspek pembangunan keluarga yang kita maksudkan dalam konteks tersebut.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Ini memang satu masalah yang besar iaitu wanita profesional khususnya yang lambat kahwin. Saya tidak fikir kerana masalah untuk mencari jodoh, tetapi lebih kepada masalah kerana barangkali ialah mereka ini lebih mementingkan profesion mereka. Terutama sekarang ini, sistem pendidikan kita yang begitu panjang terutama mereka yang melanjutkan pelajarannya hingga peringkat Ph.D dan sebagainya. Jadi apabila mereka pergi ke Ph.D, *Master* dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua, mengambil masa yang panjang, maka sudah tentulah mereka ini lebih mementingkan pendidikan untuk karier masa depan, maka terlupa dalam bab-bab perkahwinan....

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin mereka tangguh sebab mereka nak sara hidup ibu-bapa supaya hidup ibu-bapa lebih sempurna daripada bela suami.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Itu salah satu daripada puncanya, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya fikir berdasarkan kepada satu kajian yang dibuat oleh seorang pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia, dia mengatakan bahawa faktor utama ialah kerana faktor panjangnya proses pendidikan untuk tujuan menyara keluarga dan sebagainya. Tetapi ialah apabila faktor pendidikan itu terlalu panjang, maka akhirnya dia melupakan soal masa dia untuk bersosial dan sebagainya. Apatah lagi sekarang ini orang-orang yang sanggup beristeri dua, tiga dan empat ini, dia barangkali suka memilih yang muda-muda. Dia tak suka pilih yang dah berumur ini.

Jadi bila yang dah berumur ini pula menjadi payah dan hendak mencari pula orang yang berkelulusan tinggi untuk berkahwin dengan lelaki yang berpendidikan rendah juga amat sukar Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah barangkali ini satu masalah dan saya yakin bahawa ini juga perlu menjadi perhatian kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini supaya melihat perkara ini dengan lebih serius sebab ini sebenarnya merugikan negara. Merugikan negara dari segi baka yang baik, apabila wanita profesional tidak berkahwin, maka kita kehilangan baka yang baik ini. Apabila wanita profesional tidak berkahwin maka kita kehilangan baka yang baik ini. Jadi sebab itulah bagi lelaki juga yang sanggup

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: ... Beristeri ramai ini, beristeri empat bagi orang Islam, kena lihat juga perkara ini. Sebab Tuan Yang di-Pertua, saya ini keturunan Banjar. Banjar ini dia ada pepatah dia, '*Kahwin satu biasa, kahwin dua belajar, kahwin tiga kurang ajar, kahwin empat betul-betul Banjar*'. Jadi saya ini belum betul-betul Banjar lagilah sebab satu, dua pun tidak berani lagi. Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin meminta pendapat daripada Yang Berhormat, adakah wanita profesional ini tidak bernikah kerana dia rasa dengan cara bernikah itu membebankan kehidupannya lagi kerana banyak sangat kaum lelaki menjadi penipu hari ini. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Dalam kajian itu juga menyebut Tuan Yang di-Pertua bahawa ada wanita yang beranggapan sedemikian sebab dia takut bersuami yang akhirnya suami itu tidak dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan jujur sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Pembangunan keluarga ini dalam konteks monogami dan poligami bagaimana?

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya bangkitkan mengenai dengan pindaan ini ialah selain daripada soal maksudnya kita mesti memastikan mereka yang duduk dalam lembaga ini adalah orang yang benar-benar layak, maka saya yakin bahawa kerajaan juga perlu memberikan peruntukan yang lebih besar sebenarnya sebab ini soal yang cukup penting kepada negara kita kerana kita melihat soal krisis rumah tangga, krisis anak-anak kita yang kurang mendapat perhatian dan sebagainya semakin menjadi-menjadi akhir-akhir ini.

Maka barangkali sebab itulah kementerian perlu mendapatkan peruntukan yang lebih besar supaya modul-modul baik dari segi modul latihan, baik dari segi pusat-pusat perlindungan, pusat-pusat untuk memberikan kaunseling dan sebagainya ini adalah menyeluruh dan wujud di negara kita secara merata untuk digunakan oleh mereka yang berhadapan dengan masalah ini. Saya tertarik di Johor sebagai contohnya, sudah diwujudkan apa yang disebutkan Yayasan Pembangunan Keluarga dan Yayasan ini cukup aktif di dalam menyediakan modul-modul satu daripadanya yang dipanggil sebagai Modul Keluarga Sakinah.

Boleh dikatakan modul ini dikembangkan kepada kakitangan kerajaan melalui jabatan-jabatan, melalui kursus-kursus dan dikembangkan juga melalui surau dan masjid dan juga pemimpin-pemimpin komuniti supaya mereka ini pertama, memahami modul ini dan kemudian turun melaksanakannya. Sebab itulah kita lihat di negeri Johor sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, dilantik pegawai-pegawai pengembang Keluarga Sakinah yang dibayar gaji mereka oleh kerajaan negeri dan mereka ini mendapat latihan, memahami modul ini dan kemudian mereka turun mengembangkannya dan memanjangkannya kepada orang ramai melalui ketua kampung, penghulu dan sebagainya.

Ada setengah daripada mereka yang menggunakan modul mereka ini sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, modul ini antara contohnya apabila seorang anak itu cukup umur akil balighnya maka akan dibuat satu majlis penyerahan yang mana si bapa membuat satu majlis iaitu menyerahkan kepada anaknya bahawa sekarang ini anaknya itu mempunyai tugas bahawa dia sudah akil baligh dan dia mesti tahu bagaimana mengurus dirinya. Ini memberikan kesedaran kepada anak itu dan dalam majlis itu diberikan motivasi dan juga ceramah, penerangan tugas anak yang baru akil baligh ini.

Maka ini sebenarnya antara contoh-contoh yang membuktikan bahawa pembangunan keluarga ini bertujuan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan yang baik antara bapa dan anak yang kita lihat sekarang ini kadang-kadang hubungan itu sudah terputus ataupun tidak begitu mesra. Kadang-kadang ayah balik ke rumah dia tidak mesra dengan anaknya. Maka dengan ini kadang-kadang kita melihat ada anak-anak yang merasa tertekan, menjadi konflik kepada dirinya dan akhirnya mereka keluar meninggalkan rumah kerana suasana rumah yang tidak begitu harmoni kepada mereka.

Sebab itulah saya berharap bahawa LPPKN ini akan menjadi satu badan yang cukup berkesan sebenarnya dalam soal mengatasi masalah yang dihadapi oleh keluarga ini. Saya ambil contoh, baru-baru ini kita amat tersentuh apabila melihat ada orang yang sanggup buang anaknya daripada tingkap. Dia tahu dia melakukan kesalahan tetapi anak yang baru dilahirkan itu yang tidak berdosa itu dibuang daripada tingkap rumah pangsa yang begitu tinggi. Maka ini menunjukkan bahawa kita berhadapan dengan masalah yang cukup serius dan ini mengingatkan saya Tuan Yang di-Pertua ketika berada di luar negara dulu bila berlaku kes seperti ini iaitu anak di luar nikah ini.

Apabila berlaku perkara seperti ini maka pelajar ini yang sebenarnya pelajar tajaan kerajaan, mendapat biasiswa kerajaan tetapi kerana barangkali tidak mampu menghadapi perubahan, kejutan budaya bila berada di negara orang, maka anak di luar nikah ini dia ingatkan mati dan sebagainya dibungkus masukkan di dalam tong sampah dan akhirnya besok pagi, *garbage men* dengan izin atau pemungut sampah apabila dia mengambil sampah itu dia terdengar bunyi suara bayi yang menangis. Rupanya anak itu masih hidup tetapi kerana kesejukan barangkali dalam perjalanan anak itu mati. Maka sebab itulah dua pelajar ini dikenakan hukuman *first degree murder*, dengan izin.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya ceritakan di sini ialah apabila kes ini sampai ke mahkamah, maka peguam yang membela pelajar ini di dalam berhujah untuk membebaskan pelajar ini dia berkata bahawa ini adalah budaya orang Malaysia, kalau dia dapat anak luar nikah dia rasa malu dan sebagainya maka dibuanglah anak itu di tepi longkang, di tandas, gantung atas pagar orang, letak di pintu ataupun buang seperti daripada rumah pangsa. Dia kata ini budaya orang Malaysia sedangkan kita dia kata tidak malu dengan anak luar nikah tetapi di Malaysia dia malu dia tunjuk keratan akhbar dan sebagainya yang berlaku di Malaysia.

Dia kata untuk menghormati budaya orang Malaysia maka kita mesti membebaskan pelajar ini. Bukan satu kesalahan di Malaysia. Maka akhirnya pelajar ini dibebaskan Tuan Yang di-Pertua kerana hendak menghormati budaya tersebut. Maka ini yang saya katakan bahawa satu imej yang buruk yang berlaku dan sebab itulah saya mengharap bahawa pembangunan keluarga ini mestilah mendapat peruntukan yang lebih besar dengan modul-modul yang lebih berkesan, yang lebih baik, yang lebih bermakna dan kita mesti mewujudkan lebih banyak institusi yang menyeluruh di seluruh negara kita.

Kita juga mesti menguar-uarkan kepada mereka yang bermasalah ini supaya jangan malu untuk mendapatkan khidmat nasihat atau kaunseling ini sebab mungkin ada di kalangan mereka yang dia rasa dia ada imej dan sebagainya, dia malu. Maka akhirnya dia tidak mendapat kaunseling dan nasihat yang baik sebenarnya dan kerajaan mestilah mengambil pendekatan yang lebih efektif bagaimana mereka dapat sampai kepada golongan-golongan ini dalam soal isu pembangunan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

4.09 ptg.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga terpenggil untuk membahaskan rang undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) di mana sebagaimana yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi bahawa rang undang-undang ini telah begitu lama berada dan ini telah berumur sejumlah 40 tahun. Di dalam kesedaran ini saya percaya pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat telah pun mengambil satu langkah yang begitu ghaib dalam kita membentuk masyarakat kita pada masa-masa yang akan datang.

Oleh kerana negara kita sudah tentu akan menjadi satu negara yang lebih bertamadun jikalau kita mempunyai warganegara yang begitu baik di dalam perancangan keluarga yang tersusun di bawah susunan yang begitu rapi dan baik. Saya juga rasa perkara ini amat penting sekali di dalam kita mengadakan perancangan keluarga kita pada masa-masa akan datang oleh kerana rakyat kita yang mempunyai pelajaran serta perancang keluarga yang baik sudah tentu akan menghasilkan sesebuah keluarga yang begitu baik.

Seterusnya sesebuah keluarga yang begitu baik akan membuahkan sebuah negara yang baik. Saya juga tertarik dengan kata sahabat saya tadi Yang Berhormat Dr. Puad iaitu perancangan, permulaan supaya mantan Perdana Menteri dahulu untuk menghasilkan sebuah negara kita ini kepada tahap 70 juta penduduk dan ini sudah tentu akan memberi satu *self sufficiency* dengan izin, untuk barang-barang kita dan sebagainya. Walau bagaimanapun kalau kita sampai kepada tahap 70 juta dalam jangka masa yang pendek mungkin ianya merupakan satu kegiatan yang begitu terburu-buru oleh sebab mungkin infrastruktur-infrastruktur yang lain tidak sempat disediakan oleh kerajaan.

Apabila ianya tidak sempat sudah tentu akan timbul permasalahan yang jauh lebih besar lagi iaitu permasalahan kemasyarakatan yang akan melibatkan banyak orang dalam keluarga kita ini, di dalam keluarga kita ini orang-orang yang tidak berkualiti. Lebih baik ada penduduk yang lebih kecil tetapi mempunyai kualiti yang jauh lebih besar dan boleh memberi nikmat ataupun memberi

pemikiran-pemikiran yang baik pada masa-masa yang akan datang dalam usaha kita untuk membentuk dan membina negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya di dalam merancang keluarga ini bukan setakat hanya merancang satu keluarga sahaja. Ia juga perlu merancang dari segala aspek, merancang keluarga itu termasuklah merancang ekonomi keluarga itu sendiri, merancang keadaan-keadaan, mampu sejumlah manakah keluarga itu untuk mengadakan anak-anak mereka ini. Kalau ada anak yang ramai tetapi tidak dapat untuk memberi nafkah-nafkah yang menjadi kewajipan dan tanggungjawab ketua keluarga itu sudah tentu ianya membawa kemudaratan yang jauh lebih buruk daripada baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya di dalam perkara ini dalam membentuk sebuah negara Malaysia kita ini bukanlah suatu perkara yang mudah dan juga di dalam tugas yang telah diberi kepada kementerian ini bukanlah satu perkara yang senang dan bukanlah satu perkara yang pendek masanya untuk mencapai kepada matlamat ini. Kita memerlukan satu masa yang agak panjang di dalam membentuk sesebuah negara yang bertamadun di dalam keluarga kita yang membentuk ini. Oleh sebab sesuatu generasi memakan masa lebih kurang 25 tahun maka sudah tentu saya jangka masa yang akan dirancang oleh lembaga ataupun pindaan keluarga ini akan memerlukan satu jangka masa yang panjang. Walau bagaimanapun dari semasa ke semasa perlulah ianya diperiksa ataupun dinilai tiap-tiap dua tahun, tiga tahun sekali, di manakah silap dan salahnya boleh kita perbetulkan dari semasa ke semasa.

Saya juga percaya dari segi pemilihan jawatankuasa ini ataupun *Board of Directors* ini akan memainkan satu peranan yang begitu penting dan saya percaya dengan kebijaksanaan menteri untuk memilih saya percaya ramai lagi orang yang layak untuk menduduki demi menjamin bahawa perancangan yang dirancang di bawah akta ini akan menghasilkan sebuah negara yang begitu baik sebagaimana yang sama-sama kita kehendaki. Itulah sahaja yang ingin saya katakan dan dengan itu saya menyokong akta pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Puan Mumtaz.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana telah membuat satu inisiatif yang begini baik dan masa yang sesuai kerana apa pun yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini saya rasa cukup baik untuk pembangunan keluarga secara keseluruhan.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin mengemukakan beberapa soalan tentang kadar kelahiran mengikut kaum yang terkini dalam Malaysia, dalam usaha kita mengenal pasti tentang pertambahan penduduk dan pembangunan keluarga di Malaysia.

Yang kedua, tentang kegunaan kad pengenalan mengikut kelahiran. Sebab dari segi bila menyebut tentang akta yang berkaitan dengan kepadatan penduduk, saya rasa kemungkinan hari ini dari segi keselamatannya, kita hanya mendapat sijil kelahiran setelah lahirnya seorang anak. Tetapi dari segi keselamatan, kita tidak membuat sebagaimana negara-negara lain iaitu mengambil seluruh cap ibu jari tangan anak dan juga kaki, demi untuk kita menyimpan rekod-rekod tentang penduduk di negara kita ini. Perkara-perkara ini saya rasa bila kita dah ada *chip-chip* dan komputer yang canggih ini, sepatutnya kita dapat mempertingkatkan faktor keselamatan dari sudut kependudukan dan warganegara Malaysia sendiri.

Seterusnya lagi, saya juga ingin menyatakan bahawa, bila kita menyebut tentang penduduk kita yang bukan sahaja mengalami dari segi kelahiran tetapi juga dari segi kematian. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar mempertimbangkan cadangan untuk memberi cuti kepada isteri yang kematian suami dalam masa menjadi kakitangan kerajaan.

Ini kerana, kalau kita boleh memberi cuti kepada isteri yang bersalin selama enam kali untuk cuti bersalin selama 60 hari, adalah tidak salah untuk kita juga memberi cuti kepada isteri yang kematian suami dalam masa bertugas, kerana banyak kajian dari segi psikologi telah pun dibuat menunjukkan trauma yang dialami oleh ibu tunggal terutama yang mempunyai anak dalam masa bekerja. Mereka datang bekerja semata-mata untuk menjamin punca pendapatan tidak terganggu. Walau bagaimanapun, dalam keadaan ini, dari segi pembangunan keluarga, mereka mengalami tekanan yang begitu kuat. Jadi perkara ini, sekiranya dapat dilaksanakan.....

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan sikit. Saya rasa terpanggil juga kalau si suami kematian isteri bagaimana? Bolehkah minta cuti? Pandangan, Yang Berhormat.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Kita mungkin memerlukan kajian sebab saya rasa dari segi impak yang dibuat kajian ini, impak kepada lelaki mungkin sebagai contohnya dari segi agama Islam tidak seteruk yang dialami oleh lelaki kerana lelaki dapat mencari pengganti, *even* selepas kematian isteri dua minit. Tetapi berbeza dengan....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Laluan Yang Berhormat

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan. Saya Cuma hendak tanya berapa hari yang diperlukan cuti tersebut?

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Perkara ini mungkin kita boleh buat kajian, sama ada perlukan 4 bulan 10 hari sebagaimana idah dalam Islam ataupun apa-apa cadangan lain yang mungkin kita boleh buat untuk dapat tengok kesan kepada keluarga secara keseluruhan. Kerana saya telah pun pada minggu lepas menghadiri satu program yang dijalankan oleh JPN Kelantan yang memanggil semua guru-guru yang menjadi ibu tunggal. Bagaimana trauma yang dihadapi oleh para guru sendiri walaupun mereka itu pendidik bilamana kematian suami dalam masa bertugas kerana ramai juga guru-guru yang terpaksa dirujuk kepada pakar kaunseling.

Jadi kalau guru merupakan seorang pendidik, terpaksa dirujuk kepada pakar kaunseling semata-mata kerana mengalami trauma kematian suami tetapi terpaksa pula bertugas dari pagi sampai petang, saya rasa mungkin perkara ini perlu kita buat kajian sama ada perlu tidak. Kita tengok dari segi pembangunan keluarga kepada cuti yang sebegini, kerana banyak cuti lain yang boleh kita benarkan dan kalau sekiranya kerajaan membenarkan perkara ini ia akan membantu wanita kerana tidak semua wanita itu apabila dia kemukakan cuti akan diberi oleh majikan masing-masing.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju dengan cadangan tersebut sebab saya pun memang pembela wanita sebenarnya. Jadi saya setuju iaitu kalau isteri kematian suami diberikan cuti dan kalau ikutkan saya, saya cadangkan 2 minggu iaitu 14 hari sebab memang sebenarnya trauma yang mereka hadapi itu adalah cukup tinggi sebenarnya terutama bagi si isteri yang memang adalah suri rumah tangga sepenuhnya yang tidak bekerja. Maka sudah tentulah banyak perkara yang perlu diuruskan.

Jadi sebab itulah saya fikir kementerian harus memberi perhatian kepada isu ini iaitu supaya cuti kepada isteri yang kematian suami ini dapat dilaksanakan dan ini cukup penting sebenarnya. Kerana ini juga melibatkan soal pembangunan keluarga sebab sekurang-kurangnya mereka ada masa yang cukup untuk menyelesaikan banyak perkara terutamanya apabila dia sendiri mempunyai anak yang ramai. Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Saya mencelah sedikit. Saya pun sokong cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat tetapi tertanya-tanya kepada Yang Berhormat Dr Haji Mohd Puad bin Zarkashi, dia bukan orang Bajau yang betul lagi tetapi masih lagi berusaha untuk memperjuangkan hak-hak wanita tadi sebab yang pertama orang Bajau, yang kedua baru belajar, yang ketiga kurang ajar dan yang ketiga orang Bajau tetapi sudah memperjuangkan hak-hak wanita yang begitu kuat.

Walau bagaimanapun, itu sebagai sindiran sahaja. Saya menyokong penuh di atas cadangan tetapi juga kita lihat bahawa orang lelaki ada melalui trauma-trauma yang agak juga banyak apabila kehilangan isteri. Ini isteri yang pertama sahajalah. Kepada isteri ada yang dua, tiga dan empat itu saya tidak berapa. Kematian isteri yang pertama, ada juga orang-orang lelaki yang mengalami tekanan-tekanan jiwa sebagaimana yang dilalui oleh wanita. Jangan fikir, tadi kita dengar hal *gender*. *Gender* bukanlah satu hak perempuan sahaja. Ia merupai lelaki dan perempuan.

Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Saya rasa perkara itu memang memerlukan kajian. Mungkin lelaki juga ada impak, tetapi dalam konteks ini mungkin kajian pertama boleh di buat kepada wanita. Sebab saya lihat, tetapi mungkinlah kalau ada cadangan juga untuk lelaki dapat cuti, sebab saya lihat daripada cuti bersalin yang diberikan kepada wanita, juga diberi kepada suami. Bila isteri bersalin, kadang-kadang suami memang tidak gunakan untuk jaga isteri. Takut disalahgunakan pula

kalau diberikan kepada suami, tetapi mungkin boleh buat kajian lebih lanjut. Seterusnya lagi tentang bila mereka bercakap tentang pembangunan keluarga, saya rasa satu perkara lagi kita perlu tekankan ialah tentang kesihatan keluarga.

Jadi bila melihat kepada pembangunan keluarga ini, penekanan mungkin boleh diberikan oleh kementerian ialah tentang perancangan untuk merangka satu program *health care* maknanya *education health care* kepada semua penduduk. Sebab sekarang ini kita lihat, semua *tendency* kita, dengan izin, adalah untuk merawat penyakit yang telah ada, tetapi kita jarang memberi penekanan kepada keluarga untuk mencegah dan memberi pendidikan bagaimana penjagaan kesihatan itu dibuat daripada awal kerana keadaan kesihatan yang buruk akan menyebabkan keluarga tidak terbangun dan tidak sihat serta tidak boleh berkembang dengan baik dari segi ekonomi dan juga dari segi ketenangan sendiri.

Saya cadangkan dalam konteks ini mungkin di peringkat kementerian boleh membuat satu cadangan pengecualian cukai diberikan kepada pembayar insurans yang membayar premium insurans untuk ibu bapa bukan sekadar kepada anak dan diri sendiri. Jadi sekiranya perkara ini dapat dijalankan kita akan lihat berlaku satu pembelaan oleh anak-anak kepada kesihatan ibu bapa, sebab sekiranya kita dapat menjaga ibu bapa kita dengan baik, ertinya benda ini akan menjadi teladan kepada anak kita untuk menjaga kita di masa hadapan. Jadi dengan sendirinya keluarga akan terbangun daripada teladan sendiri bukan sekadar kita beritahu. Jadi pengiktirafan dari kerajaan dari sudut cukai ini akan membantu.

Seterusnya lagi saya juga mencadangkan penggunaan dari segi pembangunan keluarga, mungkin agak jauh sedikit tetapi masih lagi berkaitan. Tentang penggunaan basikal dalam keluarga untuk ke mana-mana dalam jarak yang dekat. Sebab bila perkara penggunaan basikal ini tidak digalakkan oleh kerajaan, kita lihat keadaan berlaku kematian, kes kemalangan meningkat dengan banyak dan kesihatan keluarga sendiri tidak berapa, sebab tidak ada riadah. Saya cuba ambil contoh pendekatan yang dibuat oleh kerajaan Switzerland di mana mereka memberikan pengurangan kepada kadar premium sekiranya sesuatu keluarga itu menggunakan duit untuk membayar yuran masuk *gym*. Jadi sekiranya kita masuk *gym*, kita akan diberikan pengurangan untuk pembayaran premium insurans. Sekiranya perkara ini dapat dijalankan, ia akan menyebabkan keluarga itu sendiri berminat untuk terlibat dari segi pendidikan kesihatan.

Saya juga, satu lagi mencadangkan untuk menggunakan pengalaman yang ada dalam konteks warga emas. Sekarang ini kita lihat peningkatan penduduk bilangan warga emas ini amat tinggi. Jadi kita tidak menggunakan dengan sepenuhnya pengalaman pendidikan keluarga yang telah pun dialami dan dilalui oleh warga emas dalam keluarga. Jadi maksudnya dari segi konteks, kita menghormati kehebatan ibu ayah kita dari segi pendidikan. Dalam usaha kita hendak mendidik anak kita pada masa hadapan, kita banyak cuba mengambil pendekatan lain untuk membangunkan keluarga sedangkan kita lupa untuk pendidikan, pengalaman setempat adalah penting.

Jadi kemungkinan pihak kementerian boleh mengambil beberapa program, bagaimana bapa-bapa dari warga emas ini boleh dijadikan satu modul atau idola untuk dijadikan oleh keluarga sebagai pendorong untuk dia mendidik keluarga kerana masalah pendidikan ini kadang-kadang.....

Tuan Ismail Kasim: Luan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pada Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat membangkitkan soal modul ibu bapa atau warga emas yang telah berjaya mendidik keluarga, saya terpanggil untuk memohon penjelasan dari Yang Berhormat kerana kita lihat biasanya ayah dan emak kita mendidik kita, dia mahu kita berjaya dan menjadi orang yang berguna. Sebab itulah, kasih sayang yang ditumpahkan kepada kita itu tidak ditunjukkan dalam bentuk zahir ataupun nyata kerana dia tidak mahu kita menjadi tersesat atau tersasar daripada apa yang dikehendaki.

Tetapi kasih sayang itu sebaliknya apabila dia mendapat cucu disasarkan kepada cucu dan kalau cucu tinggal dengan mereka, kebanyakan cucu yang tinggal dengan datuk dan nenek ini kebanyakan rosak. Kebanyakan terkeluar daripada landasan. Jadi adakah modul ini dapat diguna pakai? Kerana saya rasa Yang Berhormat Dr Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dia memang pakar dalam kajian ini, saya tahu. Ini terkandung dalam *syllabus* yang Yang Berhormat Dr Haji Mohd. Puad ajar di universiti dahulu.

Dia memang tidak curahkan benda ini kepada kita, kerana dia tidak mahu kita menjadi tidak elok dan tidak berguna, tetapi dia akan bagi kerana dia tidak dapat curahkan kasih sayang ini kepada kita, tetapi dia akan lepas kepada anak-anak kita. Adakah modul ini kita boleh guna pakai seperti mana Yang Berhormat bangkitkan tadi. Penjelasan Yang Berhormat.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Tidak semua ibu bapa kita boleh jadi idola dari segi pendidikan, tetapi ada ibu bapa yang berpendidikan sebab saya rasa mungkin sekarang kita berusia 40-50 tahun. Tetapi sedikit masa lagi kita akan meningkat menjadi warga emas. Kalau kita yang ada pendidikan, pengetahuan sebagaimana hari ini, sekiranya pada masa hadapan, pengalaman dan pendidikan kita tidak dicurahkan kepada generasi baru, akan jadi satu kerugian kepada masyarakat. Sebab tidak semua cucu yang dibelai oleh datuk nenek rosak. Walau bagaimanapun, saya rasa mungkin ada kajian yang menunjukkan berlaku, tetapi jumlah itu tidak begitu ketara berbanding dengan anak yang rosak kerana ketiadaan kasih sayang dari ibu bapa. Itu sahaja saya punya respons tentang itu.

Seterusnya, saya juga ingin menyatakan tentang peruntukkan yang diadakan oleh PERKESO iaitu satu badan yang telah ditubuhkan oleh kerajaan khusus untuk menjaga kebajikan pekerja. Saya lihat dari segi PERKESO, memberikan pembelaan dan perlindungan kepada isteri dan anak-anak sekiranya suami terlibat dalam kemalangan. Tetapi tidak ada peruntukkan yang sama diberikan kepada ibu bapa dari segi pembayaran bulanan kepada mangsa yang terlibat dalam kemalangan, contohnya. Kerana saya ingin menarik perhatian Dewan, tentang kecenderungan kita

untuk menjadi penerima pusaka berbanding dengan kecenderungan kita untuk menanggung nafkah orang yang kita terima pusaka.

Jadi perkara ini sekiranya kita tidak hebahkan, dedahkan, jadi kita hanya berminat untuk menjadi penerima pusaka berbanding hendak menjadi pembela kepada orang yang sepatutnya kita bela. Sebab jika dilihat dari segi peruntukkan semua Enakmen Keluarga Islam Negeri, sudah ada peruntukkan yang jelas menyatakan bahawa kesemua anak haruslah menerima nafkah daripada seseorang lelaki yang bertanggungjawab dari segi syarak. Tetapi tidak ada kes yang kita lihat di Malaysia, di mana orang mendakwa wali atau waris kepada kanak-kanak untuk memberi nafkah kepada anak. Tidak ada kesedaran sebegini, dan semuanya akan dilemparkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sedangkan peruntukkan undang-undang sudah ada.

Dari segi syarak sendiri, lelaki yang bertanggungjawab hendaklah membayar nafkah kepada anak. Jadi kita lihat, kadang-kadang semua kita hendak lemparkan kepada kerajaan. Perkara ini kita perlu sedarkan dari segi agama pun kita bertanggungjawab bukan setakat menerima pusaka. Jadi seterusnya lagi, saya ingin juga mencadangkan dari segi bila kita bercakap tentang kemalangan jalan raya, dari segi pembangunan ini, saya lihat enakmen akta yang memberitahu bahawa seseorang isteri yang kematian suami akan menerima kadar *bereavement* RM10,000.

Perkara ini telah dibuat pada tahun 1984. Kadar kemalangan jalan raya meningkat dengan begitu banyak pada waktu perayaan dan sehingga kini, memang makin meningkat. Jadi tidak ada cadangan untuk kita naikkan sedangkan kalau kita lihat kadar ini adalah amat rendah berbanding dengan tahun 1984, RM10,000.

Sekarang sudah 2006, sudah 22 tahun, tidak ada sebarang pindaan dibuat. Jadi saya juga mohon, demi untuk pembangunan keluarga tadi, wanita-wanita sebegini dibantu dan diberi sokongan dari sudut undang-undang. Bukan sekadar menerima pampasan daripada insurans kerana terlibat dalam kemalangan melalui *Third Party Claim*, tetapi juga mewajibkan semua syarikat insurans membayar kepada orang yang membayar insurans sama ada dari segi *First Party*. Bukan setakat terhad kepada masalah pembaikan kenderaan.

Saya rasa mungkin ini lebih teknikal, tetapi sekarang suka saya nyatakan kepada Dewan mengenai perkara ini. Kerana sekiranya kita bayar premium insurans untuk kenderaan *First Party*, kenderaan kita akan di *cover* sekiranya berlaku kemalangan, tetapi orang yang menaiki kenderaan tidak di *cover* melainkan dia ada *life insurance* sendiri. Berbanding dengan sekiranya kenderaan itu dilanggar oleh orang yang mempunyai insurans. Barulah kita ada kelayakan untuk buat *Third Party Claim*.

Jadi perkara ini jadi tidak adil. Sekiranya orang yang melanggar kita tak ada insurans, kita tak dapat kelim apa-apa tentang kemalangan yang berlaku kepada keluarga sama ada anak-anak, isteri atau bapa. Satu lagi saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan dalam usaha secara

efektif dan agresif untuk membangunkan keluarga ini. Sebab saya rasa satu lagi penekanan yang kita perlu berikan bukan setakat penekanan kepada pembangunan fizikal keluarga itu sendiri tetapi dari sudut intelektual, *spiritual* dan emosi keluarga itu sendiri kerana sekarang ini melihat kepada objektif Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga ini amat cantik sekiranya kita lihat kepada *Functions of the Board* di para 3A.

Sekiranya pihak kerajaan betul-betul dapat menjalankan kesemua objektif ini, kita akan lihat perubahan besar berlaku dan saya juga meminta agar pihak kementerian dapat mengenal pasti beberapa akta lain yang dapat kita pinda, supaya menyokong pindaan akta ini kerana sekiranya ada Akta Pembangunan Keluarga, tetapi akta-akta lain tidak dipinda sebagaimana yang patut untuk menjadikan benda ini sebagai satu realiti. Sebab kemungkinan saya juga ingin respons kepada apa yang telah dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, tentang berlaku sedikit keengganan oleh wanita yang mungkin profesional untuk berkahwin. Kerana mungkin pada pandangan saya, keadaan ini berlaku mungkin kerana tugas pendidikan keluarga dibebankan kepada wanita. Walau apa pun kerjanya, apa pun taraf pendapatannya, kalau sebut pendidikan, anak menjadi, anak tak menjadi, semuanya dibebankan kepada wanita. Jadi dalam keadaan kepekaan *gender* sebagaimana hari ini sepatutnya semua pihak merasakan bahawa tugas pendidikan adalah tugas bersama.

Sekiranya kita dapat buktikan kepada semua masyarakat bahawa tugas pendidikan adalah tugas ibu bapa, saya rasa tidak ada sebab mana-mana wanita untuk menolak perkahwinan kerana perkahwinan bukannya satu fitrah. Satu lagi, saya juga ingin meminta kepada kementerian untuk buat satu *syllabus* ataupun satu perancangan, untuk merangka program pembangunan keluarga dan kemahiran kepada golongan yang tidak ada kelayakan akademik yang tinggi. Sebagai contohnya saya difahamkan di negara-negara Barat, ada ditawarkan kursus sehingga 400 kursus dalam musim panas. Khusus untuk memberi pendidikan jangka pendek kepada penduduknya di IPTA-IPTA ataupun IPTS di negara masing-masing.

Jadi sekiranya perkara ini dapat diberi perhatian, kita akan lihat berlaku satu pembangunan minda dari segi keluarga supaya masing-masing dapat merasakan bukan sekadar yang kita pergi belajar di universiti untuk mendapatkan ijazah, tetapi dapat kemahiran dan kita akan dapat perkara ini dengan kos yang mungkin rendah, dan dapat terus daripada profesional yang memang layak untuk memberikan kita kemahiran yang kita perlukan demi untuk pembangunan keluarga. Seterusnya saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan iaitu untuk membuat modul pendidikan pembangunan keluarga bukan sekadar pra perkahwinan.

Jadi kalau hari ini kita mewajibkan kursus pra perkahwinan. Ada dicadangkan sebelum ini tentang kursus pasca perkahwinan. Saya rasa dengan tibanya rang undang-undang ini, tibalah masanya kita juga untuk merangka satu program pasca perkahwinan, iaitu pendidikan keluarga yang lebih lagi saya rasa bermakna kepada keluarga masing-masing, sebab hari ini kadang-kadang ketiadaan masa untuk kita merenung bersama-sama anak-anak akan menyebabkan kepincangan

kepada keluarga. Jadi kalau dapat dibuat kursus pasca perkahwinan dan dijadikan merit oleh kerajaan, mungkin ini akan menggalakkan keluarga untuk lebih erat lagi dan akan menjadikan keluarga yang betul-betul seimbang, sebab kita dapat lihat anak akan hormat kepada ibu dan ayah dan ayah juga akan mengasihi anak-anak.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang tertarik dengan kursus pasca perkahwinan ini. Jadi sebenarnya apakah ada had umur kepada mereka yang sepatutnya mengikuti kursus ini, iaitu mungkin setakat umur 60 tahun ataupun 70 tahun, dan sebenarnya apakah barangkali yang terkandung dalam modul kursus pasca perkahwinan ini? Sebenarnya ini memang amat menarik. Sebab ilmu itu ialah umpama lautan. Dia tidak pernah berakhir. Tidak semestinya kita ini bila sudah berkahwin, maka kita sudah tahu semua tentang perkahwinan. Terutamanya selepas perkahwinan. Jadi ini amat menarik. Cuma saya hanya ingin tahu apa sebenarnya barangkali yang terkandung dalam kursus-kursus ini? Mungkin ada contoh-contoh di negara lain yang membuat kursus seumpama ini?

Puan Mumtaz binti Md. Nawis: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Jadi saya di dalam konteks ini, saya tidak tahu ada kah tidak, mana-mana negara yang telah pun melaksanakan kursus pasca perkahwinan, tetapi saya rasa tidak salah kalau kita mendahului negara-negara lain dalam dunia untuk mengadakan kursus pasca perkahwinan, dan kemungkinan sebagaimana kita memberi kursus kepada semua pegawai kerajaan sama ada di peringkat tinggi ataupun rendah demi untuk meningkatkan penguasaan kemahiran, pentadbiran. Tidak salah kalau kita tambahkan juga perkara yang sama, kursus yang sama, kekerapan yang sama untuk kita memastikan mereka dapat mendidik keluarga dengan baik.

Sebab saya difahamkan dalam tentera, untuk kenaikan pangkat seseorang pegawai, bukan setakat kelayakan ataupun kredibiliti pegawai itu dilihat, tetapi pegawai pemerintah juga akan berkunjung ke rumah untuk memastikan bahawa keluarga pegawai tadi juga terdidik. Jadi kalau perkara ini dapat dipanjangkan kepada jabatan-jabatan lain ini akan mendorong dan menggalakkan kesemua ahli keluarga untuk menjaga keluarga demi untuk kelayakan untuk mendapat tempat yang lebih tinggi.

Satu lagi saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar dalam usaha Tahun Melawat Malaysia 2007 ini, merangka beberapa program yang perlu yang mungkin dapat kita laksanakan, iaitu memberi satu insentif pakej keluarga untuk mana-mana mungkin jamuan ataupun pakej pelancongan supaya hasrat kita untuk membangunkan keluarga ini dapat kita realisasikan dalam konteks negara kita sendiri. Maksudnya pakej kalau boleh dibanyakkan, galakan kepada pakej-pakej percutian keluarga yang mungkin diberi potongan. Sebab ini dengan secara tidak langsung akan turut membangunkan keluarga dan penduduk Malaysia itu sendiri.

Saya dengan demikian menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Puan Wan Ubaidah.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas itu Datuk Jins.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Insya-Allah perbincangan saya ini sedikit sahaja. Saya cuma ingin menanyakan beberapa persoalan. Harapan saya dengan adanya pindaan rang undang-undang ini pengurusan LPPKN akan lebih baik dan pelaksanaan program-programnya akan dapat menyentuh semua rakyat. Jadi soalan yang saya ingin tanyakan ialah pada masa ini, bagaimanakah Lembaga menguar-uarkan perkhidmatan kepada rakyat terutamanya kepada rakyat luar bandar. Apakah ada macam kalau penerangan itu ada van dia pergi ke luar bandar? Apakah LPPKN ada juga van yang keluar ke luar bandar *to reach out* untuk bertemu dengan rakyat di sana untuk menyatakan bentuk-bentuk perkhidmatan yang ada? Saya juga ingin tahu bentuk-bentuk program latihan yang diberikan kepada orang ramai, juga terutamanya kepada orang-orang di luar bandar sebab kita tahu. Contohnya seperti Felda. Di sana banyak masalah yang melibatkan keluarga.

Bagaimanakah, adakah LPPKN mengadakan program latihan keluarga penyayang, keluarga bahagia kepada penduduk-penduduk di luar bandar khususnya. Apakah bentuk-bentuk latihan yang memberikan kesedaran bahaya HIV, bahaya seks bebas kepada remaja-remaja juga dilaksanakan? Akhirnya saya ingin tahu daripada penduduk Malaysia, berapa ramai kah wanita dan lelaki yang menggunakan kaedah perancang keluarga, dan adakah ini masih digalakkan memandangkan kerajaan ingin mencapai 70 juta penduduk. Sebab kalau dirancang maknanya makin lambat untuk mencapai 70 juta dan saya juga ingin tahu adakah kaedah natural itu mengira hari, ataupun *safety days* itu dikira sebagai salah satu daripada kaedah merancang keluarga?

Sekian. Saya pohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datuk Jins Shamsudin.

4.36 ptg.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006. Setelah mendengar beberapa pandangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, maka saya rasa terpanggil kerana banyak yang telah disentuh berhubung dengan penduduk.

Berhubung dengan kalau kita dapat ramaikan penduduk sehingga 70 juta, kita berpendapat bahawa mereka akan gunakan bahan-bahan yang kita jual atau kita buat dalam negara. Tetapi terbukti hari ini, kita lihat kebanyakan penduduk kita lebih suka membeli bahan luar negara. Ada yang *shopping* ke Hong Kong, ada yang *shopping* ke Dubai, ke Thailand dan lain-lainnya. Walaupun kita tahu tidak semestinya bahan-bahan itu baik daripada apa yang dibuat di dalam negara.

Jadi ramainya penduduk belum terjamin mereka boleh menggunakan bahan-bahan tempatan. Tetapi mungkin itulah bukan persoalan yang saya hendak timbulkan. Kerana saya mendengar teman-teman yang lain belum menyentuh tentang apa yang saya hendak perkatakan.

Di dalam kita meluluskan undang-undang ini, Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga ini, di dalam kita melantik pengerusi, ahli lembaga, ahli-ahlinya, saya juga ingin menyentuh sekiranya dilantik ahli-ahli lembaga ini supaya mereka juga terdiri daripada orang-orang yang berbudaya. Kerana kita lihat hari ini, keluarga kita dibangunkan dengan satu budaya yang agak sangat *westernized*, dengan izin. Kita lihat sahaja program-program televisyen yang hari ini anak-anak lahir sahaja telah terdedah dengan program-program yang hampir lebih dari *60 channels*, yang ada di negara kita ini mempamerkan bahan-bahan daripada luar negara.

Jadi ini kita membangunkan keluarga kita di dalam budaya yang amat asing bagi kita. Jadi oleh sebab itu pentingnya apabila dasar-dasar yang akan digubal nanti, ahli-ahli lembaga yang akan memutuskan sesuatu dasar itu tentulah akan juga memikirkan tentang bagaimana kita hendak membentuk satu budaya, yang lebih murni di kalangan keluarga kita. Kita semua tahu hari ini, kita lihat anak-anak kita kalau dilihat dari segi budayanya sahaja sudah berbeza. Maka banyaklah terjadi kerana anak-anak ini tidak dibentuk dalam satu budaya yang boleh kita jamin masa hadapan mereka dan kita lihat hari ini ramai yang tercemar. Ramai yang telah jadi anak-anak yang hari ini amat popular dipanggil Mat Rempit. Jadi Mat Rempit ini juga daripada didikan keluarga yang hidup dalam keluarga yang terdedah kepada budaya-budaya asing.

Jadi oleh sebab itu kita harus melihat perkara ini sangat penting dan kita lihat juga, budaya-budaya asing juga telah masuk ke dalam anak-anak muda kita seperti penagihan dadah yang lebih daripada 80%. Hari ini, penagihan dadah di pusat-pusat serenti, 28 pusat serenti adalah terdiri daripada anak-anak muda yang kita lihat juga tercemar kepada ataupun terdedah kepada budaya-budaya asing. Kita lihat juga dari segi pakaian-pakaian mereka. Hari ini kita lihat anak-anak muda sudah tidak lagi berpakaian sopan santun. Saya tidak mengatakan kesemuanya. Tetapi ada di antaranya kita lihat ramai di antara mereka tidak lagi berpakaian dengan sopan santun. Kadang-kadang terdedah di sana dan sini, menyebabkan mereka ini terdedah kepada gejala-gejala sosial hinggakan mereka terjebak. Kadang-kadang dirogol dan diusik oleh anak-anak muda yang lain kerana tentang pakaiannya yang tidak sopan ini.

Jadi ini juga harus kita lihat di dalam pindaan akta ini supaya dapat kita jadikan dia sebagai satu panduan untuk kita melihat masa depan anak-anak kita ini dibangunkan dengan nilai-nilai yang murni. Jadi, kalau itu tidak dapat kita lakukan maka kita tidak mungkin dapat membina satu keluarga di masa depan yang lebih mirip kepada budaya-budaya luhur, budaya-budaya tempatan, budaya-budaya negara kita sendiri. Kerana kita memang terdedah, oleh kerana kita berada di dalam dunia globalisasi, maka dengan itu kita selalunya melihat sesuatu dari luar itu lebih baik daripada apa yang ada dalam negara kita. Sedangkan itu tidak mestinya semuanya baik, mungkin ada satu dua yang baik, tidak semua yang baik.

Jadi saya amat menyokong pemindaan akta ini dengan adanya penubuhan Ahli-ahli Lembaga yang baru ini supaya dapat juga mereka terdiri daripada mereka yang mempunyai latar

belakang yang berbeza, latar belakang budaya khususnya supaya dapat memberikan pandangan-pandangan supaya apa yang hendak dilakukan, apa dasar yang hendak dilaksanakan itu dapat membina satu keluarga yang lebih murni maka, kita jadikanlah rumahku, syurgaku. Jadi kalau itu kita dapat laksanakan, maka kita akan mencapai hasrat rakyat Malaysia di masa akan datang khususnya anak-anak kita yang akan lahir di generasi akan datang, berbudaya yang tinggi dan juga membangun nilai-nilai yang murni dan menjadikan mereka orang-orang yang bertanggungjawab, bukan sahaja kepada keluarganya dan juga kepada bangsa dan negaranya serta agama.

Kita lihat sahaja hari ini, terlalu banyak program-program televisyen yang kadang-kadang kita sendiri malu untuk kita menonton bersama keluarga kita kerana dia datang daripada budaya-budaya asing yang tidak lagi dapat mencerminkan budaya tempatan. Maka itu barang kali...

Tuan Ismail Kasim: Minta laluan, sedikit sahaja. Saya pohon penjelasan Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat mengatakan program yang di bawa masuk yang ditayangkan di stesen TV tempatan ini memaparkan budaya berlainan daripada budaya kita. Apa pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya rancangan tempatan yang dihasilkan juga tidak memaparkan budaya negara sendiri, dan saya lihat sebahagian besarnya bukan memaparkan jati diri kebangsaan yang boleh dibanggakan juga memaparkan budaya-budaya lain yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat tempatan. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih kerana memberikan saya sedikit *input* lagi untuk saya mengemukakan perkara ini. Kita sebenarnya, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa. Satu Jawatankuasa Pemantau yang terdiri daripada tiga kementerian; Kementerian Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan juga Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi menjadi ahli kepada jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri.

Maka itu saya mengharapkan supaya jawatankuasa ini bersidang untuk memantau semua program-program televisyen yang ada di negara ini supaya dia dapat menyekat mana-mana program yang tidak memaparkan nilai-nilai murni yang dapat membina keluarga kita, maka program seperti itu sepatutnya tidak disiarkan. Inilah tugas dan tanggungjawab jawatankuasa yang telah dilantik itu. Oleh itu saya amat menyokong dan bersetuju di atas pandangan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat tadi tentang budaya dibawa oleh televisyen. Jadi kita sudah ada jawatankuasa ataupun Lembaga Penapisan. Jadi Lembaga Penapisan ini telah diberi tugas untuk menapis filem-filem yang bawa budaya tidak baik di Malaysia ini. Apakah lembaga ini tidak berfungsi atau tidak boleh mengawasi supaya filem-filem yang ditayangkan di televisyen ini kalau yang bercorak yang akan meruntuhkan akhlak supaya ditolak.

Kita lihat pada hari ini satu lagi, televisyen swasta ini mereka lebih pentingkan keuntungan. Sudah tentu mereka mahu menarik penonton ramai untuk menonton seperti Astro, kalau hendak

ramai orang yang menonton Astro, mereka buat keuntungan. Begitu juga dengan TV3. Kita tidak boleh menyalahkan televisyen swasta, mereka sudah tentu mencari keuntungan selain daripada RTM. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, siapa yang patut disalahkan. Kerajaan patut mengawasi ataupun televisyen swasta. Terima kasih.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat menyentuh soal *sensor board*, soal penapisan filem. Memanglah hari ini kita mempunyai Lembaga Penapis Filem di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Tapi apa yang berlaku ialah ada di antara televisyen-televisyen swasta yang tidak melalui lembaga ini. Oleh kerana kita mempunyai kira-kira 24 ribu tajuk yang hendak di tapis atau ditonton tapis, oleh Lembaga Penapis Filem, sudah tentulah tidak mempunyai kakitangan yang cukup. Hari ini kita hanya ada kira-kira 68 orang kakitangan.

Jadi oleh kerana itu saya rasa kurang kakitangan ini hendaklah ramai supaya dapat menapis setiap filem termasuklah filem iklan, filem dokumentari, filem untuk televisyen, filem-filem untuk ditayangkan di pawagam-pawagam hanya dengan angka Pegawai Penapisan Filem ini yang agak kecil dan itu juga salah satu daripada sebab menyebabkan bahawa terlalu banyak filem yang di bawa masuk yang tidak dapat ditapis dan nilai-nilai itu juga kadang-kadang terlepas pandang. Sebab itulah kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa. Jadi saya mengharapkan supaya jawatankuasa ini dapat berfungsi dan dapat melaksanakan tugas mereka untuk mengawasi program-program yang seperti itu dan khususnya kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi kerana kementerian inilah yang mengawasi atau memberikan lesen kepada stesen-stesen televisyen.

Jadi kalau kementerian ini dapat memantau program-program yang di import dari luar negara ini, supaya ianya sesuai dengan nilai-nilai kita di negara ini, maka program-program yang tidak sesuai itu maka Kuasa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi boleh menahan mereka daripada menayangkan atau membawa masuk program-program sedemikian sebab kuasa...

Tuan Ismail Kasim: Mohon laluan Yang Berhormat. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Pertanyaan saya mungkin agak kontroversi sedikit.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah yang apa dibuat oleh kerajaan sekarang ini menerusi apa Yang Berhormat jelaskan di Dewan yang mulia ini, telah menunjukkan sesuatu yang sepatutnya dipaparkan, kita sembunyikan. Kadang-kadang naluri manusia ini, kalau benda dia sembunyi itu, dia hendak tahu sangat. Contohnya saya menonton MHI pagi tadi, saya melihat ada pengacara mengatakan tentang gambar kes kemalangan yang memaparkan kemalangan negeri, otak yang berkecai di jalan raya. Tapi di negara jiran, gambar ini disiarkan di muka hadapan. Tapi di negara kita gambar ini dianggap tidak bersesuaian dan boleh menimbulkan tanggapan negatif dan sebagainya.

Jadi begitu juga dengan unsur-unsur lain, kerana kita terlampau hendak sembunyikan perkara ini dan perkara ini boleh didapati di tempat-tempat yang lain menyebabkan timbul lagi

perkara-perkara yang ingin mencuba kerana naluri semula jadi memang sudah begitu. Yang sembunyi ini hendak tahu sangat, yang tersembunyi, yang terbuka dia tidak kisah. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar, naluri manusia itu berbeza. Walaupun mereka mempunyai keinginan untuk melihat sesuatu yang tersembunyi. Tapi oleh kerana manusia ini dibina sedemikian rupa, maka kita mempunyai satu kuasa yang telah diberikan oleh Allah S.W.T tidak ada yang lebih baik darinya ialah akal. Seperti sesuai dengan firman Allah kalau boleh saya sebut di sini... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Bahawa manusia dijadikan oleh Allah S.W.T yang terbaik, apa yang terbaik ialah akalnya. Jadi akal itu yang menentukan sama ada perkara itu baik atau tidak.

Memang benar kita suka melihat apa yang tidak baik. Tetapi apakah kita mahu anak-anak kita juga melihat benda yang tidak baik. Jadi patut juga ada perkara-perkara yang boleh kita tunjukkan supaya mereka tidak mahu tengok lagi. Tetapi ada benda yang kita tidak perlu tunjukkan kerana itu akan menjadi ikutan mereka, kerana anak-anak ini belum sampai ke peringkat boleh berfikir mana yang baik, mana yang tidak baik. Jadi oleh kerana itu, mereka selalunya melihat yang tidak baik itulah yang banyak dilakukan. Sebagai contohnya kita lihat...

Tuan Ismail Kasim: Laluan sedikit Yang Berhormat. Masalahnya.. sedikit sahaja Yang Berhormat... sebab ada rancangan tempatan yang pakaiannya lebih menjolok daripada pengacara yang dipakai daripada rancangan diimport daripada luar negara.

Datuk Jins Shamsudin: Saya juga bersetuju. Memang kalau ada selalunya pesta-pesta, kita lihatlah anak-anak kita lebih mendedahkan daripada program-program yang dibawa dari luar negeri. Hari ini pun kita lihat kalau *rock show*, dengan izin, kalau datang dari luar tidak ada lagi rambut-rambut panjang, sudah tidak ada lagi pakai-pakai subang. Tapi kita masih lagi ada di antaranya yang masih lagi berambut panjang, pakai subang dan sebagainya dan inilah saya katakan tadi harus ada satu kawalan daripada jawatankuasa pemantau ini. Kita harus memilih mana yang baik untuk kita pameran dan untuk kita dedahkan kepada penonton kita khususnya anak-anak muda. Jadi itu adalah menjadi tanggungjawab kita.

Jadi kalau kita biarkan perkara ini berterusan, maka tidak mungkin kita boleh membina satu keluarga yang murni, satu keluarga yang baik, satu keluarga yang boleh menjadikan keluarga yang kita panggil keluarga berbudaya. Jadi hari ini, kita lihat ada di antara rancangan-rancangan televisyen kita tengok anaknya bertengkar dengan ibu bapanya, kadang-kadang kalau kita gunakan bahasa yang agak kasar, kurang ajar dengan ibu bapanya. Kalau dahulu masa zaman saya, jangan kata hendak menjawab ibu bapa, angkat kepala emak, buka mata sedikit sahaja sudah kita tidak berani. Tapi hari ini dia sanggup bertengkar, dia sanggup berhujah dengan ibu bapa. Kerana program-program televisyen ini mengajar mereka. Kita beri ruang untuk mereka belajar dari program-program yang boleh menjadikan mereka kurang ajar.

Jadi saya melihat, kerana saya juga orang filem dan saya tahu dan saya melihat banyak program-program yang kadang-kadang kita sendiri pun malu untuk menonton bersama dengan keluarga. Tapi ini berlaku dan oleh kerana itu, kita harus mengawalinya.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat, adakah ini bermakna rancangan yang telah dibuat tidak seimbang sehingga tidak dapat membangunkan pembangunan minda kepada keluarga pada hari ini berdasarkan program-program yang telah kita buat sebelum ini.

Datuk Jins Shamsudin: Ya, saya berpendapat bahawa ada, bukan semuanya. Tidak semua program yang dibuatkan itu tidak baik. Tapi ada di antaranya tidak membangunkan keluarga dengan baik. Jadi, oleh kerana itu saya juga menyarankan bahawa supaya semua program-program televisyen, program-program yang ditayangkan di negara ini, 70% mestilah mempunyai *content*, mempunyai kandungan dalam negara. Dengan itu, kita dapat mengawal. Hari ini apa yang berlaku kita didedahkan lebih daripada 80% program-program yang dibawa masuk dari luar negara. Kerana apa kata Yang Berhormat tadi, kerana memikirkan soal kepentingan kewangan.

Jadi oleh kerana itu, kita memilih program-program yang boleh mendapat penajaan yang lebih baik. Jadi oleh kerana itu, kita harus melihat kerana kita mempunyai sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama, berbilang keturunan, dan berbilang budaya. Maka kita harus sesuaikan dengan budaya-budaya tempatan. Kalau tidak, kita akan menjadi satu masyarakat yang tidak punya budayanya sendiri. Jadi oleh kerana itu, saya sekali lagi menyarankan supaya program-program televisyen ini juga harus dikawal kerana pengawalan itu saja yang dapat kita menjadikan anak-anak kita, menjadikan mereka sebagai satu budaya yang boleh kita sandarkan pada masa-masa akan datang, kita tidak lagi gusar dengan anak-anak yang akan datang ini kita tahu mereka akan terdedah kepada budaya.

Barangkali kita pada hari ini masih boleh mengawal lagi, tapi bolehkah kita jamin lagi 20, 30 tahun akan datang apa yang akan terjadi kepada budaya kita kalau hari ini kita tidak pandu mereka kepada jalan yang benar. Maka itulah saya menggunakan *rumahku, syurgaku*. Jadi di rumahlah tempat kita membina budaya yang sihat dan membina keluarga kita bermula dari rumah.

Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib.

5.00 ptg.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tidak berhajat hendak bercakap lagi hari ini, orang baru.... [Disampuk] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasa terpenggil juga untuk memberikan pandangan sedikit pada petang ini mengenai satu perkara yang saya fikir Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

mengemukakan dan meminda Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966. Memang tepat pada masanya, satu pindaan dibuat setelah hampir 40 tahun umur akta ini. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian terutamanya kepada menteri yang ada pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat negara kita sudah hampir 50 tahun merdeka dan sudah 50 tahun jentera kerajaan memerintah dan memberi tumpuan kepada boleh dikatakan *physical development* sehingga negara kita terkenal sebagai sebuah negara yang termaju di kalangan negara-negara membangun, di kalangan negara Islam yang menjadi sebuah model di kalangan negara Islam. Tumpuan yang berlebihan kepada *physical development* ini kadang-kadang melupakan kita tentang soal-soal pembangunan yang lagi satu iaitu pembangunan insan. Apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tekankan mengenai *the human capital development*, pembangunan bina upaya, pembangunan modal insan.

Saya fikir pindaan yang dibuat ini tepat pada masanya kerana kerajaan memberi tumpuan kepada soal *human capital*, bina upaya. Bermaknanya bukan hanya kementerian, tetapi seluruh masyarakat dalam negara kita harus mula menumpu kepada soal *nurture*, memupuk soal bagaimana kita hendak *excel* dengan izin, dalam bidang manusia. Ini bermula daripada keluarga. Kalau keluarga itu dapat melahirkan masyarakat yang aman, ibunya aman sewaktu bayi berada dalam perut lagi dan suami tahu bagaimana hendak melayan keluarganya supaya keluarganya aman, bagaimana suami sebagai *complement* kepada melahirkan masyarakat yang berbudaya baik, dia tahu bagaimana hendak melayan isterinya sewaktu isterinya sedang mengandung.

Maka bermulalah keluarga yang bahagia dan mulalah kita melahirkan keluarga yang bermutu. Kalau kita berjaya mengeluarkan keluarga yang bermutu dan benih-benih yang bermutu, maka dengan sendirinya negara akan dapat faedah daripada aturan yang dibuat oleh negaranya itu. Jadi dengan adanya pindaan yang dibuat ini, terutamanya dalam perkara subseksyen 3A, dengan izin, saya membaca di sini, "*To advise the government on matters relating to policies and programs on population, family development*". Saya fikir apa yang kita buat selama 50 tahun dengan membuat Buku Biru, Buku Merah, Buku Hijau, Rancangan Malaysia, Rancangan Luar Bandar dan kita memberikan satu penumpuan yang besar kepada pembangunan fizikal terutamanya di luar bandar.

Maka tepat sekali kementerian merangka dan meminda akta ini supaya suatu tumpuan diberi kepada aspek modal insan, kepada aspek *human capital development* supaya, insya-Allah dalam masa 50 tahun atau 100 tahun akan datang, bukan hanya kita mempunyai bangunan tertinggi di dunia tetapi kita juga mempunyai apa yang Perdana Menteri kita kata, *the towering personalities* yang ikut sama di samping kita mempunyai *physical development* – lapangan terbang yang terhebat di dunia, pelabuhan-pelabuhan, bandar-bandar dan jalan-jalan. Maka dengan itu, sudah tentulah pindaan yang dibuat pada hari ini amat penting.

Cuma saya hendak tanya dan hendak menyarankan kepada pihak kementerian, apakah ia tahap kuasa dan tahap pemantauan? Bagaimana tahap kuasa dan pemantauan? Misalnya saya

bagi contoh kepada kerajaan-kerajaan tempatan, majlis-majlis perbandaran dan majlis-majlis daerah yang kita lihat hari ini sedang berlumba-lumba membawa kecantikan dan menanam bunga banyak-banyak. Kalau boleh, kadang-kadang bunga ditukar setiap tahun. Tumpuan yang terlalu lebih kepada soal-soal fizikal.

Apakah tahap pemantauan daripada kementerian diberi dan terurus? Bagaimana soal-soal manusianya pula terurus juga, bagaimana majlis perbandaran atau majlis daerah menguruskan manusianya yang ada di situ? Menganjurkan sukan, menganjurkan teater, menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan rasa keseronokan, aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kemampuan *human resources* manusia, *parents*, belia dan sebagainya dalam kawasan tersebut...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan. Saya ingin bertanyalah bila Yang Berhormat kata majlis perbandaran banyak keluarkan duit untuk tanam bunga dan sebagainya, apakah itu maksud Yang Berhormat pembaziran? Pergi lawatan luar negara yang tidak ada faedah dan sebagainya, apakah Yang Berhormat kata ini tidak perlu? Lebih baik duit itu dibelanjakan untuk buat program-program pembangunan keluarga seperti menggalakkan sukan dan tempat rekreasi untuk warga yang memang kurang, yang majlis perbandaran memang jarang buat sekarang ini. Jadi apakah itu maksud Yang Berhormat iaitu pembaziran dan tidak perlu dibuat lagi?

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Saya fikir itu kedua-dua memang perlu. Kecantikan memang perlu. Tetapi kalau kita terhala hanya kepada soal *physical development* nya sahaja iaitu tentang mengecat, tentang bandar yang cantik, maka apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata *first world infrastructure, third world mentality*. Jadi *connotation* yang diberikan oleh Perdana Menteri mengenai *third world mentality* harus menjadi suatu yang kita terjaga bahawa apa yang dibuat oleh kementerian ini satu usaha.

Saya fikir ini bukan usaha yang kecil. Ini usaha yang sangat besar untuk hendak membawa satu transformasi di kalangan masyarakat. Bukan hanya daripada kementerian, saya fikir ini kepada semua. Bukan hanya di peringkat Kerajaan Persekutuan, juga kepada kerajaan negeri, juga kepada kerajaan tempatan seperti Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, sahabat saya berkata bahawa bukan hanya kita hendak mencantikkan, taruk bunga dan buat lawatan tetapi perlu ada suatu perancangan yang bersungguh-sungguh bagaimana hendak mewujudkan soal-soal keluarga bahagia ini.

Boleh diambil kesempatan untuk merapatkan hubungan antara kaum melalui program-program memasak, program-program belia, program-program menenun kain, program-program joling bersama dan berbagai-bagai lagi yang kadangkala tidak dibuat. Oleh kerana saya fikir 50 tahun masanya, kita telah menumpu banyak kepada *physical development* sehingga negara ini dipanggil sebagai antara negara yang termaju di kalangan negara-negara membangun. Sampailah masanya sekarang, usaha untuk *the other side of the development, non-physical development, the mental development, emotional development...*

Tuan Ismail Kasim: Mohon laluan, Tan Sri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri. Saya inginkan penjelasan daripada Tan Sri. Adakah penjelasan yang dibuat oleh Tan Sri ini menggambarkan kita tidak ada fokus sebenarnya terhadap sesuatu kerana kita merancang polisi sampai ke peringkat pelaksanaan. Ianya berjaya bersifat sementara, tidak dibuat pemantauan secara berterusan.

Saya ingat kalau Yang Berhormat Dato' Seri Hajah Shahrizat, perkara ini tidak akan berlakulah kalau Dato' yang terus mengendalikan kementerian ini kerana kita tidak mahu setiap orang menteri apabila dia mengendalikan kementerian itu, dia set *benchmarking* dia dan kemudian bila tukar menteri, sudah jadi cerita lain. Jadi program ini yang sepatutnya dijalankan, dia tidak jalan. Jadi terhenti, terhenti, terhenti. Jadi sampai bilakah kalau fokus ini tidak dibuat berterusan, misalnya Yang Amat Berhormat Pak Lah tidak teruskan visi dan wawasan mantan Tun Dr. Mahathir, bermakna kata segala yang kita rancang ini tidak akan menjadi kenyataan. Apa pandangan Yang Berhormat Tan Sri berhubung perkara ini?

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, apa yang dibuat oleh kerajaan, kita memang sudah berada dalam *the mainstream development* tentang hendak jadikan negara kita sebuah negara maju. Memang betul, Amerika mengambil masa 300 tahun lebih dengan program-program yang dicapai. Barangkali pada peringkat awal mereka juga menghadapi masalah yang sedang kita hadapi, tetapi kita tidak bolehlah hendak tunggu sampai 350 tahun baru kita hendak mencapai tahap kemajuan seperti itu.

Oleh kerana kita mempunyai cerdik pandai, dengan adanya sistem pelajaran kita yang baik, anak-anak kita cerdik-cerdik, saya fikir *the mind setting* harus dibuat. Pemandahan ataupun satu *movement* juga harus dibuat untuk pergi kepada usaha mewujudkan satu masyarakat yang bermutu dan saya fikir pindaan ini tentang mewujudkan *family development* dan juga *program on population* harus diberikan penekanan.

Jadi, saya fikir ramai di antara kita memberikan sokongan tadi dan walaupun saya kata saya tidak berhajat hendak berucap kerana saya sudah *prepare* untuk masa yang lain. Tetapi saya tengok oleh kerana perkara ini sangat penting, kita harus menyokong program ini dan kita hendakkan Lembaga ini bukan hanya duduk sebagai perancang tetapi ia juga harus diberikan tugas untuk monitor, tengok keberkesanannya dan juga memberikan balik *feedback* kepada kita tentang kejayaan masa depan. Dengan itu saya mohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus.

5.14 ptg.

Tuan Haji Tajul Urus binti Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian

yang membuat pindaan Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966. Saya ingin mengambil masa sedikit sahaja untuk membahaskan pindaan ini.

Yang pertamanya, berdasarkan kepada perkembangan sosioekonomi pada hari ini, pihak kementerian ada ataupun tidak membuat kajian berapakah agaknya bilangan ahli keluarga yang sesuai berdasarkan kepada pendapatan? Sebagai contohnya, kalau pendapatan satu keluarga itu RM1,000, maknanya bilangan anak dia itu mungkin seorang ataupun dua orang. Kalau sekiranya pendapatan dia itu mungkin RM10,000 mungkin dia boleh ada anak lima ataupun enam orang ataupun perkara itu tidak penting bilangan dan pendapatan itu tidak penting dalam melahirkan keluarga yang berkualiti ini.

Yang kedua, kita Malaysia terdiri daripada tiga bangsa utama, Melayu, Cina dan India. Ketiga-tiga bangsa ini mempunyai ciri-ciri ataupun asas-asas tersendiri dalam mendidik anak dan keluarga, membina keluarga ini. Sebagai contohnya bagi keluarga Melayu Islam, mana dia saya melihat bahawa antara ciri yang penting sekali ialah apabila tiba waktu maghrib, ahli keluarga akan berkumpul, sembahyang maghrib dan makan sekali. Mungkin bagi nilai keluarga Cina keutamaan kepada ibu tua, bapa tua menjaga itu satu nilai yang amat penting dan juga mungkin ada juga ciri-ciri baik daripada keluarga India dalam mendidik, dalam membawa keluarga masing-masing. Jadi, tidakkah pihak kementerian merasakan perlu diformulakan nilai-nilai tiga bangsa ini ke arah satu formula untuk kita jadikan garis panduan kepada melahirkan keluarga Malaysia yang berkualiti ini.

Yang ketiganya pada hari ini saya berpendapat bahawa taraf pendidikan adalah amat penting di samping taraf ekonomi untuk melahirkan keluarga bahagia ini. Saya sekadar ingin mengetahui ada ataupun tidak dibuat kajian taraf pendidikan mengikut ras untuk panduan masyarakat umum Malaysia dan akhir sekali saya merasakan bahawa pada hari ini, perkara orang gaji ini adalah perkara yang amat penting dalam melahirkan masyarakat keluarga Malaysia yang bahagia. Hari ini boleh saya katakan sebahagian besar daripada keluarga rakyat Malaysia anak-anak dari peringkat kecil dijaga oleh orang gaji sama ada datang dari Filipina, ataupun Indonesia. Orang-orang gaji ini kita mendapati bahawa, memang ada banyak ketidaksempurnaannya.

Tidakkah pihak kementerian boleh mengeluarkan lesen ataupun permit secara swasta seperti sekolah swasta itu kepada pusat-pusat asuhan daripada peringkat awal ini untuk diadakan pusat latihan secara termoden supaya keluarga-keluarga yang muda ini yang profesional ini yang dia tidak memerlukan orang gaji dia waktu lain kecuali untuk menjaga anak ini untuk kita letakkan anak-anak daripada peringkat bayi sehingga peringkat masuk tadika di pusat asuhan swasta yang moden yang sempurna ini. Sebagai satu langkah untuk menggantikan masalah orang gaji yang saya rasa pada hari ini amat tidak begitu sempurna.

Jadi, itu sahaja yang hendak saya sampaikan dalam sokongan saya kepada pindaan rang undang-undang ini, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, ya Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah dan selepas itu saya minta Tuan M. Munusamy untuk bersedia.

5.19 ptg.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang ini iaitu akta untuk meminda Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966. Mengalu-alukan usaha meminda akta yang telah memberikan ataupun yang telah memainkan peranan penting selama ini di dalam negara kita, sukalah saya memfokuskan perhatian kepada dua perkara penting Tuan Yang di-Pertua.

Yang pertama, berhubung dengan peraturan-peraturan yang ada hubungannya dengan dana atau *fund* lembaga ini. Saya perhatikan berlakunya apa yang dapat kita sebut sebagai *updating*, ataupun pengemaskinian peraturan-peraturan untuk dana bagi lembaga ini. Apa yang membimbangkan saya Tuan Yang di-Pertua, saya takut walaupun telah diperkemas di susun begitu baik lembaga pengarah, lembaga ini dengan kuasa-kuasa tertentu, tetapi lembaga ini dengan susunan-susunan kewangan yang baru ini masih memberi perhatian kepada masalah hendak mendapatkan kewangan yang lebih banyak supaya lembaga ini dapat berdiri *financially* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua di atas kaki sendiri dan dengan itu dalam perjalanan sehari-harinya lembaga ini akan lupa kepada satu senarai tugas-tugas penting yang telah diamanahkan kepada lembaga ini.

Dengan itu harapan kita untuk melihat lembaga ini memainkan peranan yang penting dalam pembangunan keluarga, dalam pembangunan penduduk tidak akan kesampaian. Apatah lagi apabila kita mengingatkan keadaan sekarang, saya amat bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib tadi bahawa dalam masa 50 tahun masa kita telah mencapai kemerdekaan usaha-usaha mengisi kemerdekaan telah kita lakukan sebaik-baiknya terutama sekali daripada fizikal ini. Mungkin barangkali dari segi kerohaniannya belum dapat kita bangga.

Apa yang kita bincang saya rasa sebahagian besarnya timbul berpunca daripada krisis nilai yang sebenarnya. Kita berharap dengan peraturan-peraturan baru yang diberikan dan kuasa-kuasa baru yang diberikan kepada lembaga ini, lembaga ini tidak mudah untuk lupakan tanggungjawabnya yang terlalu besar iaitu merancang kependudukan negara kita, merancang pembangunan keluarga di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya cukup tertarik hati dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin.....

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Minta laluan....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat, adakah ini bermaksud pihak kerajaan perlu menambah peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ini agar tidak perlu dibuat akta sebegini

dipinda supaya menjadi seolah-olah mungkin *fund raising body* pula. Mungkin kita perlukan peruntukan yang lebih banyak supaya perkara ini tidak terjadi.

Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau kepada saya, saya lebih suka, peruntukan itu diberi sebanyak mungkin oleh kerajaan dan lembaga ini tidak mengharapkan punca-punca pendapatan yang lain. Kadang-kadang dalam usaha kita sehari-hari, kerana kita asyik memikirkan punca-punca pendapatan, kita terlupa kepada tanggungjawab yang sebenar. Ini masalah, sedangkan di antara agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini satu lembaga dan penduduk ini adalah salah satu daripada agensi kerajaan yang sangat mustahak. Jadi, kalau lembaga ini asyik memikirkan hal-hal duit sahaja, tidak memikirkan perkara-perkara yang lebih penting daripada itu, itulah menjadi kebimbangan saya.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin tadi ada sebut, "*rumahku syurgaku*", "*baiti jannati*". Bagaimanakah rupa rumahku yang dapat kita sifatkan sebagai syurgaku? Adakah sebuah rumah yang besar, sebuah *bungalow* misalnya yang mempunyai bilik yang banyak walaupun penduduk rumah itu, walaupun ahli keluarga itu tidak ramai, mempunyai halaman dan dengan pokok-pokok hiasan yang cantik, di dalamnya dihias dengan perabot-perabot yang mahal. Tetapi apabila tengah hari anak balik dari sekolah, anak dapati ibu tidak ada, ayah jauh sekali kerana berdasarkan kepada kempen-kempen kesaksamaan *gender*, saya dengar tadi bahawa tidak semestinya seorang isteri yang duduk di rumah walaupun dia mempunyai kelulusan, dia tidak miskin, sedangkan bagi dia sendiri tidak mempunyai pekerjaan dan tidak akan *personal income* bagi dia.

Hidup dia belanja dia sehari-hari, belanja anak dia ditanggung dan disara oleh suaminya. Jadi, kalau begitu kedudukan kefahaman kita dan kalau begitu berjayanya kempen kesaksamaan gender ini, saya bimbang terpengaruh wanita-wanita terutamanya yang mempunyai kelulusan-kelulusan untuk tidak mahu berkahwin ataupun kalau berkahwin tidak bercadang untuk mendapat anak yang ramai. Jadi, jangan harap 70 juta dapat kita tengok realitinya dalam masa yang pendek ini. Mungkin barangkali tidak bercadang pun untuk membesarkan anak dia sendiri, inilah timbul masalah apa yang disebut oleh sahabat kita tadi. Adakah begini rumah yang disebutkan rumah, *jannati baiti*, ataupun rumah yang seumpama mana atau adakah rumah pangsa yang biliknya tiga, alhamdulillah, anak-anak terpelihara dengan baik dan sebagainya. Ini yang menjadi masalah yang kita perhatikan sekarang. Di bawah kementerian yang sama apa yang saya sebut tadi usaha untuk mencapai kesaksamaan gender ini, saya rasa dengan apa yang ada sekarang insya-Allah akan berjaya, tetapi haruslah diimbangi dengan perkiraan-perkiraan yang saya sebutkan tadi.

Saya ada sebut sekejap tadi Tuan Yang di-Pertua, krisis nilai. Saya ada bertanya Kementerian Penerangan, apakah yang dimaksudkan dengan RTM2 saluran famili. Saya hendak

tahu sejauh mana RTM sebagai alat negara sebagai perkakas kerajaan sebagai saluran kerajaan menggunakan saluran famili ini setidak-tidaknya menolong Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh mengizinkan saya membaca sedikit, "*Saluran famili juga turut memanfaatkan sepenuhnya slogan berkenaan bagi menunaikan peranan bukan sekadar menyampaikan maklumat tetapi juga hiburan yang mampu merangsang minda*" adakah betul-betul hiburan itu merangsang minda ataupun benda lain yang dirangsang. Ini yang saya rasa kita sebenarnya mengalami masalah krisis nilai Tuan Yang di-Pertua. Daripada orang seperti Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, pakaian yang baik, yang tidak menjolok mata, yang boleh diterima yang tidak terbuka di sana sini, ini satu cara yang baik yang sesuai dengan peradaban kita, yang sesuai dengan agama kita, moleklah kalau ditonton oleh anak-anak kita. Tetapi, ini nilai baru, nilai lama Tuan Yang di-Pertua.

Nilai sudah ini tidak laku lagi sekarang, saya tanya Kementerian Penerangan, saya mengatakan bahawa saya tidak mengharapkan RTM1 dan RTM2 berlumba-lumba dengan TV3 dan saluran-saluran swasta yang lain dalam menyediakan hiburan. Dia jawab walaupun begitu, tetapi kita masih perlu berlumba dengan stesen-stesen yang lain supaya kita dapat menakluki seramai yang boleh penonton-penonton. Jadi, untuk menakluki seramai yang boleh penonton-penonton, maka kita terikut-ikut dengan nilai-nilai TV3 dengan nilai-nilai saluran-saluran yang lain. Jadi, identiti ataupun jenama ataupun sifat RTM1 dan RTM2 itu tidak dapat kita tonjolkan sebaik-baiknya.

Tetapi, walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat mengharapkan semoga terdapat kerjasama yang sungguh-sungguh daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Kementerian Penerangan supaya saluran RTM2 yang bergelar saluran famili ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya dengan rancangan-rancangan yang tujuannya untuk merancang pembangunan keluarga sebaik-baiknya. Kalau boleh buatlah drama yang menggambarkan *baiti jannati*, buatlah drama yang menggambarkan nilai-nilai baik yang sepatutnya kita kemukakan kepada penduduk-penduduk terutama sekali generasi Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu dua tiga perkara saya sebut, saya menyokong pindaan ini terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.= Ahli-Ahli Yang Berhormat masa telah pun cukup, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.